

ثقيقن تيتاه

PETIKAN TITAH

"DALAM usaha meningkatkan kestabilan serantau, Negara Brunei Darussalam akan terus mengutamakan prinsip-prinsip kerjasama bersama-sama dengan negara-negara sahabat." - Titah sempena Perayaan Hari Keputeraan Baginda Ke-54 Tahun pada 15 Julai 2000.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN sesungguhnya syaitan-syaitan itu membisikkan kepada pengikut-pengikutnya supaya mereka membantah menghasut kamu, dan jika kamu menurut hasutan mereka untuk menghalalkan yang haram itu, sesungguhnya kamu tetap menjadi orang-orang musyrik." - Surah Al-An'am ayat 121.

TAHUN 47 BILANGAN 21

RABU 22 MEI 2002/1423

رابع 9 ربيع الأول

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Lantikan Menteri Pembangunan, Menteri Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, memaklumkan bahawa baginda dengan sukacita membuat lantikan-lantikan seperti berikut:

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Timbalan Menteri Pendidikan yang pada masa ini memegang jawatan Menteri Pembangunan ditetapkan lantikannya sebagai Menteri Pembangunan dan

Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan dilantik menjadi Menteri Kesihatan.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri pada 16 Mei lalu menjelaskan, penetapan jawatan dan lantikan ini berkuat kuasa mulai hari Jumaat, 17 Mei 2002.

Biodata kedua-dua menteri berkenaan dimuatkan di muka 6.



YANG Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.



YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

TAHUKAH AWDA

BEBERAPA golongan umat manusia yang ingkar, kurang senang dengan kedatangan Islam dan merupakan musuh Allah, Rasul dan agama Islam, telah berusaha menjajah pemikiran dan kepercayaan umat Islam dalam beragama. Sasaran mereka kini bukan sahaja negara-negara mundur dan bergolak tetapi juga turut menyerang negara membangun dan warga kota.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan lot tanah kepada seorang rakyat baginda di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba, Gadong. Majlis pengurniaan itu telah berlangsung di Sekolah Rendah Jerudong pada 20 Mei lepas.



Kebawah DYMM kurniakan kunci rumah, lot tanah

JERUDONG, 20 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba, Gadong berlangsung di Sekolah Rendah Jerudong.

Keberangkatan tiba baginda di sekolah rendah tersebut dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji

Liputan
Abd. Karim HAB
dan Sahari Akim

Ahmad dan Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Dimulikan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Lihat muka 16

Brunei - Timur Timor jalin hubungan diplomatik

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Mei. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Demokratik Republik Timur Timor dengan berpanduan kepentingan-kepentingan dan kehendak rakyat kedua-dua buah negara telah mengambil keputusan untuk menjalin hubungan diplomatik di antara kedua-dua buah negara di peringkat kedutaan mulai hari ini.

Menurut siaran akhbar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, kedua-dua buah kerajaan telah bersejua untuk memperkembangkan hubungan persahabatan dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara berasaskan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

rakat umum dan pertubuhan-pertubuhan lain di negara ini.

Menyentuh mengenai gejala sosial di kalangan remaja seperti menyalahgunakan dadah, pemugut, jenayah juvena dan anak-anak muda lari dari rumah, ianya merupakan tanggungjawab semua pihak sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Dari itu, Duli Yang Teramat Mulia menyeru BAKTI supaya memainkan peranannya dengan mengemukakan pelbagai program kesedaran di kalangan isteri-isteri anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengenai perlunya mereka sentiasa memberikan pemedulian ke atas pergaulan dan kegiatan anak-anak remaja mereka.

Begitu juga Duli Yang Teramat Mulia berharap agar BAKTI akan dapat merancang kegiatan-kegiatan yang melibatkan ahli keluarga yang berbentuk sosial dan keagamaan.

Lihat muka 16

Oleh Dk. Hajah Saidah PHOA

BERAKAS, 19 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam bersabda, penglibatan di dalam kerja-kerja sukarela merupakan suatu penglibatan yang terpuji dan perlu dipupuk di kalangan anggota masyarakat terutama sekali di kalangan pertubuhan dan persatuan awam di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Duli Yang Teramat Mulia berharap kegiatan tersebut akan dapat diberikan penekanan oleh setiap persatuan dan pertubuhan di negara ini di dalam pergerakan mereka.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian semasa merasmikan Mesyuarat Ke-10 Badan Kebajikan Isteri-Isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI) yang diadakan di Mes Pegawai Berakas Garison.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Elisani.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda, penglibatan BAKTI dengan kerja-kerja kebajikan untuk membantu golongan masyarakat yang memerlukan bantuan di dalam negeri dan juga masyarakat antarabangsa dengan mengadakan bazar bagi Tabung Bantuan Rakyat Awam Afghanistan akan dapat dijadikan contoh oleh persatuan dan pertubuhan wanita yang lain di negara ini.

Oleh itu, Duli Yang Teramat Mulia berharap, BAKTI akan terus melangkah ke hadapan memperluaskan penglibatan mereka dengan kerja-kerja amal kebajikan di negara ini terutama sekali pusat ihsan bagi orang-orang cacat dan berkerusi roda dan pusat kanak-kanak cacat.

Dengan penglibatan ahli-ahli BAKTI dalam kerja-kerja sukarela itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia akan menjadi dorongan dan ikutan masya-

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Berusaha sendiri alternatif yang perlu digalakkan
- Muka 2

Melirik Masa Silam :

Biarpun Tidak Setenang Di Masa Silam
- Muka 3

BSP bangunkan kawasan Egret

- Muka 4

PGGMB Memacu Arus Peredaran Masa

- Muka 8 dan 9

Sekitar penamaan kapal S. S. ABADI

- Muka 10 & 11

Berhati-hati dengan kumpulan bukan Islam : Meracuni jiwa, pemikiran umat Islam

- Muka 3 ANEKA

Memata-matai aktiviti warga asing yang mencurigakan

- Muka 7 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita_1.htm
e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804 / 02 382192
Faks : 02 381004 / 02 380507

HALUAN...

Berusaha sendiri alternatif yang perlu digalakkan

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wasalatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen Sayidina Muhammadin Wa'alaa Aalihihi Wasabbihi Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wataala jua kita dapat hadir sekali lagi dalam Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei Ke-11.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada pengerusi majlis dan ahli-ahli jawatankuasa berkenaan khususnya dan Kementerian Pendidikan umumnya, kerana mengundang saya hadir selaku tetamu kehormat di majlis ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada graduan-graduan yang akan menerima Diploma Tinggi Kebangsaan mereka dalam pelbagai bidang pada hari ini, di mana ini akan melayakkan pemegang-pemegang bagi memenuhi keperluan tenaga di negara ini atau meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Pengetahuan dan kemahiran para graduan dalam bidang-bidang teknologi, pengurusan dan perdagangan adalah penting sebagai tulang penggerak rancangan-rancangan dan usaha-usaha ke arah kemakmuran negara dan peningkatan kualiti kehidupan kita.

Kita merasa gembira mengetahui sejauh ini semakin ramai para graduan institut ini telah dapat diserapkan dalam pasaran pekerjaan terutamanya di sektor-sektor swasta yang besar seperti organisasi-organisasi perbankan, telekomunikasi dan firma-firma lain.

SALAH satu persiapan yang dimaksudkan ialah membuat pelaburan yang lebih bijaksana dalam perkembangan sumber tenaga manusia khususnya dalam bidang-bidang yang benar-benar dikehendaki oleh negara dan menanamkan sikap dan budaya ingin maju serta bersedia menghadapi segala cabaran dengan cekap dan yakin dalam institusi tempatan.

Situasi ini jelas memberi gambaran kepada kita bahawa bentuk dan isi kandungan bidang-bidang kursus yang ditawarkan oleh Institut Teknologi Brunei adalah selari dengan keperluan-keperluan industri dan perniagaan yang dikendalikan oleh sektor swasta dan lebih-lebih lagi di sektor kerajaan, dalam mana kemahiran-kemahiran mereka dapat dimanfaatkan, khususnya dalam bidang-bidang teknikal dan pengurusan sesuai dengan kehendak jabatan-jabatan berkenaan.

Menyentuh tentang peluang pekerjaan di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil beberapa langkah positif dalam menggerakkan sektor industri dan perniagaan sebagai usaha yang berterusan bagi memulihkan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Langkah-langkah sedemikian boleh dilihat pada misalannya, penubuhan syarikat minyak kebangsaan kita, suntikan satu bilion ringgit ke arah menggerakkan semula sektor pembinaan dan juga terbentuknya beberapa jabatan-jabatan baru dalam kementerian-kementerian tertentu, serta skim-skim galakan untuk perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana.

Ini barang sudah setentunya menghendaki tenaga kerja yang berkemahiran dalam semua bidang termasuk teknologi maklumat komunikasi, pengurusan dan perniagaan serta kejuruteraan.

Dalam hubungan ini, Institut Teknologi Brunei yang banyak menumpukan bidang kursus ke arah bidang-bidang kejuruteraan, teknologi dan perdagangan akan berperanan sebagai pemangkin kemajuan industri-industri dalam 'knowledge-based economy' di negara ini, di masa ini dan juga pada masa akan datang, sejajar dengan matlamat asal penubuhan-



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, di Majlis Konvokesyen Institut Teknologi Brunei Ke-11 pada 28 Safar 1423/11 Mei 2002.

nya untuk menyediakan sumber tenaga manusia yang diperlukan.

Dalam arus perkembangan ICT dan globalisasi, saya melihat Institut Teknologi Brunei berkeupayaan untuk berkembang maju dengan pesat lagi dalam pelbagai bidang kursus yang ditawarkan.

Walau bagaimanapun, institut ini juga harus mempertingkatkan status dan sistem pengurusan dan pentadbirannya dengan lebih teratur dalam merancang aktiviti-aktivitinya terutama dalam R & D, selaras dengan imejnya sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi yang unggul dalam bidangnya di negara ini.

Cabaran ini adalah bertepatan dengan perkembangan masa kini di mana penekanan adalah diberikan kepada bidang sains dan teknologi termasuk teknologi komunikasi maklumat yakni ICT, seperti yang terkandung dalam Rancangan Kemajuan Negara Kelapan yang memperuntukkan lebih kurang satu bilion ringgit bagi pelaksanaannya.

Segala langkah-langkah perubahan ke arah memantapkan sistem dan status Institut Teknologi Brunei yang disebutkan itu tadi tidak dapat dicapai sepenuhnya tanpa adanya sambutan baik dan kerjasama yang erat dari pihak swasta.

Kerjasama dan hubungan di antara Institut Teknologi Brunei dengan organisasi industri dan perniagaan di negara ini, perlulah diperluaskan dan dipertingkatkan dengan lebih erat lagi bagi memberikan keyakinan kepada mereka terhadap kualiti kelulusan dari Institut Teknologi Brunei sebagai sumber tenaga yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan dari masa ke semasa.

Kita menyedari bahawa dalam usaha kita untuk memulihkan ekonomi negara di tengah-tengah kelembapan dan kelesuan ekonomi serantau, banyak rintangan-rintangan yang dialami.

Antaranya ialah masalah pengangguran. Masalah ini perlulah ditangani dengan memperluaskan peluang-peluang pekerjaan.

Walau bagaimanapun, peluang pekerjaan tidak bererti hanya terbatas kepada pekerjaan makan gaji sahaja, malah peluang-peluang untuk menjadi pengusaha sendiri adalah alternatif yang perlu digalakkan.

Jika kita dapat membuat persiapan dan mengatasi masalah-masalah ini dengan menekankan aspek-aspek keusahawanan di kalangan para graduan, ini akan meningkatkan daya saing negara kita dalam memperkembangkan pertumbuhan ekonomi.

Salah satu persiapan yang dimaksudkan ialah membuat pelaburan yang lebih bijaksana dalam perkembangan sumber tenaga manusia khususnya dalam bidang-bidang yang benar-benar dikehendaki oleh negara dan menanamkan sikap dan budaya ingin maju serta bersedia menghadapi segala cabaran dengan cekap dan yakin dalam institusi tempatan.

Kita akan secara relatif lebih mampu dan memperoleh 'competitive edge' di masa akan datang, insya-Allah.

Akhir sekali, saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua graduan pada tahun ini dan berdoa agar kejayaan ini akan membawa manfaat kepada kita semua.



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا
ثَمُورَهُ دَانَ مَهَا فَيَايَغْ

Dari Sidang Pengarang

22 MEI 2002 BERSAMAAN 1423

9 ربيع الأول

PGGMB MENJADI KEBANGGAAN MASYARAKAT MELAYU

DITUBUHKAN 60 tahun yang lalu, Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) kini menjadi kebanggaan masyarakat Melayu di negara ini. Kebanggaan itu tetap terpacat memandangkan PGGMB merupakan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tertua yang telah berjaya mencipta nama hasil penat jerih pemimpin-pemimpinnya. Kemunculannya masih kekal dan mantap sehingga ke hari ini, memberikan sumbangan bukan saja di bidang pendidikan tetapi yang penting terhadap perkembangan sosioekonomi Brunei.

Sepanjang sejarah dan perjalanan hidupnya, PGGMB telah mencapai beberapa kemajuan yang amat membanggakan kita semua dalam pelbagai bidang terutama perkembangan pendidikan dan perniagaan. Dipelopori dan diasaskan oleh guru-guru Melayu ketika negara masih serba-serbi kekurangan, namun atas kebijaksanaan dan keyakinan, PGGMB telah berkembang menjadi sebuah pertubuhan yang memiliki potensi yang besar terutama dalam memajukan ekonomi orang-orang Melayu khususnya para guru Melayu.

Sampai ke hari ini apa yang dicapai oleh persatuan berkenaan sentiasa memberi nama yang baik serta gambaran tentang keupayaan para pemimpinnya. Mereka berjaya membawa PGGMB melintasi detik-detik yang sukar, sehingga dengan tidak mengharapkan keuntungan segera tetapi berhasil memperoleh untuk survival mereka. Sesuatu yang amat membanggakan yang patut kita kenang ialah pengasas persekutuan ini merupakan golongan awal pencetus kesedaran di kalangan masyarakat Melayu. Merekalah yang menupikan semangat pelajaran di kalangan anak-anak bangsa. Hasil penat mereka itu berbaloi di mana negara kita kini memiliki anak-anak watan yang berilmu pengetahuan, dan kini telah memacu perkembangan negara.

Kini PGGMB berdiri dengan megah, kukuh dan mempunyai aset dan perniagaan yang banyak serta mengendalikan aktiviti-aktiviti berkebalikan untuk ahli dan masyarakat umum. Antara kegiatan yang berjaya disempurnakan dengan cemerlang ialah penubuhan Syarikat Kerjasama Jimat Cermat dan Bantu-Membantu, Syarikat Bangunan Guru-Guru Melayu Brunei, Syarikat Permodalan dan Pelaburan PGGMB, Wisma Puri PGGMB, Wisma Jaya, Sekolah PGGMB, Sekolah Tunas Jaya PGGMB, Yayasan Pendidikan dan Biasiswa PGGMB dan Badan Kebajikan PGGMB. Pendek kata PGGMB mengusahakan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat, mengusahakan perusahaan seperti penubuhan sekolah swasta, bangunan perniagaan dan perumahan yang memberikan keuntungan kepada persekutuan ini. Kini kemegahan itu terus terserlah, apabila PGGMB mempunyai bangunan baru setinggi 15 tingkat dengan menelan belanja \$30 juta yang tetap akan berdiri megah dan menjadi mercu tanda di tengah-tengah Bandar Seri Begawan.

Ke arah memajukan pendidikan negara, PGGMB akan terus mempergiatkan penubuhan sekolah-sekolah menengah dan mencubai industri pendidikan dengan menubuhkan kolej swasta dan institusi pengajian tinggi melalui kerjasama institusi atau agensi-agensi pendidikan dalam dan luar negara. Selain itu untuk masa hadapan, persekutuan tersebut berusaha menjadi pertubuhan kebajikan yang dinamik, proaktif dan berketrampilan dalam bidang-bidang yang diceburi baik dalam mahupun di luar negara.

Walau bagaimanapun, dalam mengejar cita-cita itu, PGGMB mestilah terus-menerus komited serta turut berperanan terutama sekali bagi kepentingan pendidikan negara di alaf baru ini dalam makna tidak meminggirkan diri. Mereka juga patut berkecimpung dengan gagasan-gagasan baru. Salah satu gagasan yang patut dicapai ialah menjadikan PGGMB sebagai antara wadah untuk menyediakan kemudahan untuk anak bangsa dalam hal pendidikan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa merasmikan Bangunan Baru PGGMB baru-baru ini juga bertitah mengharapkan agar persekutuan berkenaan mempunyai program atau skim-skim tertentu yang bersifat kebajikan seperti skim bantuan pelajaran atau skim pinjaman pelajaran.

Untuk lebih menyumbang dan berperanan terhadap negara, baginda juga mahukan supaya PGGMB meluaskan keanggotaannya sehingga meliputi seluruh kaum guru dan pensyarah Melayu yang terdiri dari warganegara Brunei. Kini PGGMB mempunyai ahli lebih 2,500 orang di seluruh negara. Dengan cara ini PGGMB akan semakin teguh kerana didukung oleh ahli-ahli dari pelbagai aliran dan disiplin ilmu.

Untuk lebih komited membangunkan bangsa dan negara, PGGMB juga diharap akan merebut peluang untuk memperluaskan perusahaannya dan bersedia meneroka bidang-bidang dan pelaburan yang lebih mencabar seperti kewangan, perbankan, ICT dan perdagangan. Sebagai pertubuhan dinamik, PGGMB juga perlu memikirkan untuk mengadakan perkongsian dengan firma-firma atau badan-badan luar negara bagi meluaskan skop dan perniagaan yang berlandaskan e-perdagangan.

PGGMB dengan kepimpinan bersepadu tetap menempa kemajuan yang gemilang selaras dengan tuntutan masa dan keadaan. Kita juga penuh percaya PGGMB akan terus-menerus menjalankan tanggungjawab sosial untuk menghulurkan khidmat bakti dalam sama-sama meningkatkan mutu pendidikan di negara ini dan juga terus berpacu meniti arus peredaran masa.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

BIARPUN TIDAK SETENANG DI MASA SILAM

SUNGAI Brunei sekarang terus berkocak. Ia kini sudah seperti tidak berupaya untuk lari dari ombak yang tidak putus-putus mewarnai permukaannya. Sungai yang dahulunya senantiasa tenang dan cukup menyenangkan itu banyak membantu untuk mendapatkan keperluan hidup penduduk-penduduk Kampong Ayer melalui pelbagai kegiatan yang mereka lakukan. Umpamanya menangkap ikan. Orang-orang di sekitar Kampong Ayer bukan sahaja terkenal dengan pelbagai kebolehan termasuk yang berbentuk kreatif (terutamanya bertukang), bahkan ramai yang mempunyai kebolehan dalam mencipta sesuatu yang diperlukan mereka terutama yang berkaitan dengan mata pencarian seharian. Diambil misal kepada alat-alat menangkap ikan. Nama-nama alat menangkap ikan yang tidak asing dan selalu digunakan kira-kira dalam masa sekitar tahun 1950-an atau mungkin lebih awal lagi, seperti rambat, rigis, siut, bubu, balat, babangan, balat besar, sangkar yang hampir sama bentuknya dengan bubu moden yang dibuat sekarang, selambau, balat sungai, lintau, tugu dan banyak lagi. Semua alat-alat itu adalah penting dimiliki oleh orang-orang yang rajin berusaha apa lagi di kalangan mereka yang hampir banyak waktunya ditumpukan kepada hobi menangkap ikan itu. Kita tulis tentang untuk yang punya 'hobi' menangkap ikan atau hobi turun ke laut termasuk untuk mengail, sebenarnya ramai di antara mereka itu bukanlah nelayan-nelayan sepenuh masa bahkan terdiri dari mereka yang sudah mempunyai pekerjaan lain di darat umpamanya selaku pemandu lori, kerja di pejabat, cikgu, peon, tukang kayu, malah ada juga yang sudah 'kanan'.

Semua yang kita sebut itu, sering kali bertembung dengan kita bila berlabuh di laut Tempat Maulana iaitu lokasi yang digemari oleh ramai di kalangan mereka itu untuk menangkap ikan.

Antara sebabnya, bahawa di laut Tempat Maulana itu, ada beberapa buah bot kecil yang tenggelam kerana ditembak oleh tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua (1943-1945). Bot-bot itu, dibiarkan menanggung beban petakanya seperti terus terbakar yang akhirnya tenggelam di laut Tempat Maulana itu. Setelah ia tenggelam, siapa pun orangnya ada pada waktu itu, walaupun pernah ada niat untuk menimbulkannya, namun apabila memikirkan tidak ada gunanya ianya ditimbulkan kerana bakal mengeluarkan belanja yang tidak kecil jumlahnya sedangkan kapal-kapal itu sudah pun dianggap 'bangkai' maka ia ditinggalkanlah berada di dasar Sungai Brunei. Akhirnya, kapal-kapal yang sudah dianggap 'bangkai' itu dimanfaatkan pula oleh orang-orang kampung yang mengangap bangkai kapal itu biarkan menjadi lawa-lawa sebagai rumah ikan berkumpul, yang sekali gus pula akan menjadi tempat bagi penangkap-penangkap ikan amatur itu memasang pelbagai jenis alat untuk menangkap ikan-ikan yang mengelilingi lawa-lawa itu seperti dengan menggunakan rawai, rumpun, merentang andang, melabuh bubu dan ada juga dengan hanya menggunakan kail. Bagi yang tangannya 'niruan', maka akan mudah dan akan cepat perolehan yang memuaskan mereka.

Dalam usaha begini, bagusnyanya pekarang-pekarang dahulu ialah sifat yang tidak 'tamaha'. Bukti, dari satu pengalaman sendiri, rakan yang menangkap ikan dengan menggunakan

rawai, tidak lokek dengan menunjukkan tempat yang makan untuk merawai. Katanya, amat baik lagi kalau dengan menggunakan rampun dan dihulur langsung ke bahagian perut kapal (tentunya secara agakan sahaja). Jenis ikan yang ada di situ pun adalah jenis yang baik seperti ikan merah, ikan ketamban, kalakituk, sumbilang, languran, bebatik dan kalau nasib baik akan juga didapati jenis-jenis ikan yang digemari ramai pada waktu itu seperti belais, kitang dan sepie. Rasa ikan-ikan pada waktu itu sungguh nyaman, manis dan cukup lemak. Akan lebih membuka selera lagi kalau dimasak secara asam pedas atau apa yang disebut oleh orang dahulu itu secara masakan sira asam. Untuk jenis masakan yang namanya disebutkan itu, ramai orang dahulu mengangapnya sebagai satu-satunya masakan tradisi orang Brunei yang digemari ramai. Masakan ini selalunya akan turut berperanan dan selalu disajikan sama, apabila hidangan ambuyat dikemukakan selain dari pelbagai jenis ikan kering, budu, pelbagai jenis cacah dari pelbagai jenis buah-buah asam seperti pidada nasi yang kuat masaknya, jarak binjai dan asam kelumbi. Kuah dari masakan sira asam itu tadi akan menjadi penyampur cacah itu tadi.

Maka itu, sudah dapat dibayangkan bahawa Sungai Brunei adalah cukup dalam selain dengan keluasanya yang boleh dimasuki oleh kapal-kapal besar seperti Raja Brooke, Perlis, Lipis dan lain-lain kapal kargo dengan muatan yang

banyak. Dalam pada itu, air Sungai Brunei hanya berombak sekali-sekala sahaja tetapi tidak sepanjang waktu seperti yang berlaku pada masa ini. Pada waktu dahulu itu, hampir semua penduduk Kampong Ayer menggunakan perahu yang berbagai-bagai saiznya dan menjadi alat perhubungan yang penting. Selain dari perahu, terdapat juga sebuah dua perahu-perahu yang menggunakan enjin luar atau out boat. Ada juga sebuah dua bot-bot sederhana yang menggunakan enjin dalam terutama kepunyaan kerajaan di bawah tanggungjawab Jabatan Laut. Namun kegunaannya tidaklah terlalu kerap. Ketenangan Sungai Brunei itu mungkin kurang penggunaannya, kecuali oleh perahu-perahu kecil yang dikayuhkan oleh seorang dua sahaja. Bahkan, ketenangan airnya itu, telah memberikan kebiasaan orang mengisikan perahunya sehingga sarat dan hanya tinggal dua tiga inci saja dari bibir perahu, namun jarang karam. Jauh benar bezanya dengan sekarang. Fungsi perahu sudah diambil alih oleh motor sangkut. Motor sangkut inilah nampaknya yang menjadi punca Sungai Brunei tidak pernah tenang malah terus berombak, membasahi penumpang dan mendebarakan penumpang.

Biarpun bot-bot itu merupakan satu kemudahan, tetapi ianya bukanlah untuk menunjukkan sesuatu sikap yang lebih condong mengundang bahaya, sedangkan tujuan sebenar adalah untuk menyenangkan orang, bukan menyusahkan apa lagi membahayakan. Mudah-mudahan pemandu-pemandu yang berkenaan itu sentiasa mengingatkan diri mereka keperluan mendisiplinkan diri, mengawal perasaan, tingkatan pertimbangan yang tinggi, budi bicara dan akal fikiran yang waras yang asasnya adalah untuk keselamatan semua biarpun Sungai Brunei terus berombak dan tidak lagi setenang di masa silam.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan berangkat ke Dili bagi menghadiri Majlis Pengisytiharan Kemerdekaan Timur Timor. - Gambar oleh Hamadi HM.

Hadiri Pengisytiharan Kemerdekaan Timur Timor

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 19 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Dili bagi menghadiri Majlis Pengisytiharan Kemerdekaan Timur Timor.

Duli Yang Teramat Mulia telah berangkat bersama menteri-menteri luar ASEAN berserta pemimpin-pemimpin antarabangsa yang lain.

Majlis Mengangkat Sumpah bagi ahli-ahli baru Kerajaan Timur Timor di bawah pimpinan Tuan Yang Terutama Presiden Xanana Gusmao akan diadakan pada keesokan paginya.

Sebelum pengisytiharan kemerdekaan, Timur Timor telah ditadbir oleh Pentadbiran Peralihan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Transitional Administration), selama tiga bulan.

Adakan perjumpaan dengan bakal Presiden Timur Timor

DILI, 19 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berkenan mengadakan perjumpaan dengan Tuan Yang Terutama Xanana Gusmao, bakal Presiden Republik Demokratik Timur Timor.

Semasa perjumpaan yang berlangsung di Pejabat Presiden, Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala serta bertukar-tukar pandangan menge-

nai isu-isu serantau dan antarabangsa yang menjadi perhatian bersama. Juga hadir ialah bakal Perdana Menteri, Tuan Yang Terutama Mari Alkatiri dan bakal Menteri Hal Ehwal Luar, Tuan Yang Terutama Ramos Horta.

Duli Yang Teramat Mulia berada di Dili bagi berangkat bersama para pemimpin serantau dan antarabangsa yang lain di Majlis Pengisytiharan Kemerdekaan Republik Demokratik Timur Timor yang diadakan pada 20 Mei.

Senyum Budiman





CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Raqib bin Yang Amat Mulia Pengiran Anak Dato Laila Utama Haji Abdul Rahim. - Gambar oleh Haji Haranadi HB.

Cucunda baru Kebawah DYMM

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar, Grand Chamberlain memaklumkan bahawasanya :

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan amat sukacita menamakan cucunda baginda iaitu putera kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul

Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Dato Laila Utama Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak Haji Kemaluddin dengan nama **Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Raqib bin Yang Amat Mulia Pengiran Anak Dato Laila Utama Haji Abdul Rahim.**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya dengan sukacita mengurniakan ucapan terima kasih kepada semua yang menyembahkan perutusan tahniah dan ucap selamat berikutan dengan meluaran cucunda baginda pada hari Selasa, 1 Rabiulawal 1423 bersamaan 14 Mei 2002 jam 4.00 petang.

Pemangku Naib Canselor UBD yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa baginda telah memperkenankan bagi Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam meneruskan tugas-tugasnya di Kementerian Hal Ehwal Ugama secara sepenuh masa bagi membolehkan beliau melibatkan tenaga dan usahanya secara langsung dalam perkembangan Mahkamah-mahkamah Syariah dan Perundangan Islam.

Dengan pertukaran ini, baginda juga telah memperkenankan bagi Dr. Awang Haji Ismail bin Haji Duraman, Pensyarah Kanan, Universiti Brunei Darussalam dilantik sebagai Pemangku Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam.



DATO Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon meneruskan tugasnya di Kementerian Hal Ehwal Ugama sepenuh masa.

Pertukaran tersebut bermula hari Rabu 2 Rabiulawal 1423 bersamaan 15 Mei 2002.

Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman telah dilantik selaku Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam pada 15 Mei 1999 selain daripada tugas-tugas beliau sebagai Pakar Perundangan Islam di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dr. Awang Haji Ismail



DR. Awang Haji Ismail bin Haji Duraman, Pensyarah Kanan UBD dilantik sebagai Pemangku Naib Canselor UBD.

bin Haji Duraman mula berkhidmat di Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1987 sebagai Pensyarah. Jawatan terakhir yang dijabatnya di Universiti Brunei Darussalam ialah Pensyarah Kanan dan Dekan Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar. Beliau adalah lulusan Ijazah Doktor Falsafah (Phd) dalam bidang Ekonomi dari University of Queensland, Australia pada tahun 1988.

BSP bangunkan kawasan Egret

Oleh Awangku Jefferi PD

KUALA BELAIT, 15 Mei. - Syarikat Minyak Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) akan meneruskan rancangan pembangunan di kawasan Egret terletak di Bahagian Timur Laut Padang Fairley milik syarikat itu seperti yang diumumkan pada bulan November tahun lepas.

Pembangunan progresif di kawasan padang minyak dan gas baru Egret bagi tujuan penghasilan gas pertama negara ini menjelang Ogos 2003 sedang giat berjalan dengan lancar dan jika menjadi kenyataan akan meningkatkan pengeluaran gas Brunei Darussalam untuk memenuhi keperluan bekalan gas negara bagi tempoh 2003 selain kegunaan tempatan dan pengeksportan.

Berikutan itu, Majlis Doa Selamat telah diadakan di Marine Construction Yard (MCY) Kuala Belait bagi

menandakan bermulanya projek pembangunan Fasa 1 Gas Egret.

Hadir di majlis tersebut ialah Andrew Fyfe (Pemangku Pengurus Unit West-BSP); Awang Sabli Mahmud (Unit Petroleum); Awang Mohd. Suhaimi Baharuddin (Naib Presiden Kanan TPFE) dan Awang Haji Adinin bin Pehin Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim (AWE).

Kontrak kejuruteraan, perolehan, fabrikasi dan pengurusan projek (EPFPM) dianugerahkan kepada Technip Far East Sendirian Berhad (TPFE), manakala kerja-kerja fabrikasi Pembangunan Fasa 1 Gas Egret bagi menyediakan kemudahan-kemudahan lain termasuk jaket Egret dan pendaratan bot dan sebagainya akan dikendalikan oleh sebuah sub-kontraktor tempatan, 'Adinin Work Engineering (AWE)'.

Pihak BSP menjelaskan, Padang Egret merupakan kawasan minyak dan gas baru yang dijangka menghasilkan lima juta meter isi padu minyak dan 17 bilion meter isi padu gas dalam tempoh 15 hingga 20 tahun.



Rombongan BMR adakan lawatan kerja ke BSP

SERIA, 2 Mei. - Seramai 15 orang pegawai Biro Mencegah Rasuah (BMR) telah membuat lawatan kerja ke Fairley 4, Syarikat Minyak Shell Petroleum Brunei Sendirian Berhad.

Lawatan kerja tersebut telah diketuai oleh Pengarah Biro Mencegah Rasuah, Dayang Hajah Intan binti Haji Md. Kassim dan dialu-alukan oleh Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein, Timbalan Pengarah Pengurusan Syarikat

Minyak Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) serta pegawai-pegawai kanan syarikat tersebut.

Lawatan kerja adalah bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam akan tugas-tugas operasi dan sistem pentadbiran BSP terutamanya di luar pantai. Di samping itu ianya juga dapat mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia ada di antara Biro Mencegah Rasuah dengan Syarikat Minyak Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad.



PENGARAH Biro Mencegah Rasuah (BMR), Dayang Hajah Intan binti Haji Md. Kassim; Timbalan Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Petroleum Brunei Sendirian Berhad (BSP), Dato Paduka Haji Mat Suny dan pegawai-pegawai BMR serta BSP bergambar kenangan semasa lawatan ke Fairley 4 pada 2 Mei lepas (atas).

PENGARAH Biro Mencegah Rasuah, Dayang Hajah Intan binti Haji Md. Kassim semasa menyampaikan cenderamata kenang-kenangan kepada seorang penyelia Fairley 4 BSP (kiri).

Memandu laju punca kemalangan tragik Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara Ke-28

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, satu 'Board of Inquiry on the Tragic Accident Involving Participants to the 28th Ship for Southeast Asian Youth Programme in Brunei Darussalam on the 23 September 2001' telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2001 dipengerusi oleh Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan dan selaku Pengerusi Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam.

Bidang tugas Board of Inquiry ialah :-

i. Menyiasat dan mengenal pasti punca atau sebab kemalangan tragik yang melibatkan peserta-peserta Rancangan Kapal Belia Ke-28 di Negara Brunei Darussalam.

ii. Membuat cadangan dan sokongan bagi mengelakkan atau menghindarkan kemalangan sedemikian berlaku di masa akan datang.

iii. Membuat laporan untuk dihidangkan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan secepat mungkin.

Kenyataan ini telah dikeluarkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berikutan dengan kemalangan tragik di Negara Brunei Darussalam yang melibatkan ketua-ketua delegasi dari negara-negara ASEAN dan Jepun yang menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara Ke-28 telah berlaku pada 23 September 2001 pada kira-kira jam 9.30 pagi. Kemalangan ini telah meragut nyawa enam orang keseluruhannya, iaitu dua orang Ketua Delegasi, seorang kakitangan Pentadbiran Kapal MS Nippon Maru, dua orang pegawai Jabatan Belia dan Sukan dan penumpang kereta Volvo yang terlibat dalam kemalangan tersebut. Kemalangan ini juga mencederakan 11 orang penumpang yang lain di dalam kenderaan-kenderaan yang terlibat, iaitu BG 9062 dan Volvo BJ 1353. Mereka ialah :-

1. Jamdin bin Haji Ramli, Ketua Delegasi Malaysia.
2. Kamaluddin Said, Ketua Delegasi Republik Indonesia.
3. Akio Shinohara, Kakitangan Pentadbiran Kapal MS Nippon Maru.
4. Awang Jaraee bin Yan, pemandu BG 9062.
5. Awang Tamrin bin Ibrahim, Pekerja Kanan Belia dan Sukan.
6. Awang Haji Abdul Karim bin Haji Tengah, penumpang kereta BJ 1353 (kembali ke rahmatullah pada 25 September 2001).

Penumpang lain dalam BG 9062 dan pemandu kereta Volvo BJ 1353 yang mengalami kecederaan ialah:

1. Nobuhiko Suzuki, Ketua Delegasi Jepun.
2. Awang Zulkifli bin Haji Tengah, Ketua Delegasi Negara Brunei Darussalam.
3. Soung Savath, Ketua Delegasi, Kemboja.
4. Keodone Sengmanivong, Ketua Delegasi Lao PDR.
5. Rawang Jung, Ketua Delegasi Myanmar.
6. Reyes Herbert Glenn Pujante, Ketua Delegasi Filipina.
7. Grace Ng Lai See, Ketua Delegasi Singapura.
8. Sunee Prathoomratana, Ketua Delegasi Thailand.
9. Nguyen Quoc Dung, Ketua Delegasi Vietnam.
10. Awang Haji Abdul Jalil bin Haji Md. Yusof, Ahli Persatuan Bersatu (Alumni Rancangan Kapal Belia) selaku Pegawai Perhubungan dan
11. Dayang Hajah Kamaini binti Haji Abd. Karim, pemandu kereta BJ 1353.

Kemalangan tersebut berlaku di kawasan persimpangan empat lampu isyarat Lebuhraya Mentiri dan Sungai Akar. Selaras dengan Undang-undang Negara Brunei Darussalam, "Siasatan Kematian" (Inquest) telah diadakan oleh Mahkamah Majistret untuk memastikan punca kematian. Siasatan kematian bersidang pada 17,

KENYATAAN SIARAN AKHBAR KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN PADA 18 MEI 2002

19 dan 26 Januari 2002. Dapatan siasatan kematian pada 9 Februari 2002 telah menentukan bahawa punca kematian adalah disebabkan nahas yakni 'misadventure'.

Hasil penyiasatan Board of Inquiry melalui pernyataan bertulis saksi-saksi, temuduga dengan saksi-saksi, lawatan ke tempat kemalangan dan Pelabuhan Muara, penyiasatan yang telah dibuat oleh pihak polis serta Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan oleh Board of Inquiry. Hasil daripada penyiasatan itu, Board of Inquiry telah mendapati bahawa punca kemalangan jalan raya yang berlaku pada 23 September 2001 di kawasan persimpangan empat lampu isyarat Lebuhraya Mentiri dan Sungai Akar adalah disebabkan pemandu BG 9062.

i. Memandu BG 9062 dengan laju dan

ii. Tidak mematuhi peraturan lampu isyarat dan terus berjalan ketika lampu isyarat warna merah laluannya menyala.

Bagi mengelakkan atau menghindarkan kemalangan sedemikian berlaku lagi dan seterusnya bagi mengatasi kelemahan yang dikenal pasti, Board of Inquiry membuat sokongan-sokongan seperti berikut :

i. Adalah perlu bagi pihak pengelola Rancangan Kapal Belia dari Jepun dan Jabatan Belia dan Sukan menyediakan 'Terms of Reference' yang mengandungi garis pandu dan prosedur mengenai cara-cara pengendalian Rancangan Kapal Belia di masa-masa akan datang. Ini termasuk dari segi menentukan tanggungjawab dan menetapkan pihak yang berkuasa memberikan arahan di sepanjang Rancangan Kapal Belia dijalankan di Negara Brunei Darussalam.

ii. Pemilihan dan perlantikan Pegawai Perhubungan perlu diteliti semula oleh pihak Jabatan Belia dan Sukan. Pegawai Perhubungan yang dilantik hendaklah cergas, cekap dan berperanan lebih proaktif dalam menjalankan tugasnya dan berupaya menjalankan tanggungjawab dengan sempurna. Jabatan Belia dan Sukan juga perlu mewujudkan sistem pemantauan bagi memastikan bahawa pegawai-pegawai yang menjalankan tugas pegawai perhubungan memenuhi kehendak-kehendak ini;

iii. Jabatan Belia dan Sukan mestilah menerbitkan satu manual yang akan diagihkan kepada semua pegawai dan pekerja tempatan yang bertugas dalam mengendalikan Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara semasa ia berada di Negara Brunei Darussalam. Manual ini hendaklah mengandungi, antara lain, penerangan mengenai bidang-bidang tugas, dan tanggungjawab mengenai pengurusan dan keselamatan;

iv. Oleh kerana peserta-peserta Rancangan Kapal Belia akan mengikuti program keluarga angkat, Jabatan Belia dan Sukan hendaklah memberi penerangan kepada keluarga angkat dan juga manual mengenai tanggungjawab mereka ke atas keselamatan para peserta.

v. Pemilihan dan pengambilan pemandu hendaklah dibuat dengan lebih terperinci. Pemandu-pemandu hendaklah mempunyai pengalaman memandu kenderaan jenis (kelas) tersebut sekurang-kurangnya selama tiga tahun dan mempunyai rekod memandu yang bersih, tidak terbit dalam kegiatan dadah yang terkawal dan mana-mana kegiatan lain yang boleh menjejaskan keupayaan mereka memandu;

vi. Latihan cara memandu yang selamat perlu diberikan berterusan kepada semua pemandu-pemandu terutama sekali pemandu yang membawa penumpang. Mereka ini juga mestilah ditekankan terhadap program kesedaran me-

ngenai keselamatan.

vii. Kamera lampu isyarat dipasang pada persimpangan empat yang sering berlaku kemalangan;

viii. Semua ketua jabatan memastikan arahan Pengarah Pengangkutan Darat mengenai dengan pemasangan Alat Amaran Had Kelajuan seperti dalam memorandum Pengarah Pengangkutan Darat bil : JPD/3.6/1-2 bertarikh 1 Safar 1420 bersamaan 17 Mei 1999 yang bermaksud bahawa semua kenderaan yang dikategorikan sebagai komersil seperti Pick Up, Light Truck, Tipper Truck, Goods Truck, Prime Mover, Bas, Van dan lain-lain lagi mesti dipasang dengan Alat Amaran Had Kelajuan (Speed Warning Device). Ini tidak termasuk kenderaan-kenderaan yang digunakan untuk kecemasan seperti Ambulance dan Kereta Pemadam Api.

ix. Ketua-ketua jabatan sentiasa memastikan alat-alat tersebut berfungsi dengan baik;

x. Berikutan dengan kesediaan Pihak Pengelola Rancangan Kapal Belia dari Jepun membiayai sewa kenderaan untuk mengangkut peserta-peserta Rancangan Kapal Belia, adalah wajar bagi pengangkutan peserta-peserta Rancangan Kapal Belia semasa mereka di Negara Brunei Darussalam diuruskan oleh pihak pengelola Rancangan Kapal Belia dari Jepun. Dengan cara sedemikian tentunya akan mengurangkan beban kepada pihak kerajaan dalam membuat urusan penyediaan kenderaan termasuk perlindungan insurans bagi pengangkutan peserta-peserta Rancangan Kapal Belia. Ini termasuklah pengangkutan bagi Ketua-ketua Delegasi Rancangan Kapal Belia dan

xi. Jabatan Belia dan Sukan mengadakan perjumpaan bagi membuat penilaian setiap kali Rancangan Kapal Belia selesai dianjurkan. Ini bertujuan bagi menilai semula kecekapan pengurusan dan mengenal pasti kelemahan dan kekurangan yang dihadapi dan mencadangkan langkah-langkah pembaikan. Perjumpaan sedemikian juga akan membantu jabatan berkenaan mengumpul maklumat dan mendapatkan sebarang maklum balas dari ahli-ahli jawatankuasa dan keluarga angkat.

Board of Inquiry berpendapat adalah perlu untuk menimbulkan tiga perkara berikut bagi diambil perhatian oleh pihak kerajaan:

i. Pembentukan 'Quick Response Task Force' bagi menangani kejadian kecemasan seperti ini. Antara tanggungjawab Task Force ialah memastikan persediaan-persediaan yang mencukupi termasuk kakitangan yang terlatih dan peralatan yang lengkap.

ii. Setiap kemalangan sama ada melibatkan tetamu luar negeri atau orang-orang tempatan sahaja adalah satu tragedi yang perlu diambil berat oleh pihak berwajib. Kemalangan yang melibatkan tetamu luar akan lebih memberatkan tanggungjawab pihak berkenaan kerana keupayaan dan imej negara akan dinilai. Oleh yang demikian, adalah penting bagi mana-mana pihak di negara ini, dalam mengendalikan program yang melibatkan tetamu luar negeri, untuk mengambil berat tentang tanggungjawabnya.

iii. Kerajaan sering kali mengusahakan anak-anak sekolah bagi menyambut hari-hari kebesaran yang tertentu. Board of Inquiry menyarankan supaya pengendalian dan pengurusan pengangkutan anak-anak sekolah tersebut hendaklah dilakukan dengan lebih teliti dengan mengutamakan keselamatan dan kesihatan mereka.

Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam adalah seperti berikut :

i. Menguruskan dan menanggung perbelanjaan menghantar jenazah/mayat mangsa-mangsa kemalangan berkenaan yang terdiri daripada warga negara asing kepada negara masing-masing.

ii. Menyediakan rawatan percuma bagi mangsa-mangsa kemalangan berkenaan yang cedera di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Tindakan-tindakan yang sedang/akan diambil oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut:

i. Menimbangkan untuk membuat bayaran secara 'ex-gratia' yakni secara belas kasihan tanpa pengakuan tanggungan (without admission of liability) kepada keluarga mangsa-mangsa yang telah meninggal dunia dan mereka yang tercedera dalam kemalangan tersebut.

ii. Menyediakan 'terms of reference' bersama negara-negara ASEAN dan pihak penganjur (Jepun) yang menentukan tanggungjawab masing-masing secara terperinci.

iii. Menyediakan manual 'Buku Panduan Pengurusan Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara' semasa berada di Negara Brunei Darussalam' untuk diagihkan kepada semua pegawai dan pekerja tempatan yang bertugas dalam mengendalikan Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara.

iv. Memastikan supaya pihak pengelola Rancangan Kapal Belia Asia mengambil tindakan supaya semua peserta termasuk Participating Youths, National Leaders, pegawai dan kakitangan kapal serta ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Kerja akan diberikan perlindungan insurans di sepanjang Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara.

v. Menyediakan tatacara dan kriteria pemilihan pegawai perhubungan.

vi. Menyediakan tatacara dan kriteria pemilihan pemandu

vii. Memastikan pemandu-pemandu diberi latihan berterusan mengenai cara memandu yang selamat.

viii. Memastikan setiap kenderaan kerajaan seperti pick up, light truck, tipper truck, goods truck, prime mover, bas, van dan lain-lain mempunyai alat 'speed warning device' yang berfungsi dan tidak diubahsuai.

ix. Menyediakan tatacara dan kriteria pemilihan serta tanggungjawab keluarga angkat yang terlibat dalam projek-projek kerajaan.

x. Membentuk 'Quick Response Task Force' bagi menangani kejadian kecemasan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat kesal bahawa kemalangan tragik ini telah berlaku di Negara Brunei Darussalam. Kebanyakan negara-negara ASEAN dan Jepun telah menyampaikan penghargaan mereka ke atas tindakan cepat yang diambil oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa kemalangan berlaku dalam membiayai perbelanjaan perubatan dan menghantar jenazah/mayat mangsa dengan segera.

Pemedulian yang ditunjukkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berkenan berangkat melawat mereka yang cedera di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) amat dihargaan oleh negara-negara ASEAN dan Jepun.

Kemalangan tragik yang berlaku telah membuka mata kesemua negara ASEAN dan Jepun akan keperluannya untuk mengambil tindakan bagi memastikan keselamatan peserta-peserta. Pihak penganjur telah mengadakan beberapa mesyuarat khas dengan negara-negara ASEAN pada awal tahun ini khusus untuk memikirkan tindakan-tindakan keselamatan yang perlu diambil di masa depan. Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara ini telah berjalan selama 28 tahun di mana Negara Brunei Darussalam telah menyertainya sebanyak 15 kali.

BIODATA YANG BERHORMAT MENTERI PEMBANGUNAN

YANG Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad Jumat, 61 tahun yang dilahirkan di Muara pada 23 November 1941 adalah pemegang Ijazah Kedoktoran dalam bidang Pendidikan dari Universiti California Coast, Santa Ana, Amerika Syarikat (1990).

Sebelum itu, Yang Berhormat mendapat Ijazah BA di bidang Sejarah dari Universiti Malaya (1967) dan Master of Education dari Universiti Alberta, Edmonton, Kanada (1973).

Jawatan tertinggi yang pernah dipegang sebelum ini termasuklah Timbalan Menteri Pendidikan (1986 hingga sekarang) dan Pemangku Menteri Pembangunan sejak awal tahun 2001).

Yang Berhormat memulakan karier di Bahagian Perkhidmatan Pentadbiran Brunei, (Pejabat Menteri Besar) pada tahun 1967 kemudian sebagai Pentadbir Pelajaran dan Pentadbir Kanan Jabatan Pendidikan (1969) dan seterusnya selaku Ketua Unit Perancangan (Pejabat Pelajaran).

Selepas itu, Yang Berhormat dilantik ke jawatan Timbalan Pengarah Pelajaran (1977); Pengarah Pelajaran (1982); Pengarah Perjawatan, Ketua Perkhidmatan Awam Negara (1983); Pengarah Perkhidmatan Diplomatik (1984) dan Setiausaha Tetap Kement-

terian Hal Ehwal Luar Negeri (1984).

Antara Bintang Kebesaran dan Pingat yang diterima oleh Yang Berhormat ialah Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (SPMB); Dato Seri Laila Jasa (DSLJ); Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dan Pingat Kerja Lama (PKL).

Sementara itu Yang Berhormat juga merupakan Naib Presiden Majlis Sukan Sekolah ASEAN; Pengerusi Majlis Pendidikan Teknikal dan Vokasional Brunei Darussalam; Pengerusi Eksekutif Lembaga Pentadbir Maktab Jururawat; Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Pembangunan Tenaga Manusia; Ahli Majlis Industri dan Pembangunan Perdagangan (MIPR); Ahli Lembaga Penasihat, Pusat Da'wah Islamiyah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Selain itu, Yang Berhormat juga merupakan ahli Perancang Pembangunan Kebangsaan (Kementerian Kewangan), Pengerusi Jawatankuasa Endowment Fund (UBD); Pengerusi Lembaga Pengarah, Datastreams Teknologi Sendirian Berhad; Pengerusi Lembaga Pengarah Sekolah Antarabangsa Jerudong; Naib Pengerusi Sukan SEA Ke-20 (1999); Ahli Majlis Pendidikan Kebangsaan dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Penganugerahan Tokoh Agama/Jasawan Agama dan Bakti Hijrah 1421.

BIODATA YANG BERHORMAT MENTERI KESIHATAN

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang 53 tahun yang dilahirkan di Kampong Setia Pahlawan memegang Ijazah Master Of Arts (Lancaster) 1990 dan sebelum itu mendapat Ijazah BA Hons dari Universiti Malaya (1972) dan Diploma di bidang Pendidikan (Singapura) 1974.

Antara lantikan lain yang dipegang oleh Yang Berhormat ialah Pengerusi Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan anak-anak syarikatnya serta Pengarah Urusan IBB bermula bulan Julai 2001 sehingga sekarang; Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Oktober 1992 hingga sekarang) dan Ketua Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah (bulan Mei 1999).

Selain itu, Yang Berhormat juga dilantik selaku Ahli Majlis Mesyuarat Ugama Islam Brunei Darussalam sejak April 1997; Ahli, Southeast Asian Research Review Group (SEARRAG) sejak tahun 1986; Ahli Majlis Pelajaran Brunei Darussalam; Ahli Majlis Universiti Brunei Darussalam sejak tahun 1991; Ahli Lembaga Pengarah YSHHB sejak Oktober 1992; Ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim sejak Mei 1999 dan Ahli Board of Commonwealth of Learning (COL), 2000.

Sementara itu, Yang Berhormat juga pernah menjadi Setiausaha Majlis Pelajaran Brunei (1975-1979); Ahli Pengganti, Lembaga Pengarah Brunei Shell Petroleum Company dan Ahli Lembaga Pengarah Brunei National Gas Company (1989-1991); Pengerusi Council of Asia Pacific Development Centre (APDC), Kuala Lumpur (1987-1988); Ahli Board Of Governors, SEAMEO Innovation Technology

Centre (SEAMEO-INNOTECH) 1984 - 1986; Ahli Kumpulan Consultant ASEAN bagi Penubuhan ASEAN University Network (AUN) 1991.

Yang Berhormat juga menjadi Ahli Governing Board Of SEAMEO Regional Institutions Of Higher Education Learning (1991-1999) dan menajwat jawatan Presiden ASAIHL (Disember 1996-November 1998); Ahli Board Of Trustees, ASEAN University Network (AUN) 1995-1999.

Lantikan lain termasuklah Ahli Majlis Pengajian Islam, Negara Brunei Darussalam (1990-1999); Ahli, Majlis Penasihat, Institut Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam (1995-1999); Ahli Board Of Borneo Research Council (1994-1999); Setiausaha Brunei Research Councils (1992-1999); Ahli Lembaga Penasihat Pusat Da'wah (1991-1999); Ahli Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, Negara Brunei Darussalam (1991-1999); Ahli Majlis Ekonomi Brunei (Brunei Economic Councils) (Mei 1998-1999); Ahli Lembaga Peperiksaan Brunei Darussalam sejak 1986-2000 dan Refree bagi Brunei Museums Journal, Brunei Darussalam 1991.

Antara gelaran dan anugerah, Yang Berhormat terima ialah : Gelaran Pehin Orang Kaya Putera Maharaja pada bulan Mei 1996; Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (DSLJ) 1989; Darjah Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (SMB) 1982; Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) 1987; Pingat Jubli Perak (Emas) 1992; Pingat Kerja Lama (PKL) 1996; Highest Awards of Soka University, Jepun, 1984; Honorary Doctorate Of Soka University, Jepun (1998) dan Doktor Pendidikan, Universiti Malaya (1999).

Penggunaan salah sistem pengangkutan, infrastruktur dikutuk

PERU, 7 Mei. - Menteri-menteri Pengangkutan APEC bersepakat mengutuk sepenuhnya penggunaan salah mana-mana bahagian dari sistem pengangkutan atau infrastruktur sesebuah ekonomi bagi tindakan keganasan.

Dalam kenyataan Ketua-ketua APEC Mengenai Tindak Balas Keganasan (Counter-Terrorism), para Menteri Pengangkutan APEC di mesyuaratnya yang berlangsung di Lima di sini mendukung sepenuhnya tindakan dan inisiatif yang sedang diambil oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa dan Pertubuhan Maritim Antarabangsa dalam sekuriti penerbangan maritim dan mengambil keputusan untuk mengambil semua langkah-langkah yang perlu untuk mencegah dari berulangnya serangan keganasan 11 September 2001.

Negara Brunei Darussalam di mesyuarat yang berlangsung selama tiga hari itu telah diwakili oleh Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria. Juga menyertai rombongan Menteri Perhubungan ialah empat pegawai kanan Kementerian Perhubungan termasuk Haji Matassan bin Haji Daud Pegawai Kanan Tugas-Tugas Khas, Kementerian Perhubungan.

Di mesyuarat itu Yang Berhormat Menteri Perhubungan menegaskan perlunya Menteri-menteri Pengangkutan mengambil langkah-langkah berani dengan mengembang, mem-

perluas dan mendalam pembebasan perkhidmatan pengangkutan bagi meningkatkan dan memperkembangkan perkhidmatan pengangkutan yang lebih kompetitif bagi mempromosi integrasi ekonomi yang lebih luas serta mendukung atau menjadi katalis dalam perkembangan perdagangan dan pelaburan yang bebas dan terbuka dalam rantau Asia Pasifik pada tahun 2010, ekonomi industri 2020 dan bagi ekonomi sedang membangun.

Mesyuarat itu telah berakhir dengan penerimaan 'Kenyataan Bersama Menteri-menteri' yang antara lain menggariskan keutamaan bagi masa hadapan, terutama kerjasama dalam APEC iaitu pembebasan dan memudahkan perdagangan dan pelaburan serta bantuan ekonomi dan teknikal dan memutuskan untuk terus berusaha ke arah matlamat tersebut, terutama dengan penyertaan pihak swasta.

Mesyuarat juga memberikan keutamaan dan sama tinggi bagi memastikan sistem pengangkutan yang selamat, efisien, sedap dan 'environmentally sustainable' bagi rantau Asia Pasifik.

Dalam hal ini kapasiti sistem pengangkutan akan dapat diatasi dan diberi keutamaan tinggi bagi membolehkan penduduk, barangan dan perkhidmatan dapat bergerak dengan bebas dan berjalan dengan berkesan di seluruh ekonomi.

Menteri-menteri Pengangkutan APEC seterusnya menekankan hasrat Ketua-ketua APEC bagi membangun

kapasiti manusia bagi penduduk dalam rantau tersebut. Di samping itu mereka juga menyatakan keutamaan bagi pengangkutan seperti berikut :

* Bagi meniadakan sekatan kepada suasana operasi pengangkutan yang lebih berdaya saing dalam semua cara pengangkutan, memastikan pengangkutan yang selamat dan sustainable mengikut piawaian keselamatan dan sekuriti antarabangsa.

* Bagi mempromosi kerjasama ekonomi dan teknik terutama bagi ekonomi sedang membangun, bagi membantu mereka dalam mencapai Matlamat Bogor;

* Bagi mempromosi langkah-langkah, dengan mengambil kira perkembangan dalam teknologi, bagi meningkatkan keselamatan dan sekuriti, memelihara alam sekitar dan 'efficiency' tenaga;

* Bagi mempromosi pelaburan yang wajar dan transit pengangkutan infrastruktur bagi rantau, dan bagi menggalakkan penggunaan infrastruktur yang efisien melalui penggunaan teknologi, teknik yang betul bagi memudahkan perdagangan dan pengangkutan yang bersesuaian;

* Bagi bekerjasama mengatasi batasan institusi yang memberikan kesan kepada penyediaan perkhidmatan pengangkutan yang efisien dalam rantau ini, termasuk memudahkan lintas batas dan

* Bagi membangun kapasiti manusia dalam produktiviti, kemahiran dan efisiensi buruh dan pengurusan dalam sektor pengangkutan.



AWANG Haji Harun ditukar sebagai Pegawai Daerah Brunei dan Muara.



AWANG Adnan ditukar sebagai Pegawai Daerah Belait.



ABANG Haji Hepnie ditukar sebagai Pegawai Daerah Tutong.



AWANG Haji Mohd. Zakaria dilantik sebagai Pemangku Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Lantikan dan pertukaran lima orang pegawai

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi lantikan dan pertukaran pegawai-pegawai berikut mulai 2 Rabiulawal 1423/15 Mei 2002:

Awang Haji Harun bin Haji Ismail, Pegawai Daerah Belait di Pejabat Daerah Belait ditukar ke Pejabat Daerah Brunei dan Muara sebagai Pegawai Daerah Brunei dan Muara;

Awang Adnan bin Haji Hanafiah, Pegawai Daerah Tutong di Pejabat Daerah Tutong ditukar sebagai Pegawai Daerah Belait di Pejabat Daerah Belait;

Abang Haji Hepnie bin OKPSD Abang Haji Abu Hanifah, Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ditukar ke Pejabat Daerah Tutong sebagai Pegawai Daerah Tutong;

Awang Haji Mohd. Zakaria bin Haji Sarudin, Ketua Unit Alam Sekitar di Kementerian Pembangunan dilantik sebagai Pemangku Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi; dan

Awang Roslan bin Haji Taja'ah, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ditukar ke Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan seterusnya dilantik sebagai Pemangku Timbalan Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Pembiakan penyu-penyu dijalankan

Oleh Abu Bakar HAR

SERASA, 20 Mei. - Sebanyak 11 ekor penyu tergolong dari spesies binatang terancam telah dilepaskan ke laut oleh penuntut-penuntut Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi pembiakan agar penyu-penyu tersebut dapat dikenali oleh generasi akan datang di Pantai Meragang.

Antara penuntut yang melepaskan penyu-penyu tersebut termasuklah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah.

Penyu-penyu yang dilepaskan itu terdiri dari dua spesies penyu iaitu seekor dari jenis penyu sisik 'hawksbill turtle' yang berumur setahun empat bulan dan 10 ekor dari jenis 'Olive Ridley Turtle' atau lebih dikenali sebagai penyu lipas yang berumur dua bulan.

Sebelum pelepasan anak-anak penyu tersebut, penuntut dari Sekolah YSHHB telah mengadakan lawatan ke Ladang Ikan Serasa kepunyaan Jabatan Perikanan bagi mendengar penerangan yang disampaikan oleh Ketua Seksyen Pengurusan Sumber, Awang Haji Azmain dan diikuti dengan lawatan ke bahagian penetasan yang terletak di ladang tersebut.

Penyu merupakan binatang terancam yang dilindungi di bawah Akta Binatang-binatang Liar di

bawah kawalan Jabatan Muzium-Muzium Brunei.

Dari tujuh jenis spesies yang ada di dunia ini hanya empat spesies penyu yang berbeza telah dikenal pasti mendarat dan bertelur di negara ini.

Dalam usaha melindungi spesies ini Jabatan Perikanan telah menubuhkan satu unit khas yang berfungsi bagi melindungi dan pembiakan penyu-penyu tersebut agar spesies berkenaan dapat bertahan dan dikenali oleh generasi akan datang.

Di bawah projek infrastruktur pelancongan skala kecil, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi telah membiayai peruntukan berjumlah \$650 ribu bagi penubuhan Pusat Pengurusan dan Pemuliharaan Penyu Negara.

Dengan terlaksananya projek tersebut ianya dijangka akan dapat menarik pelancong sama ada dari dalam mahupun luar negara.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin menyerahkan poster sempena sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-41 kepada wakil Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. - Gambar oleh Hamadi HM.



CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah berkenan menyaksikan seekor spesies penyu 'hawksbill turtle' yang berumur setahun empat bulan. Yang Amat Mulia juga telah berkenan melepaskan penyu itu di Pantai Meragang (kiri). - Gambar oleh Abdullah HAD.

Oleh Aliddin HM

GADONG, 7 Mei. - Jabatan Telekom Brunei (JTB) mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah bagi para pemenang promosi perkhidmatan e-speed yang berlangsung di Bangunan Boustead Sendirian Berhad, Beribi di sini.

Majlis Cabutan Undi Pemenang Promosi Perkhidmatan itu telah diadakan seminggu yang lalu.

Di majlis penyampaian hadiah itu, Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad memenangi hadiah utama iaitu sebuah kereta Suzuki Ignis 1.3 dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) pula memenangi sebuah peti televisyen berwarna Aifa 21 inci yang ditaja oleh Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Sementara pemenang yang lain Chu Sook Theng memenangi Kit Wireless LAN Broadband yang ditaja bersama dengan Boltech Sendirian Berhad dan Haji Jahit Abdullah Computer Services memenangi router e-speed complex yang ditaja bersama JTB dengan Primatel Commu-

BSP, RBA Chu Sook Theng pemenang e-speed



PENGARAH Urusan Primatel Communication, Awang Haji Hashim bin Haji Puting bergambar kenangan bersama Pengarah Telekom dan para pemenang e-speed. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.

nication. Hadiah bawcer penginapan di Hotel Holiday Lodge, Jerudong selama dua hari satu malam bagi dua orang pula dimenangi oleh Supermanian Ramaswamy, Klaus Dautzenberg dan Ang Teo Ching.

Sementara Ng Yew Kheong memenangi se-

buah telefon bimbit Sagem (SM922) yang ditaja oleh INCOMM Sendirian Berhad.

Selain itu, pemenang bagi hadiah sagu hati juga menerima bawcer membeli-belah, bawcer makan, 20 keping kad pra bayar Netkad berharga \$20, 10 set Caller ID dan dua set GE telefon boleh didapati dari pejabat e-speed di Ibu Pejabat Jabatan Telekom Brunei pada waktu pejabat.

Senarai pemenang telah dipamerkan di Kaunter e-speed, JTB dan di laman web www.e-speed.com.bn.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pengarah Urusan Primatel Communication, Awang Haji Hashim bin Haji Puting.

Turut hadir sama ialah Pengarah Telekom, Awang Buntar bin Osman yang juga menyampaikan sijil

kepada para penaja promosi perkhidmatan e-speed.

Perkhidmatan e-speed telah dilancarkan pada 8 November 2000 dengan menggunakan teknologi ADSL (Asymmetric Digital Subscriber Line) yang membolehkan pengguna internet mengakses internet dengan kelajuan sehingga 512kbit/s serta menggunakan telefon dalam masa yang sama.

Pelanggan e-speed sudah dapat membuat pembayaran mudah secara Direct Debit yang membolehkan pelanggan membayar bil menggunakan kad kredit yang bayaran bulanan akan ditolak secara automatik dan pelanggan tidak perlu ke kaunter membuat pembayaran.

Jabatan Telekom Brunei bercadang akan memperkenalkan cara pembayaran mudah secara Pelan Ansuran tidak lama lagi.

Jabatan Penerangan terbitkan poster sambutan Maulud, ulang tahun ABDB

Oleh Bolhassan HAB

BERAKAS, 20 Mei. - Untuk merealisasikan matlamatnya memberigakan segenap rakyat dan penduduk di negara ini, Jabatan Penerangan telah dan akan terus menyebarkan maklumat dengan pelbagai aktiviti yang diungkayhkan.

Sehubungan dengan itu, bersempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1423 Hijrah dan sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-41, Jabatan Penerangan telah menerbitkan poster-poster bagi sama-sama membesarkan hari-hari yang bersejarah itu.

Majlis Penyerahan Poster-poster bagi kedua-dua sambutan itu telah disampaikan oleh Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan di sini.

Poster-poster berjumlah 4,000 keping itu diserahkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan wakil-wakil jabatan daerah-daerah serta ketua-ketua cawangan penerangan di seluruh negara.



PENGARAH Urusan Primatel Communication, Awang Haji Hashim menyampaikan hadiah kepada wakil Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN KERKEMBANGAN KURIKULUM KEMENTERIAN PENDIDIKAN (BAHAGIAN I)

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Penerbitan bahan-bahan kurikulum:	
	a) sukatan pelajaran	6 - 8 bulan
	b) panduan guru	6 - 8 bulan
	c) buku teks/buku kerja	8 - 12 bulan
2.	Penerbitan bahan-bahan sokongan:	
	a) video	3 bulan
	b) slaid bersuara	2 - 3 bulan
	c) audio	1 - 1 1/2 bulan
	d) carta/poster	1 bulan
	e) bahan lut sinar	5 hari



BAGINDA bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berdiri bersama para hadirin semasa Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dinyanyikan.



ANUGERAH ... Dato Paduka Cikgu Haji Hamdani bin Haji Abdul Rahman menjunjung Anugerah Tokoh PGGMB dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



SEMBAH TAKLIMAT ... Baginda diberikan sembah taklimat semasa berkenan menyaksikan Galeri Pameran PGGMB (atas).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan menyaksikan sebahagian dari cenderamata di Galeri Pameran PGGMB (bawah).



BAGINDA menerima junjung ziarah para tetamu sejeurus berangkat masuk ke dewan perasmian. Juga berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

PGGMB MEMA PEREDARAN M

BANDAR SERI BEGAWAN. - Bangunan baru Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) setinggi 15 tingkat berdiri megah menjadi mercu tanda di ibu negara melambangkan keunggulan perjuangan PGGMB seiring arus peredaran masa.

Bangunan yang terletak di Jalan Kianggeh menelan belanja \$30 juta Brunei itu dilengkapi dengan kemudahan moden dan canggih menggantikan bangunan lama setinggi enam tingkat di tapak bangunan lama di bina pada tahun 1963 dan dirasmikan pada tahun 1965.

Pembukaan rasmi bangunan baru disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 14 Mei lepas, diselenggarakan dengan Majlis Sambutan Jubli Intan PGGMB, Konvensyen ACT Ke-20 dan Pertemuan Guru-Guru Nusantara (PGN) Ke-9.

Selain dari reka bentuk moden, canggih dan unik bangunan baru ini dihasratkan menjadi pusat membeli-belah, pusat hiburan keluarga dan pusat persidangan antarabangsa pada alaf baru (new millennium one stop commercial and conference centre).

Kemudahan-kemudahan utama terdapat di bangunan ini seperti ruang komersil (di tingkat bawah hingga 2); ruang letak kereta (tingkat 6 hingga 8); 3 buah Cineplex (tingkat 3 hingga 5); Service Apartment (tingkat 9 hingga 10); ruang pejabat (tingkat 11 hingga 14) dan Dewan Persidangan (tingkat 15).

Kawasan bangunan berkonsepkan "Taman Dalam Bandar" dengan keindahan landskap dengan reka bentuk kesenian asli Brunei dan medan selera antarabangsa (international food court) sebagai tempat beristirahat dan menjamu selera bagi warga kota dan pelancong dari dalam dan luar negeri.

PGGMB yang ditubuhkan pada tahun 1937 dan merupakan sebuah pertubuhan kebajikan kini berjaya mengumpulkan guru-guru dan pegawai-pegawai pendidikan di bawah satu persatuan berjumlah melebihi 2,500 orang di seluruh negara.

Selain menjaga kebajikan ahli-ahlinya dan bergiat aktif di bidang pendidikan, PGGMB juga meneroka bidang perniagaan bagi sama-sama meningkatkan penyertaan orang-orang Melayu di bidang perniagaan seterusnya mengembangkan ekonomi negara.

Antara kegiatan PGGMB termasuklah penubuhan Syarikat Kerjasama Jimat Cermat dan Bantu-Membantu (SKS & BM), Syarikat Bangunan PGGMB (SBGGMB); Syarikat Pemodalan dan Pe-

laburan PGGMB (SPGGMB); Wisma PGGMB; Wisma Sekolah PGGMB; Sekolah Tunas Jaya PGGMB; Yuran Pendidikan dan Bina PGGMB dan Badan Kebajikan PGGMB.

Pada masa hadapan PGGMB akan terus berusaha menjadi pertubuhan kebajikan yang dinamik, progresif dan berketenterampilan di bidang-bidang yang dikehendaki dalam mahupun di luar negara.

Ke arah itu PGGMB akan melibatkan dalam perniagaan konvensyen juga akan bergiat dalam industri pelancongan, kewangan dan perbankan.

Dalam usaha memajukan bidang pendidikan di negara ini, PGGMB akan mempergiatkan penubuhan sekolah-sekolah menengah dan menceburi industri pendidikan dengan menubuhkan kolej swasta dan institusi pengajian tinggi milik kerjasama institusi swasta dan agensi-agensi pendidikan dalam dan luar negara.

Berpacu dengan laju teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pendidikan IT telah diperkenalkan pada bulan Februari 1995. Sekolah Tunas Jaya Melayu dan Lambak, seterusnya akan dikembangkan ke sekolah lain sebagai mata pelajaran.

Seiring era baru ini PGGMB berhasrat melahirkan pakar-pakar IT mahupun pengajar yang berkemahiran IT untuk meningkatkan taraf ilmu IT and ICT dan dapat memberikan peminatan kepakaran di bidang tersebut.

Sejauh ini PGGMB merupakan salah sebuah pertubuhan yang agak maju mempunyai aset dan perniagaan yang banyak dan mengendalikan pelbagai aktiviti berkebaksaan untuk ahli dan masyarakat umum.



U ARUS SA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani Plak Bangunan dalam Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan PGGMB yang baru (kanan).

Liputan Haji Jaafar HI, Sahari Akim dan Dk. Hjh. Saidah PHOA. Gambar-gambar oleh Halim HS, Ramli Tengah, Masri Osman dan Abdullah HAD

TITAH ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan mengurniakan titah dalam Majlis Perasmian Bangunan PGGMB (kiri).

SEBAHAGIAN dari ahli Jawatankuasa Tertinggi PGGMB menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada Majlis Perasmian Bangunan PGGMB (kanan).



... Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan anakanda serta adinda-adinda baginda bersama para penerima anugerah dan ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi sempena Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan PGGMB (atas).

Baginda dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota menyaksikan pameran gambar-gambar bersejarah di awal penglibatan guru-guru (bawah).



ACT ... Salah seorang pengasas Majlis Guru-Guru ASEAN (ACT) ketika menjunjung anugerah dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia (kiri).

IT ... Teknologi maklumat (IT) turut menjadi perhatian baginda di Galeri Pameran PGGMB (bawah).



Sekitar penamaan Kapal S. S. ABADI

Gambar-gambar oleh
Haji Timbang Bakar


MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menamakan kapal pembawa gas kepunyaan BGC sebagai ABADI yang bermaksud kekal selama-lamanya (kanan).

YANG Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama berkesempatan melawat ke beberapa bahagian Kapal S. S. ABADI (bawah kiri).

MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan Datin bersama para tetamu lain yang menghadiri Majlis Penamaan Kapal Hull 2163 kepunyaan Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad ketika menghadiri Majlis Makan Malam yang diberikan oleh syarikat berkenaan (bawah kanan).



DATO Paduka Awang Haji Adanan bersama pegawai-pegawai BGC dan Mitsubishi Heavy Industry mengalu-alukan ketibaan para tetamu ke Majlis Penamaan Kapal S. S. ABADI (bawah kiri).



PENGERUSI BGC, Dato Paduka Awang Haji Adanan bersama Ahli-ahli Lembaga Pengarah BGC membaca Surah Yaasin di Surau Kapal S. S. ABADI. Mereka juga menunaikan sembahyang fardu Maghrib dan Isyak berjemaah yang dilmankan oleh Imam Awang Haji Kamal bin Haji Abdul Rahim.



Sekitar penamaan Kapal S. S. ABADI



YANG Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ketika berada di Dewan Makan Kapal S. S. ABADI sambil mendengar keterangan dari Pengarah Urusan BGC dan Timbalannya.



YANG Berhormat dan rombongan menyaksikan peralatan di Bilik Kawalan Kapal S. S. ABADI.

Gambar-gambar
oleh
Haji Timbang Bakar



BARISAN anak-anak tempatan yang tampil menyahut cabaran kerjaya sebagai anak kapal di bidang kejuruteraan, pegawai dek dan teknikal.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yaakub bin Abu Bakar berbincang sesuatu bersama kadet-kadet Kapal S. S. ABADI yang terdiri dari anak-anak tempatan.



KAPAL S. S. ABADI dilengkapi dengan enjin Steam Turbine MS32-2 dengan muatan gas 135,269 cubic metre. Kapal sepanjang 290 meter dengan ketinggian deknya menyamai 10 tingkat bangunan akan disewakan kepada Syarikat BLNG untuk mengangkut gas kepada pelanggan BLNG di Jepun dan Korea.



PARA kadet yang terdiri dari anak-anak tempatan sedang menjalankan tugas rutin mereka di Bilik Kawalan Kapal S. S. ABADI.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

"Oleh itu, jika kita mahukan rahmat, ingin supaya rumah dan negara kita dipenuhi dengan rahmat, maka caranya ialah, kita isi ia dengan segala kebajikan dan jangan sekali-kali kita undang apa jenis dan rupa kemungkaran, insya-Allah kita akan selamat dan negara juga selamat"

12 RABIULAWAL 1423

25 MEI 2002

Hadiri Mesyuarat Khas Memerangi Keganasan di Kuala Lumpur

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 19 Mei. - Mesyuarat Khas Menteri-menteri ASEAN Mengenai Keganasan yang akan diadakan di Kuala Lumpur bagi membincangkan langkah-langkah kerjasama dan pelan tindakan yang akan diambil oleh negara-negara anggota ASEAN dalam memerangi keganasan di rantau Asia Tenggara.

Mesyuarat dua hari yang akan bermula pada 20 Mei hingga 21 Mei yang lalu itu menyusuli Deklarasi 2001 ASEAN bagi Tindakan Bersama Menentang Keganasan yang dikeluarkan semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-7 di Negara Brunei Darussalam pada bulan November 2001.

Mesyuarat berkenaan adalah terbit daripada keputusan Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Mengenai Jenayah Transnasional Ke-3 yang diadakan di Republik Singapura pada bulan Oktober 2001 di mana mesyuarat bersetuju bagi mengadakan satu mesyuarat khas di Kuala Lumpur untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan keganasan.

Mesyuarat khas mengenai keganasan itu, dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa mengetuai perwakilan Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Khas Menteri-menteri ASEAN Mengenai Keganasan di Kuala Lumpur, Malaysia.

Yang Berhormat berlepas ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menghadiri mesyuarat tersebut pada 19 Mei lalu di sini.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas bagi mengucapkan selamat belayar ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin dan Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Terdahulu sebelum itu, satu mesyuarat pegawai-pegawai kanan telah diadakan pada 16 hingga 18 Mei yang lalu di mana rombongan para pegawai kanan diketuai oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adnan yang disertai oleh Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan; Timbalan Pesuruhjaya Polis dan beberapa orang pegawai dari Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa sejurus sebelum berlepas ke Kuala Lumpur bagi menghadiri Mesyuarat Khas Menteri-menteri ASEAN Mengenai Keganasan. - Gambar oleh Halim HS.

NAGASAKI, bandar Selatan Jepun yang terkenal dengan kehebatan industri beratnya pada 9 Mei 2002 lalu turut menyaksikan satu perkembangan terbaru yang menjadi mercu tanda bagi ekonomi Negara Brunei Darussalam. Bandar yang pernah musnah oleh ledakan bom atom dalam Perang Dunia II (1945) bangun kembali menjadi gergasi perusahaan berteknologi tinggi termasuklah pembuatan kapal-kapal tanker, persiaran, kapal perang dan sebagainya.

Negara Brunei Darussalam dalam diam-diam membina aset bernilai AS \$190 juta di bandar ini. Apa yang dimaksudkan itu ialah projek pembinaan sebuah kapal tanker untuk mengangkut gas cecair asli kepada pelanggan-pelanggan luar negara terutamanya Jepun sendiri dan Korea. Perkembangan ini seolah-olah memberi isyarat bahawa sumber minyak dan gas negara ini masih terus menyumbang walaupun ia akan berkurangan di satu hari nanti. Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell pernah menyatakan: "Satu telaga beroperasi dua telaga baru belum dijamah."

Kapal tersebut ditempatkan oleh Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) yang ditubuhkan pada tahun 1998, sebuah syarikat usaha sama di bawah Perbadanan Perdana Menteri (PMC) Negara Brunei Darussalam. Pembinaan kapal berkenaan dilaksanakan oleh Mitsubishi Heavy Industries Limited (MHI) setelah memenangi tender dari persaingan dengan beberapa perusahaan pembuat-pembuat kapal antarabangsa dari Jepun, Korea dan Eropah. Berikutan dari itu kontrak pembinaannya telah ditandatangani di antara BGC dan MHI pada bulan Mac 1999.

Projek ini dijalankan secara usaha sama di mana Perbadanan Perdana Menteri merupakan pemegang saham terbesar iaitu 80 peratus, manakala Shell Gas B.V. (anak syarikat Kumpulan Syarikat Shell Dutch) dan Mitsubishi Corporation, Jepun masing-masing memiliki 10 peratus.

Kapal baru LNG seberat 111,461 tan yang sebelum ini hanya dikenali sebagai 'Hull 2163' seka-

OLEH HAJI TIMBANG BAKAR

rang dinamakan 'ABADI' yang bermaksud berkekalan. Penamaan rasminya telah disempurnakan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib di majlis yang diadakan berdekatan kapal berkenaan di dermaga Koyagi, Nagasaki. Perkataan Nagasaki itu sendiri juga membawa maksud bentuk fizikal yang berkekalan. Tidak pula pasti sama ada cetusan nama ABADI itu ada pertalian dengan perkataan NAGA yang juga bermaksud berkekalan. Majlis penamaan itu walaupun ringkas tetapi nampak meriah dengan atur cara keseluruhan mengikut disiplin dan citarasa ke-bruneian.

ABADI bukan sahaja akan diabadikan dalam sejarah malah juga harapan dan jangkaan tentu-

lah lebih jauh daripada itu. Dengan kata lain bukan sahaja kapalnya yang berkekalan tetapi juga sumber yang menjadi asas kepada kemunculan ABADI akan terus terpancut dari perut bumi bertuah ini. Di samping itu pencapaian ini juga bukan sebagai yang permulaan dan terakhir tetapi akan disusuli oleh kejayaan demi kejayaan yang berikutan.

S.S. ABADI yang panjangnya 290 meter iaitu dua kali ganda padang bola sepak dan ketinggian deknya menyamai sepuluh tingkat bangunan boleh membawa muatan 135,000 meter isi padu gas cecair asli. Jentera utama kapal ini jenis Steam Turbine MS32-2 yang mempunyai kadar bunyi yang rendah, di samping dua jentera generator turbo diesel yang boleh dihidupkan dalam apa jua keadaan. Pada keseluruhannya ia dikawal oleh komputer dengan kombinasi teknologi nava-gasi terkini.

Kapal ini dibina sejak dua tahun lalu di Nagasaki Shipyard and Machinery Works, Koyagi di Teluk Nagasaki dan akan diserahkan kepada BGC pada 13 Jun 2002. BGC akan menyewakan ABADI kepada Syarikat BLNG mulai 1 Julai 2002 untuk memulakan tugasnya menghantar gas cecair asli kepada pembeli-pembeli di Jepun dan Korea.

Selain kehebatan kapal ini ada perkara lain yang boleh dibanggakan iaitu mengenai penglibatan anak-anak tempatan yang memainkan peranan penting sepanjang projek pembinaannya dan operasinya nanti bersesuaian.

Pengurus projek pembinaan kapal ini diketuai oleh seorang anak tempatan iaitu Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohd. Yasin yang juga Timbalan Pengarah Urusan BGC. Ketika ditemu bual di pejabatnya di dermaga Koyagi, beliau merasa bangga kerana dipilih memikul tugas yang berat dan sangat mencabar itu. Katanya beliau terpaksa berulang alik ke

Jepun untuk mengadakan perundingan dan mengawasi projek tersebut. Projek besar dan menelan kos yang sangat besar ini, katanya mesti sentiasa dipantau dan memerlukan penelitian yang rapi demi untuk menjaga kepentingan negara. Walau bagaimanapun pengalaman itu sangat menarik dan berharga katanya.

Ditanya bagaimana mulanya BGC berminat untuk melibatkan diri dengan projek besar seumpama itu, Awang Haji Ibrahim menjelaskan, Negara Brunei Darussalam merupakan salah sebuah negara pengeluar dan pengeksport gas cecair asli di dunia, untuk menghantar eksport tersebut kepada pembeli-pembelinya di luar negeri Syarikat BLNG yang menghasilkan produk itu terpaksa menyewa beberapa buah kapal tanker LNG dari syarikat luar negara. Dari sinilah timbul hasrat kerajaan untuk memiliki kapal sendiri, inilah juga yang membawa kepada penubuhan BGC untuk memainkan peranan ke arah merealisasikan hasrat tersebut.

Di samping itu S.S. ABADI juga mempunyai seorang jurutera anak tempatan iaitu Awang Shamsul bin Othman yang berperanan sebagai Jurutera Ketiga. Beliau lulusan dari Southampton College, United Kingdom sudah mula menjalankan tugas di kapal ini sejak beberapa

bulan lepas dan melahirkan rasa gembira kerana terpilih dalam kerjaya mencabar itu.

Ketika ditemu bual di Bilik Kawalan S.S. ABADI di mana beliau membuat operasinya, Awang Shamsul menerangkan bidang tugas yang beliau laksanakan iaitu memastikan semua jentera kapal berfungsi dengan baik setiap masa dan jika ada kerosakan akan dibaiki secepat mungkin.

Katanya menghadapi kerosakan jentera di laut sangat berbeza dengan di darat. Jika di darat mudah untuk mendapatkan bengkel atau alat ganti, kalau di laut terpaksa dibuat sendiri sehingga pulih.

Menurut Awang Shamsul lagi saat-saat yang paling kritikal ialah sewaktu kapal hendak bertolak dari pelabuhan dan juga semasa hendak merapat ke pelabuhan atau tambatan. Sedikit kesilapan akan menjejaskan kelancaran operasi.

Selain Awang Shamsul, ABADI juga akan mempunyai bakal-bakal wira laut-an yang masih muda belia yang terdiri dari tiga orang pegawai kadet iaitu Awangku Nor Hazman bin Pengiran Haji Abdul Hamid, Adrian Liew dan Mohd. Hairul Azmi bin Sulaiman, seorang kadet dek Mohd. Shahrel bin Awang Timbang dan se-

orang Pegawai ETO, Mohd. Nur Ariffin bin Haji Ramli. Mereka ini sedang ditempatkan untuk membuat latihan praktikal di kapal ABADI sebelum menghabiskan program sarjana muda mereka di Southampton College, United Kingdom.

Menurut Awang Haji Ibrahim lagi, dengan penglibatan anak-anak tempatan dalam operasi kapal tersebut S.S. ABADI akan dapat 'dibruneikan'.

Pengarah Urusan BGC, Awang Alias bin Haji Mohd. Yusof pula dalam ucapannya di Majlis Makan Tengah Hari yang diberikan oleh Mitsubishi Heavy Industries selepas majlis menamakan kapal berkenaan berkata, Brunei memang sudah terkenal dengan kehebatannya sebagai wira laut di zaman silam. Wira paling digalati dan berpengaruh ialah Sultan Bolkiah. Baginda bukan sahaja hebat di laut malah juga di darat sehingga sebahagian Nusantara telah menjadi jajahan takluk Brunei.

Menurut Awang Alias mungkin sukar untuk mengembalikan kecemerlangan silam itu, tetapi sekurang-kurangnya ia boleh dijadikan pembakar semangat dan inspirasi kepada pelaut atau bakal-pelaut kita terutamanya mereka yang akan mengendalikan S.S. ABADI.

SELAIN kehebatan kapal ini ada perkara lain yang boleh dibanggakan iaitu mengenai penglibatan anak-anak tempatan yang memainkan peranan penting sepanjang projek pembinaannya dan operasinya nanti bersesuaian.

ARENA SUKAN

Bola Sepak Piala Jemputan DPMM F.C. 2002

DPMM F.C. juarai Kumpulan 'B'

KELAB Bola Sepak DPMM layak ke peringkat separuh akhir Kejohanan Bola Sepak Piala Jemputan Kelab Bola Sepak DPMM 2002 selepas menjuarai Kumpulan 'B', dengan memenangi kesemua perlawanan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Dalam merebut satu tempat ke separuh akhir lagi, Daerah Brunei dan Muara hanya perlu seri dengan Daerah Belait untuk layak mengiringi DPMM F.C. sementara dalam Kumpulan 'A' Mahkota United F.C. juga layak ke separuh akhir, manakala satu tempat lagi masih bersaing antara Polis dan Daerah Tutong.

Oleh Haji Ahat Hj. Ismail

DPMM F.C. yang menjadi pasukan pilihan pada kejohanan itu berjaya menumpaskan Daerah Temburong 3-2, Daerah Brunei dan Muara 4-0 dan membelasah Daerah Belait 15-0.

Penyerang Adjai Olli-yese, Miotti Luis Dario dan Helmee Panjang merupakan pemain yang menjadi tonggak kepada kejayaan pasukan tersebut yang banyak menyumbangkan gol.

Kejohanan yang julung-julung kali dianjurkan ber-

sama DPMM F.C.; BAFB dan Kementerian Kebudayaan Belia, dan Sukan merupakan langkah ke arah meningkatkan lagi mutu permainan bola sepak negara selain memberikan pendedahan kepada pemain-pemain tempatan.

Sejumlah lapan pasukan yang terdiri daripada DPMM F.C.; Mahkota United F.C.; Pasukan Polis, Pasukan ABDB; Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong menyertai kejohanan ini.



BERANGKAT... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat menyaksikan perlawanan antara DPMM F.C. dengan Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Ramli Tengah



BERJAYA ... Sefli Ahar ketika menamatkan larian di Kejohanan Semi Maraton Dunia IAAF di Brussels sejauh 21 kilometer (atas).

"SAYA berjaya menamatkan larian maraton itu meskipun dalam keadaan cuaca sejuk," jelas Sefli Ahar (kanan). - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



Sefli Ahar tempat ke-111 Semi Maraton Dunia IAAF di Brussels

Oleh Hj. Ahat Hj. Ismail

PELARI jarak jauh negara Sefli Ahar, berjaya menduduki tempat ke-111 daripada 168 peserta yang menyertai Kejohanan Semi Maraton Dunia IAAF Ke-11 di Brussels, Belgium pada 5 Mei lepas.

Beliau yang juga satu-satunya peserta yang mewakili negara anggota ASEAN, berjaya menamatkan larian sejauh 21 kilometer itu dengan mencatatkan masa 1:14:52, sementara juara pada perlumbaan itu peserta dari Kenya Paul Kosgei mencatatkan masa terpendek 1:00:39.

Ketika ditemui sejez pulang dari penyertaan itu, beliau menyatakan bahawa masa catatan tersebut merupakan yang terbaik memandangkan keadaan cuaca pada masa itu terlalu sejuk dan hujan.

Beliau dan beberapa peserta lain juga mengalami masalah memulakan larian sehingga selepas 500 meter perlumbaan bermula baru mereka berlari.

"Saya dan beberapa peserta lain sebenarnya tidak tahu tempat permulaan larian dan kami hanya mengetahui sesudah 500 meter perlumbaan bermula," jelasnya.

"Walaupun begitu, saya terus berlari mengejar kelompok yang sudah meninggalkan saya dan berjaya mengatasi pelari-pelari dari Botswana, Hong Kong, Macau, Peru, Kenya, Mongol, Portugal dan beberapa pelari yang lain, katanya."

Catatan terbaik yang pernah dicapainya ialah semasa penyertaan di Sukan Arafura, Australia yang merangkul pingat perak dengan catatan masa 1:09:03.



DPMM F.C. jersi gelap menumpaskan Daerah Brunei/Muara 4-0. Meskipun tewas, Daerah Brunei dan Muara masih berpeluang jika berjaya menewaskan Daerah Belait. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Kejohanan Golf Pan Borneo

Oleh Abdullah Asgar

JERUDONG, 15 Mei. - Kejohanan Golf Ke-9 Foochow Pan Borneo yang menawarkan hadiah sebuah kereta Mercedes Benz SLK200 bagi 'hole in one at hole 16' sedang diadakan di negara ini di padang golf The Empire Hotel and Country Club.

Sebelum kejohanan ter-

sebut bermula para peserta diraikan dengan Majlis Makan Malam di Empire Hotel and Country Club oleh pihak penganjur.

Meraikan para peserta dari Negara Brunei Darussalam, Kuching, Sibul, Miri, Bintulu, Sri Aman, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kota Kinabalu ialah Awang Haji Latif bin

Haji Aspar selaku wakil peribadi Pengarah Unit Promosi dan Kemajuan Pelancongan, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohamed.

Kejohanan itu disertai oleh 151 pemain golf amatir pelbagai handikaf masyarakat Tiongghoa dari keturunan Foochow termasuk pemain wanita.

Tahun lalu kejohanan itu diadakan di Kuching, Sarawak.



AWANG Haji Latif bin Haji Aspar ketika meraikan para peserta Kejohanan Golf Ke-9 Foochow Pan Borneo di Majlis Makan Malam. Majlis berlangsung di Empire Hotel and Country Club. - Gambar oleh Hamadi HM.

ARENA SUKAN

New Generation rangkul Piala Penghulu Mukim Kilanas

Oleh Haji Ahat HI

NEW Generation FC berjaya menjuarai Kejohanan Bola Sepak Piala Penghulu Mukim Kilanas selepas menundukkan Jerudong FC 2 - 0 dalam perlawanan akhir di Padang Jabatan Belia dan Sukan, Berakas 5 Mei lepas.

Kedua-dua jaringan kemenangan itu diperolehi dalam permainan separuh masa kedua melalui penyerang Muhd. Rosfady yang melakukan rembatan tinggi dari tengah dan masuk mengatasi kawalan penjaga gol Jerudong FC, Fardillah Haji Md. Ali.

New Generation menambahkan jaringan kedua pada minit-minit terakhir permainan hendak ditamatkan melalui pemain tengah Awangku Mohammad Shahrin yang hanya menolak bola itu masuk ke dalam pintu gol Jerudong FC selepas gagal disekat oleh Ed Ruse Shahrin.

Terdahulu dari itu di awal separuh masa pertama, Jerudong FC hampir mendahului jaringan pertama apabila Aladi Haji Abdul Aziz yang hanya berdepan dengan penjaga gol New Generation, Muhammad Ali melakukan rembatan liar ke sebelah

tepi.

Selepas gagal memanfaatkan kesempatan itu, Jerudong FC terus menguasai permainan dengan melakukan banyak serangan terutama melalui Mohd. Salihin dan Kamarulkisan Aspar, namun New Generation lebih pantas mematahkan setiap percubaan tersebut.

Dalam pada itu, New Generation yang juga seringkali menggugat per-

tahanan Jerudong FC melepaskan tiga peluang terbuka iaitu melalui percubaan jarak jauh Hasan Fadly yang terkena palang, rembatan sipi dari tepi garisan oleh Awangku Mohammad Shahril dan tandukan Mohd. Shahjohan tepat ke arah penjaga gol.

Pada keseluruhannya corak permainan kedua-dua pasukan seimbang dengan masing-masing mempunyai peluang memper-

olehi jaringan, bagaimanapun New Generation lebih bernasib baik apabila dua percubaan mereka gagal dihadap oleh penjaga gol Jerudong FC.

Kejohanan kali pertama anjuran penduduk Mukim Kilanas itu disertai oleh 16 buah pasukan. Kelab bola sepak dan pemain terbaik dalam perlawanan akhir itu ialah Awangku Mohammad Shahril dari New Generation.



BERJAYA ... Setiausaha Agung BAFA, Pengiran Haji Metusin bin Pengiran Haji Matasan menyampaikan hadiah kepada New Generation FC yang berjaya menjuarai Piala Penghulu Mukim Kilanas. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PEMERINTAH Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Kolonel Haji Awang Mohammad Yusof ketika menyertai perlawanan akhir Kejohanan Bulu Tangkis Peringkat ATPBDB. - Gambar oleh Hamadi HM.

AKIK JUARA BULU TANGKIS

Oleh Abdullah Asgar

KUMPULAN Akik gabungan dari Unit Markas Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB), Markas Kompeni dan Markas Kejuruteraan Darat menjuarai Kejohanan Bulu Tangkis Peringkat ATPBDB.

Mereka mengetepikan Kumpulan Delima yang dianggotai oleh Unit Bengkel Bolakiah, Perkhidmatan Pergigian dan Muzium ABDB dalam perlawanan akhir yang diadakan pada 10 Mei lalu di Dewan Gerak Badan Bolakiah Garison.

Di tempat ketiga ialah Kumpulan Yakut yang dianggotai oleh Unit Pancaragam ABDB Perkhidmatan Bomba dan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei.

Kejohanan yang bermula sejak 6 Mei

yang lalu disertai oleh seramai enam pasukan antaranya Akik, Delima, Zamrud, Kecubong, Rubi dan Yakut.

Ia adalah kejohanan tahunan yang bertujuan bagi meningkatkan tahap sukan bulu tangkis di kalangan anggota ATPBDB.

Hadiah rebutan dan perseorangan telah disampaikan oleh Pemerintah ATPBDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Inderasugara Kolonel Haji Mohammad Yusof bin Haji Abu Bakar selaku tetamu kehormat dan menyertai perlawanan akhir khas.

BKK Lembaga Bandaran KB juara Kejohanan Bolasepak

DAERAH BELAIT. - Badan Kebajikan dan Sukan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia telah menjadi johan dalam Kejohanan Bolasepak Sembilan (9) Orang Sepasukan anjuran Pejabat Daerah Belait tahun 2002 setelah menewaskan Pasukan Ikatan Belia Pandan dengan jaringan 1 - 0 di pertandingan akhir.

Kejohanan tersebut adalah bagi mengutip Tabung Awam Rakyat Afghanistan yang hanya terbuka kepada jabatan-jabatan kerajaan, persatuan-persatuan, sekolah-sekolah dan badan-badan kebajikan serta firma di Daerah Belait sahaja.

Kejohanan tersebut dianjurkan antaranya bermaksud, di samping dapat memberikan peluang kepada penduduk-penduduk di negara ini dalam semua peringkat bergiat cergas dalam bidang sukan dan tidak semata-mata mencapai kemenangan, ianya juga dihasratkan dapat menyatukan penduduk dan mengeratkan tali silaturahmi sesama pemain, di samping dapat meningkatkan taraf dan mutu permainan bola sepak di negara ini. Dalam pada itu,

kejohanan tersebut juga bagi menyahut seruan kerajaan untuk penglibatan secara konsisten dan aktif oleh sektor swasta agar memupuk dan menggalakkan kerjasama dengan persatuan sukan kebangsaan di dalam kemajuan dan perkembangan sukan.

Penolong Pegawai Da-

erah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh bin DSS Haji Abdul Salam telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang. Hadiah juga telah diberikan kepada penjaring terbanyak kejohanan iaitu kepada Awang Mohd. Azri bin Jebri dari Pasukan Pesta.



PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh menyampaikan plala kepada Pasukan BKK Lembaga Bandaran Kuala Belait yang menjadi juara Kejohanan Bolasepak Sembilan Orang Sepasukan. - Gambar ihsan Haji Nasip Rosli.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail ketika menyertai Ekspedisi Berbasikal menjelajah Belait bersama para peserta yang lain. - Gambar ihsan Haji Nasip Rosli.

Ekspedisi Berbasikal memupuk, mengukuhkan jalinan kekeluargaan

Oleh Haji Nasip Rosli

BELAIT. - Dengan melibatkan semua ahli keluarga dalam aktiviti berbasikal bukan saja akan dapat memupuk dan mengukuhkan jalinan kekeluargaan bahkan akan dapat meningkatkan mutu kesihatan masing-masing.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail menyatakan demikian ketika merasmikan Ekspedisi Berbasikal Menjelajah Belait sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18 anjuran Jabatan Daerah Belait dan jabatan-jabatan kerajaan dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampong Sungai Liang dan Triple Star Enterprise pada akhir bulan April lepas.

Beliau juga berharap, aktiviti-aktiviti seperti ini yang melibatkan anggota-anggota keluarga akan dapat diterus-

kan pada masa-masa akan datang khususnya di Daerah Belait. Di samping itu dengan adanya aktiviti-aktiviti seperti ini juga sudah tentunya akan dapat menanamkan sifat bersatu padu antara pihak kerajaan Majlis Perundingan Kampong dan Swasta dalam menjayakan acara-acara berkebakikan.

Lebih 300 orang telah menyertai ekspedisi tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, penuntut-penuntut sekolah juga persatuan-persatuan belia dan perseorangan yang mana para peserta dari Bandar Seri Begawan dan Tutong juga turut serta dalam ekspedisi tersebut.

Dalam waktu yang sama beberapa pertunjukan dan pameran telah diadakan antaranya pertunjukan motosikal, kereta pacuan empat roda serta kereta antik, jualan beraneka jenis basikal dan alat-alat kelengkapan serta gerai jualan juga terdapat semasa ekspedisi.

Hubungan mesra Brunei - Norway sentiasa terjalin

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari ini telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Harald V, Raja Negara Norway dan kepada Tuan Yang Terutama Kjell Magne Bondevik, Perdana Menteri Negara Norway sempena Hari Perlembagaan Negara Norway.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin-sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Norway. Baginda percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Raja Harald V sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Negara Norway akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Kjell Magne Bondevik, Perdana Menteri Negara Norway, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Negara Norway sempena Hari Perlembagaan Negara Norway.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Norway. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Kjell Magne Bondevik, Perdana Menteri Negara Norway akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima kedatangan Yang Berbahagia Leftenan Jeneral Lim Chuan Poh, Ketua Angkatan Bersenjata Republik Singapura. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Menerima mengadap Ketua Angkatan Bersenjata Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari ini telah berkenan menerima kedatangan Yang Berbahagia Leftenan Jeneral Lim Chuan Poh, Ketua Angkatan Bersenjata Republik Singapura. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul

Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri hadir sama di majlis itu.

ASEAN akan bekerjasama dengan Timur Timor

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Mei. - Bagi pihak Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed

Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN, mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan rakyat Republik Demokratik Timur Timor di atas perisytiharaan kemerdekaan republik tersebut. ASEAN meng-

alu-alukan Republik Demokratik Timur Timor sebagai sebuah anggota baru masyarakat antara-bangsa dan akan bekerjasama rapat dengan kerajaan serta rakyat republik berkenaan berlandaskan semangat persahabatan dan kerjasama.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli BAKTI sejurus tiba di Mes Pegawai Berakas Garison bagi merasmikan Mesyuarat Agung BAKTI.

Sukarelawan dikehendaki

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jawatankuasa Kerja Media Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN Ke-35, Forum Serantau ASEAN Ke-9 dan Post Ministerial Conference akan mengadakan pengambilan sukarelawan-sukarelawan bagi jawatankuasa tersebut.

Keutamaan akan diberikan kepada mereka yang pernah menjadi sukarelawan dan hendaklah berumur 18 tahun ke atas. Borang-borang boleh didapati di Kaunter Penyambut Tetamu, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas dan hendaklah dikembalikan tidak lewat pada hari Rabu 5 Jun, 2002.

Dari muka 1

Acara diteruskan dengan sembah ucapan alu-aluan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Harun yang antara lain menyebarkan rasa bersyukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas keberangkatan dan kemurahan hati baginda menganugerahkan anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah kepada para penerima.

Seramai 137 peserta terpilih mengikuti Rancangan Perumahan Negara bagi Orang Awam Peringkat Kedua, 26 peserta mengikuti Rancangan Perumahan Negara bagi Orang Awam Peringkat Ketiga Fasa I, 61 peserta mengikuti Rancangan Perumahan Negara Bagi Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kerajaan Dalam Bahagian III, IV dan V Peringkat Pertama Fasa Pertama, manakala 76 peserta mengikuti Rancangan Lot-lot Tanah Bagi Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kerajaan.

Sejurus menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah baginda kemudian berangkat melawat ke Sekolah Rendah Jerudong dan berangkat ke rumah Ketua Kampong Jerudong, Awang Haji Lamudin bin Kahar, 56 tahun yang memegang jawatan itu sejak tahun 1998 menggantikan Allahyarham Awang Haji Jaludin bin Nayan.

Kemudian baginda meneruskan lawatan ke Institut Teknologi Brunei (ITB) di Tungku Gadong berdekatan dengan Kampus Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan dijunjung dan disebarkan taklimat oleh Pengarah ITB, Awang Haji Mohd. Yusra bin Haji Abd. Halim.

Selepas itu baginda berkenan melawat rumah penerima-penerima anak kunci dan lot-lot tanah di Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba, Gadong.

Dari muka 1

Selain itu, Duli Yang Teramat Mulia menekankan kepada ahli-ahli BAKTI supaya tanggungjawab kepada keluarga tidak akan diabaikan kerana suami mereka sering bertugas di luar rumah dan di luar waktu bekerja biasa dengan itu tugas mengurus hal-ehwal ahli keluarga khususnya anak-anak menjadi tanggungjawab utama mereka.

"Sebagai sebuah pertubuhan yang mempunyai matlamat untuk menyatupadukan dan memberikan pemedulian ke atas kebajikan isteri-isteri anggota ABDB kunci kepada pencapaian sepenuhnya matlamat ini melalui terwujudnya hubungan persefahaman dan harmoni di kalangan ahli-ahli BAKTI tanpa mengenal pangkat dan peringkat.

Bagi tujuan tersebut, sabda Duli Yang Teramat Mulia, ahli-ahli Jawatankuasa BAKTI memainkan peranan penting dalam membimbing dan memberikan arah tuju kepada ahli-ahli mereka untuk saling hormat-menghormati dan permuafakatan.

AKIDAH KUKUH BANGSA PERKASA

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

اَنبَڪَا **ANEKA**

BILANGAN 21

RABU 22 MEI 2002

1423 رابو 9 ربيع الأول

PERCUMA

KEPUTERAAN Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan peristiwa penting dalam sejarah umat Islam. Tanggal 12 Rabiul-awal tetap menjadi ristaan dan kenangan besar. Seluruh umat Islam di muka bumi ini akan mengenang Baginda Rasulallah dengan mengadakan Sambutan Maulud Nabi. Bagi Negara Brunei Darussalam, Hari Maulud merupakan hari kebesaran Islam yang terpenting dalam kalendar Islam di negara ini. Untuk itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan hari kelepasan awam pada setiap tahun.

Kelahiran Rasulullah, pemimpin agung umat manusia sejagat yang tiada taranya di muka bumi ini, pemimpin rahmat sekalian alam semesta. Kerana Baginda, dunia yang gelap menemui cahaya yang terang benderang. Segala kebatilan dan kejahatan manusia telah berubah. Nabi Muhammad, manusia agung yang diutus oleh Allah untuk memimpin manusia sejagat ke arah yang lebih sempurna. Sebab itulah hari yang bersejarah itu tidak pernah luput dari ingatan umat Islam, kerana memperingati tarikh rahmat itu sekali gus mengenang jasa-jasa Baginda yang tiada ternilai itu, dan seterusnya mengambil iktibar dan teladan dari perjuangan dan pengorbanan Baginda yang tiada tolok bandingnya dalam menegakkan agama Allah yang Maha Suci itu.

Kehadiran Baginda benar-benar membawa perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Ini bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Anbiya' ayat 107 yang tafsirnya: "Dan tidaklah Kami utus engkau ya Muhammad kecuali untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam." Setiap langkah Baginda bergerak dan setiap patah Baginda bersabda adalah merupakan dakwah dan pimpinan umat manusia. Setiap apa yang Baginda serukan adalah semata-mata untuk kebaikan manusia itu sendiri dan sebagai jaminan kebahagiaan, kemuliaan dan keselamatan hidup di akhirat.

MENGENANG RASULULLAH ... Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengelilingi Bandar Seri Begawan pada tahun 2001 dikepalai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

dan menyebarkan dakwah Islamiyah penuh dengan berbagai cubaan dan rintangan sehingga mengugut nyawa Baginda sendiri. Dalam menegakkan agama Allah, Baginda mengharungi berbagai peristiwa pahit dan getir, menempuh pelbagai ancaman dan halangan, menghadapi bermacam-macam kesengsaraan dan penderitaan. Namun Baginda tetap tabah dan tidak pernah mengenal putus asa dalam menjalankan perintah Allah. Dengan keimanan yang tebal kepada Allah Subhanahu Wataala, Baginda telah menempuh kesemua rintangan itu dengan jayanya di mana Baginda berjaya menegakkan kebenaran.

Baginda adalah lambang kemegahan umat Islam yang terdahulu dan masa kini. Baginda merupakan model pemimpin, pendidik, pahlawan, pendakwah, pentadbir, usahawan dan ketua keluarga yang agung lagi unggul yang tiada tolok bandingnya di dunia masa kini. Kepimpinan Baginda sampai bila-bila pun tidak akan dapat ditandingi oleh kepimpinan manusia hari ini. Atas kebijaksanaan dan kepimpinan Baginda, agama Islam terus 'survive' dan menjadi rahmat kepada seluruh umat manusia sejagat tanpa mengi-



Sambutan Maulud pada 25 Mei di seluruh negara

Meneladani Kepimpinan Rasulullah

OLEH NOOR FIRDAUS HJ

perjuangan Baginda menegakkan agama Allah sehingga wafat, Baginda telah dapat membuktikan sebagai manusia contoh dan model kehidupan beriman dan bertakwa kepada Allah yang tetap menjadi ikutan sepanjang zaman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Maulud Nabi pada tahun 2001 antara lain pernah bertitah dan menyeru umat Islam supaya mengasuh azam untuk mencontohi dan mengikut apa-apa jua yang pernah diajar dan dibuat oleh Rasulallah Sallallahu

mahupun pentadbiran negara.

"Adalah tidak benar sama sekali syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad itu hanya sesuai untuk zaman Baginda sahaja, tetapi ia adalah meliputi untuk segala zaman di mana ini telah pun mulai diakui oleh para sarjana dan penyelidik bukan Islam," titah baginda.

Alhamdulillah, umat Islam di negara ini bersama-sama dengan umat Islam di dunia akan bersama-sama membesarkan dan memeriahkan hari keputeraan junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada hari Sabtu, 12 Rabiul-awal 1423 bersamaan 25 Mei 2002 sebagai tanda

ginda. Kita sekali lagi akan mengadakan perhimpunan dan perarakan raksasa di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di ibu negara dan seterusnya berarak mengelilingi Bandar Seri Begawan yang menjadi venue utama di peringkat kebangsaan. Selain itu, Perhimpunan dan Perarakan Maulud juga diadakan serentak di seluruh negara di daerah-daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Sebagai umat Islam, cinta dan kasih sayang terhadap Rasulallah melalui perhimpunan dan perkumpulan serta majlis ceramah dan Dikir Maulud yang telah diadakan itu tidaklah boleh dilihat dari segi zahirnya sahaja. tetani

mana tidak lain adalah semata-mata sebagai tekad kita umat Islam dalam membaharui dan mengukuhkan lagi ingatan dan kasih sayang kita kepada seorang manusia yang telah banyak menabur jasa bakti, bukan sahaja umat Islam tetapi tamadun manusia seluruhnya. Ianya juga bertujuan untuk menguatkan lagi keyakinan kita terhadap kerasulan Baginda, kerana Baginda adalah satu-satunya Rasul Allah yang ulung dan mempunyai darjat kelebihan. Wajarliah kita mengadakan perayaan Maulud Rasul ini, sekali gus ianya akan memberikan pengajaran dan pendidikan yang tidak secara langsung kepada masyarakat kita, terutama sekali generasi muda yang kini berhadapan dengan berbagai cabaran kehidupan.

Maka bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang akan menjelang ini, marilah kita sama-sama membaharui rasa cinta dan kasih sayang mendalam kepada Baginda. Sambil itu, kita membulatkan azam dan tekad untuk

kepada Baginda, sambil mempergiatkan usaha-usaha yang berkebakikan dan tidak kenal putus asa dalam membanteras kemungkaran yang kini semakin berleluasa. Di samping itu sebagai umat yang lemah di sisi Allah, hendaklah kita menginsafi segala perbuatan, ketelanjangan yang telah melanggar batas-batas kemanusiaan dan bertentangan dengan ajaran dan Sunnah Rasulallah dan bertekad untuk kembali semula ke pangkal jalan yang diredai oleh Allah jua.

Untuk membaharui dan memperdalamkan lagi keimanan dan cinta kita kepada Rasulallah, marilah kita sama-sama menyemarakkan sambutan hari keputeraan Baginda dengan membanyakkan selawat dan salam serta menghidupkan cara hidup yang baik, sempurna, jujur dan amanah bagi mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wataala baik di dunia mahupun di akhirat. Dan akhirnya marilah kita bersama-sama menghadirkan diri beramai-ramai di Perhimpunan dan Perarakan Maulud di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di Bandar Seri Begawan.

Sastera & Budaya

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBAWA KEPADA KEMEROSOTAN KUASA BRUNEI DALAM ABAD KE-19

OLEH AWANGKU SUHARIMAN PG. TUAH

BRUNEI yang dulunya merupakan sebuah empayar yang besar dan berkuasa ketika diasaskan oleh Sultan Bolkiah telah mengalami kejatuhan akibat Perang Kastila. Namun Brunei kembali berdiri mantap ketika Sultan Hassan menjadi Sultan Brunei. Kematian Brunei telah hilang apabila berlaku peperangan saudara yang berlaku pada abad ke-17 iaitu dari tahun 1661 hingga 1673 dan jika dilihat masa lampau seakan-akan Brunei melalui zaman yang begitu menyedihkan dan terjadi lagi dalam abad ke-19. Wujud beberapa faktor yang menyebabkan Brunei hilang kuasa.

SISTEM PENTADBIRAN TRADISI BRUNEI

Sistem pentadbiran Brunei telah dibahagi kepada dua bahagian iaitu pentadbiran pusat dan pentadbiran daerah. Pentadbiran daerah telah dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu kerajaan, kuripan dan tulen/pusaka. Pentadbiran yang terbahagi inilah menyebabkan kejatuhan Brunei. Dalam hal ini semua hasil negeri yang diperolehi secara automatik akan terserah kepada Sultan. Kuripan ialah pemilikan hak wilayah/tanah yang dikuasai oleh pengiran-pengiran bertaras iaitu wazir-wazir. Tulen telah pemilikan hak wilayah/tanah yang hanya boleh diwarisi oleh orang besar atau raja. Tulen boleh diwarisi tanpa mengira pangkat atau kedudukan. Masalah ekonomi telah menyebabkan para pembesar yang mempunyai kuripan dan tulen telah memeras para penduduk untuk mendapat hasil yang banyak malahan telah mengenakan cukai yang tidak sepatutnya diperkenalkan.

Kedua Brunei semakin parah apabila kealpaan para pemilik tanah baik secara tulen, kuripan atas kerajaan dan menyerahkan kuasa tanah-tanah secara pajakan dengan mendapatkan bayaran demi memelihara status dan menampung perbelanjaan keluarga dan pengikutnya. Sebagai contoh Pengiran Temenggong yang mempunyai tulen telah memajukan wilayah-wilayah Paitan, Sugut, Bonggoyan, Labok, Sandakan, Kinabatangan, Gagayan, Mumiang, Benuni, Kimanis, Pulau Balabar dan Pulau Palawan kepada Lee Moses. Dari sini kuasa semacam terhadap malah tidak dapat menahan atau mencegah tuan-tuan tanah berbuat demikian.

PERDAGANGAN BRUNEI YANG LUMPUH

Walaupun Brunei pernah menjadi pusat perdagangan yang terpenting tapi dalam abad ke-19 hanya tinggal nama sahaja disebabkan kuasa-kuasa asing mula bertapak seperti Belanda di Banjarmasin, Sepanyol di Manila dan British di Pulau Pinang dan Singapura yang menjadi saingan dalam aktiviti perdagangan Brunei.

Aktiviti-aktiviti perlanungan juga berkait rapat dengan kejatuhan ekonomi Brunei. Wilayah-wilayah di persekitaran Brunei terutama Sabah merupakan sarang-sarang lanun. Ini menggambarkan bahawa perdagangan di Brunei pada ketika itu tidak selamat. Masalah perlanungan menyebabkan Brunei menerima kedatangan British agar dapat menyelesaikan masalah berkenaan.

PEREBUTAN KUASA

Selepas Sultan Muhammad Jamalul Alam lindung, maka ayahanda baginda kembali menaiki takhta iaitu Sultan Muhammad Tajuddin disebabkan anak Sultan Muhammad Jamalul Alam iaitu Pengiran Omar Ali Saifuddin II masih kecil. Selepas Sultan Muhammad Tajuddin mangkat, baginda digantikan oleh adindanya iaitu Sultan Muhammad Kanzul Alam. Namun kuasa sebenar terletak kepada anakandanya iaitu Raja Api.

Apabila baginda sultan ingin mengadakan istiadat perpuspaan, baginda telah ditentang oleh bonda Pengiran Omar Ali Saifuddin II iaitu Raja Nurul Alam dengan alasan anakandanya Pengiran Omar Ali Saifuddin lebih berhak mewarisi takhta kerajaan. Apabila terjadi pertumpahan darah iaitu pembunuhan Raja Api (Sultan Muhammad Alam), maka barulah Pengiran Omar Ali Saifuddin II menjadi Sultan. Bagi menyelesaikan masalah ini Sultan Omar Ali Saifuddin II telah memberi ampun adinda Raja Api iaitu Pengiran Muda Hashim dan melantiknya men-

jadi Bendahara. Namun pada hakikatnya permusuhan masih tetap berterusan.

Apabila pemberontakan terjadi di Sarawak pada 1835/1836, Pengiran Indera Mahkota yang mentadbir di Sarawak tidak dapat memadamkan pemberontakan menyebabkan Pengiran Muda Hashim telah diarahkan untuk mengamankan pemberontakan tersebut. Bagi memastikan agar maruah Pengiran Indera Mahkota tidak jatuh beliau tidak berusaha untuk menundukkan pemberontakan malah membiarkan pemberontak berlarutan. Selain itu perselisihan faham juga berlaku di antara kedua pembesar sehingga menjadi satu perbalahan yang kusut. Dapat dilihat bahawa para pembesar pada ketika itu tidak mempunyai kemufakatan. Ini telah menyebabkan campur tangan seorang Inggeris yang bernama James Brooke. Perebutan kuasa itu menyebabkan juga Pengiran Yusop (adinda Sultan Muhammad Jamalul Alam) meminta Sambas dan Belanda memberi pertolongan kepada pemberontak untuk menggagalkan dan menjatuhkan Raja Muda Hashim.

Raja Muda Hashim terpaksa meminta pertolongan James Brooke kerana beliau juga tidak mahu kehilangan kewibawaan dan maruah sebagai seorang Bendahara. Dari sini bermulalah campur tangan orang Inggeris terhadap Brunei.

CAMPUR TANGAN INGERIS

Abad ke-19 telah membuka satu lembaran sejarah baru iaitu kedatangan orang barat khususnya Inggeris ke bahagian Kepulauan Borneo. Penglibatan James Brooke di Sarawak dan Dinasti Brooke yang telah berkuasa terus merampas wilayah-wilayah Brunei satu demi satu. Perlantikan James Brooke sebagai Gabenor Sarawak telah disahkan oleh sultan dengan diberi syarat yang begitu ketat pada 1 Ogos 1842 disebabkan beliau telah berjaya mengamankan pemberontakan yang berlaku di Sarawak dan juga janji Pengiran Muda Hashim untuk memberikan James Brooke kuasa mentadbir Sarawak jika beliau berjaya. Perlantikan ini adalah sebagai permulaan untuk mencapai cita-citanya.

Perlaksanaan pentadbiran telah disalahgunakan dan telah mengubah maksud untuk mendapatkan kuasa memerintah sendiri perlahan-lahan mengikut yang telah dirancang oleh beliau, sekali gus

menukar geografi Brunei. James Brooke inilah yang mendesak pihak British untuk membuat penempatan di Borneo Utara bagi kepentingan perdagangan dan diplomasi tetapi tidak berhasil. Namun setelah pembunuhan terhadap Pengiran Muda Hashim yang dianggap pro-Inggeris telah menyebabkan pihak British masuk campur, sekali gus mengambil Labuan secara percuma.

PERJANJIAN T.M. 1847

Salah satu punca yang menyebabkan kuasa Brunei menjadi merosot disebabkan oleh satu perjanjian yang dibuat oleh pihak British kepada Sultan Brunei. Pada tahun 1847, James Brooke memujuk sultan supaya membuat perjanjian persahabatan dan perdagangan dengan Inggeris. Pada dasarnya British bersetuju bagi melindungi Brunei dari dicerobohi. Dengan perjanjian inilah James Brooke dapat lagi meluaskan wilayah kekuasaannya iaitu dari Tanjung Datu ke Kuala Sungai Samarahan.

Apabila sultan menyedari perjanjian ini berat sebelah dan tidak menguntungkan sama sekali, maka bgi mengimbangnya sultan telah membuat perjanjian dengan Amerika dengan memberi hak sebebaskan-bebasnya dalam aktiviti perdagangan. Strategi ini tidak juga menguntungkan malahan James Brooke semakin berleluasa dan membuat tekanan disebabkan bagi beliau sultan telah memungkiri perjanjian tersebut.

Kurang dari 10 tahun, James Brooke telah mewujudkan dasar perluasan. Apabila Charles Brooke menjadi Rajah Kedua Sarawak, dasar perluasan semakin maju malah ingin mengambil alih Kesultanan Brunei dan terus menyepikannya. Cara yang digunakan oleh Brooke dapat dilihat melalui tipu helah, kegiatan subversif ke atas wilayah Brunei, menanam wang pajakan, membuat perjanjian dan perundingan, diplomasi kapal perang seperti mengancam istana sultan secara agresif iaitu secara terbuka. Melihat sikap ofensif dan agresif Brooke yang sentiasa untuk mendapatkan wilayah-wilayah Brunei dan pada masa yang sama Brunei menghadapi masalah wang yang serius, sultan memajukan tanah-tanah di Borneo Utara kepada Lee Moses pada tahun 1865 yang mewujudkan Syarikat Borneo Utara Inggeris pada 1881. Gabenor-gabenor di

PERLAKSANAAN pentadbiran telah disalahgunakan dan telah mengubah maksud untuk mendapatkan kuasa memerintah sendiri perlahan-lahan mengikut yang telah dirancang oleh beliau, sekali gus menukar geografi Brunei. James Brooke inilah yang mendesak pihak British untuk membuat penempatan di Borneo Utara bagi kepentingan perdagangan dan diplomasi tetapi tidak berhasil. Namun setelah pembunuhan terhadap Pengiran Muda Hashim yang dianggap pro-Inggeris telah menyebabkan pihak British masuk campur, sekali gus mengambil Labuan secara percuma.

Labuan juga turut serta memajak wilayah-wilayah Brunei atas nama Syarikat Borneo Utara dalam tahun 1880-an.

Keagresifan yang diperlihatkan oleh Syarikat Borneo Utara Inggeris dan Charles Brooke di Sarawak terutama strategi mereka mengambil kawasan dari para pembesar yang mempunyai tulen dan kuripan menyebabkan wilayah Brunei semakin hari semakin kecil. Sultan semakin resah. Baginda khawatir Brunei akan lenyap lantas baginda membuat satu amanat supaya wilayah yang ada tidak boleh disewakan atau diserahkan kepada mana-mana negara dan tetap kekal diperintah oleh Brunei.

KESIMPULAN

Faktor-faktor yang menyebabkan Brunei hilang kuasa terbahagi kepada dua iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor-faktor yang diytakan di atas dapat dijadikan pengajaran dan ristaan sejarah supaya kita mengetahui bagaimana Brunei yang dulunya merupakan sebuah negara yang luas telah menjadi kecil. Namun apa yang menjadi kebanggaan kita iaitu Sultan Hashim telah menolak tawaran Charles Brooke supaya Daerah Tutong dan Daerah Belait diserahkan kepada Sarawak disebabkan huru-hara yang berlaku. Walaupun sultan menghadapi krisis wang yang serius tidak lagi bermakna baginya jika negara tergedai. Baginda berititah:

"Apa akan jadi kepada beta, pembesar-pembesar beta dan keturunan beta? Beta sudah tentu tinggal seperi pokok yang dibuang segala dahan dan rantingnya."

Jika sekiranya Sultan Hashim tidak menghiraukan akan negaranya hilang sudah tentu Daerah Tutong dan Daerah Belait telah diserahkan kepada Sarawak. Malah hari ini kita juga berkemungkinan akan menjadi miskin disebabkan tidak ada minyak yang menjadi sumber kekayaan Negara Brunei Darussalam hari ini.

BIBLIOGRAFI

- Saunders, G., *A History of Brunei*, Kuala Lumpur, 1994.
- Pg. Hj. Muhammad bin Pg. Hj. Abd. Rahman, 'Syair Rakis Karya Pengiran Syahbandar Muhammad Salleh: Satu Kajian Kemunculannya', dalam *PELITA BRUNEI*, 22 Disember, 1993.
- Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdullah dan Sabullah Hj. Hakiq, *Sejarah Brunei: Menjelang kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1997.
- Sanib Said, Brunei, Brooke dan Britain: Berakhirnya Sebuah Empayar, dalam *Seminar Brunei Dalam Sejarah*, anjuran Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam dan Persatuan Sejarah Brunei, 29-31 Disember 1991.
- Abdul Latif Hj Ibrahim, 'Brunei Dalam Lintasan Sejarah Tamadun Melayu', Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1986.
- Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Rahman, 'Brunei K.M. XIX: Satu Cabaran dan Campur tangan British', dalam *Brunei Di tengah-tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Seminar Sejarah Brunei*, Jabatan Pusat Sejarah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, 1994.
- Sweeney, P.L.A., *Silsilah Raja-Raja Berunai*, JMBRAS, Vol. VI, No.1, 1985.
- Haji Asbol bin Haji Mail, 'Legitimasi Penabalan Kesultanan Brunei: Mempertahankan Kewujudan MIB', Universiti Brunei Darussalam.
- Ranjit Singh, D.S., *Brunei 1839-1993: The Problems of The Political Survival*, Oxford University Press, Singapore, 1984.
- P.O.K. Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Syair Rakis: Karangan Al-Marhum Pengiran Shahbandar Pengiran Md. Salleh ibni Pengiran Sharmayuda*, Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan, 1993.
- *Survival Brunei Dari Perspektif Sejarah*, Pusat Sejarah Brunei, Karangan Al-Marhum Pengiran Shahbandar Pengiran Md. Salleh ibni Pengiran Sharmayuda, Jabatan Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan, 1993.
- Irwin, G., *Borneo Abad Kesembilan Belas* (terk. Mohd. Nor Ghani dan Noraini Ismail), DBP, Kuala Lumpur, 1986.

Berhati-hati dengan kumpulan bukan Islam Meracuni jiwa, pemikiran umat Islam

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Datangnya agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan suatu rahmat yang amat besar dari Allah Subhanahu Wataala. Agama yang membawa nur dan hidayat-Nya kepada umat manusia supaya kita tidak lagi hidup dalam kejahilan dan kesesatan. Islam adalah agama yang suci lagi murni, di dalamnya terdapat ajaran-ajaran serta hukum-hakam yang sempurna lagi adil yang telah merangkumi segala aspek yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Umat Islam tidak akan pernah tersesat jika mereka sentiasa berpandu kepada ajaran Kitab Suci Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Kesedaran yang berlaku di kalangan sebahagian umat Islam adalah kerana golongan ini ingkar dan tidak menjadikan Kitab Suci Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan dan sebaliknya merujuk kepada bahan-bahan lain, merujuk atau menjadi pengikut kepada individu-individu yang mempunyai kepentingan sendiri serta sebahagiannya membuat tafsiran sendiri ajaran dan kandungan Al-Quran serta Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Dari itu beruntunlah kepada siapa yang telah dibukakan hatinya untuk menerima rahmat keislaman dan keimanan dalam jiwa.

Walaupun telah jelas terbukti betapa Islam adalah agama yang benar lagi lurus, namun masih terdapat beberapa golongan umat manusia yang masih ingkar dan kurang senang dengan kedatangan Islam dan mereka inilah musuh-musuh Allah, Rasul dan agama Islam. Mereka tidak henti-henti berusaha untuk menyekat penyebaran agama Islam ke serata dunia sejak zaman-berzaman. Bermacam-macam strategi telah dilakukan oleh mereka namun sentiasa gagal dan iktihar memusnahkan umat Islam dan agamanya melalui penjajahan fizikal dan peperangan tidak berjaya, mereka kini berusaha untuk menajajah pemikiran dan kepercayaan kita dalam beragama pula.

mereka lebih giat berusaha mempengaruhi penduduk-penduduk kampung sahaja khususnya yang berada jauh dari pembangunan dan dilanda kemiskinan. Ini kerana mudah bagi mereka untuk menghasut dan memaksa mangsa-mangsa supaya menerima agama yang dibawa oleh mereka. Dan kejadian ini banyak berlaku di negara-negara Islam yang kurang membangun dan mundur.

Tapi kini sasaran mereka tidak hanya tertumpu kepada negara mundur dan bergolak sahaja, bahkan turut menyerang negara membangun dan warga kota. Dan negara kita, Brunei Darussalam turut menjadi sasaran musuh-musuh Islam. Beberapa waktu terdekat ini, kita telah dikejutkan dan


didedahkan kepada satu muslihat yang digunakan oleh musuh-musuh Islam dalam usaha untuk menggugat akidah umat Islam di negara kita. Terdapat satu pertubuhan atau kumpulan bukan Islam di luar negeri telah cuba menyebarkan dakwah agama mereka ke negara ini, iaitu dengan mengirim surat-surat dan risalah-risalah yang boleh mengelirukan segelintir masyarakat umat Islam. Kita khuatir perbuatan tersebut akan meracuni jiwa dan pemikiran umat Islam khususnya kepada saudara-saudara baru, golongan belia dan remaja serta mereka yang lemah imannya.

Alhamdulillah, berkat kesedaran umat Islam betapa bahayanya perbuatan tersebut, pihak kerajaan dan

orang ramai telah sama-sama berganding bahu untuk menyekat dan membanteras usaha jahat tersebut dari terus tersebar luas. Kini kita harus lebih peka dan berhati-hati terhadap apa jua cara, muslihat dan strategi yang digunakan oleh musuh-musuh Islam yang sudah pasti mendapat sokongan dan dorongan dari Iblis Laknatullah.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-An'aam ayat 121 yang tafsirnya:

"Dan sesungguhnya syaitan-syaitan itu membisikkan kepada pengikut-pengikutnya, supaya mereka memban-tah menghasut kamu, dan jika kamu menurut hasutan mereka untuk menghalalkan yang haram itu, sesungguhnya kamu tetap menjadi orang-orang musyrik."



BEBERAPA waktu terdekat ini, kita telah dikejutkan dan didedahkan kepada satu muslihat yang digunakan oleh musuh-musuh Islam dalam usaha untuk menggugat akidah umat Islam di negara kita. Terdapat satu pertubuhan atau kumpulan bukan Islam di luar negeri telah cuba menyebarkan dakwah agama mereka ke negara ini, iaitu dengan mengirim surat-surat dan risalah-risalah yang boleh mengelirukan segelintir masyarakat umat Islam.

Kita umat Islam harus tahu bahawa di antara tujuan dan cara mereka untuk menyekat kita dari agama Islam ialah mereka akan menimbulkan keraguan di hati kita terhadap keesaan Allah Subhanahu Wataala, meragui kebenaran Kitab Suci Al-Quran,

meragui keikhlasan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, meragui kesucian agama Islam dan sebagainya. Mereka juga akan berusaha menghapuskan akidah umat Islam supaya nantinya kita akan bertukar menjadi kumpulan manusia yang beragama Islam hanya pada nama atau zahir sahaja. Mereka juga akan terus berusaha menghapuskan perpaduan umat Islam kerana hanya dengan perpaduan kita menjadi umat yang kuat, tetapi akan menjadi lemah jika berpecah-belah. Bahkan mereka akan terus memburuk-burukkan Islam pada pandangan masyarakat umumnya supaya umat yang belum kenal pada Islam akan terus memandang prejudis terhadap Islam dan beranggapan bahawa Islam adalah agama yang gemar kepada keganasan dan peperangan.

nah dan cubaan yang ditujukan atas kita. Kita perdalamkanlah ilmu agama Islam ke dalam jiwa, semoga kita tidak akan mudah terpengaruh oleh muslihat licik mereka. Dan bertakwalah kita kepada Allah Subhanahu Wataala memohon pertolongan-Nya kerana Dia adalah sebaik-baik penolong. Mudah-mudahan kita dan umat Islam seluruhnya akan sentiasa terselamat dari kesesatan dan kebinaasaan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-An'aam dalam ayat 153 yang tafsirnya:

"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan yang lain dari Islam, kerana jalan-jalan yang lain itu menceraikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa."

Dari itu marilah kita bersatu padu untuk menangkis apa jua fit-

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي باگي دائره بروني دان مولاي مولاي دري هاري رابو، 9 ربيع الاول، 1423 برسمان 22 مي، 2002 هيشك كهاري ثلاث، 15 ربيع الاول، 1423 برسمان 28 مي، 2002 اداله سفرت دبلوه اين -

هجري	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
ربيع الاول									
9	12.18	3.41	6.28	7.42	4.33	4.43	6.05	6.30	22
10	12.18	3.41	6.28	7.42	4.33	4.43	6.05	6.30	23
11	12.18	3.42	6.28	7.42	4.33	4.43	6.05	6.30	24
12	12.18	3.42	6.28	7.43	4.33	4.43	6.05	6.30	25
13	12.18	3.42	6.28	7.43	4.33	4.43	6.05	6.30	26
14	12.19	3.43	6.29	7.43	4.33	4.43	6.05	6.30	27
15	12.19	3.43	6.29	7.44	4.33	4.43	6.05	6.30	28

وقت ۲ سمبھيغ باگي دائره تونغ دهبه سائو مينيت دان دائره بلايت دهبه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جعته دسلوروو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 نغاري.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihie Wasahbihi Waman Walah.

SYARAT-SYARAT ORANG YANG AZAN DAN IQAMAH

DISYARATKAN ke atas orang yang azan dan iqamah, seperti berikut:

1. **Islam.** Tidak sah azan dan iqamah oleh orang kafir.
2. **At-tamyiz.** Tidak sah azan dan iqamah oleh kanak-kanak yang belum mumaiyiz.
3. **Lelaki.** Tidak sah azan dilancarkan oleh perempuan bagi jemaah lelaki. Bahkan haram jika perempuan meninggikan suaranya di hadapan mereka (orang lelaki *ajnabi*). Demikian juga haram ke atas perempuan melancarkan azan yang suaranya dapat didengar oleh orang lelaki *ajnabi* itu, sekalipun di hadapan mahram atau kaum sejenisnya.

Tidak makruh jika perempuan itu azan bagi jemaah perempuan dengan suara yang rendah, bahkan mendapat pahala yang demikian itu, kerana ianya dikira sebagai zikir, tetapi bukan sebagai azan dengan maksud *al-ilm*.

Adalah sunat bagi perempuan menyerukan iqamah sahaja dengan suara yang rendah jika ia sembahyang bersendirian. Sementara sunat dengan suara yang tinggi jika sembahyang itu didirikan secara jemaah sesama perempuan sahaja. (Fath Al-'Allam: 2/113, l'ana Ath-Thalibin: 1/374-375 dan Al-Majmu': 3/108).

SUNAT-SUNAT AZAN DAN IQAMAH

Sunat-sunat azan dan iqamah itu seperti berikut:

1. Sunat bagi orang yang azan dan iqamah itu berdiri, sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Wahai Bilal! Berdirilah engkau dan serulah untuk sembahyang." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Makruh bagi orang yang mampu berdiri melancarkan azan dan iqamah dalam keadaan duduk atau berbaring, namun azan dan iqamahnya itu sah, kerana maksudnya telah pun tercapai iaitu sebagai pemberitahuan. (Al-Majmu': 3/117).

2. Berdiri di tempat yang tinggi seperti menara masjid. Jika tidak ada menara, berdiri di atas *suthuh* masjid (bumbung yang mendatar). Jika tidak ada juga, maka sunat berdiri di pintu masjid. Adapun iqamah tidak disunatkan berdiri pada tempat yang tinggi, melainkan kerana keperluan seperti masjid terlalu besar.

3. Menghadap ke kiblat. Kerana kiblat itu adalah semulia-mulia arah. Makruh jika tidak menghadap ke kiblat.

4. Sunat ketika azan dan iqamah - tanpa menggerakkan dada dan kaki - memalingkan muka ke sebelah kanan apabila menyerukan (حى على الصلاة), lalu kembali semula memalingkan muka ke arah kiblat. Kemudian sunat memalingkan muka ke sebelah kiri apabila menyerukan dua kali kalimah (حى على الفلاح), lalu kembali semula memalingkan muka ke arah kiblat. Sebagaimana hadis daripada Abu Juhafah Radiallahu-anhu katanya yang maksudnya: "Aku pernah datang mengadap Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam di Mekah sewaktu Baginda berada di dalam sebuah qubba (khemah) merah diperbuat daripada kulit. Lalu Bilal keluar dan menyerukan azan, sedang aku memerhati mulut Bilal yang menghala ke sana dan ke sana (ke kanan dan ke kiri)." (Abu Juhafah) berkata: "Kemudian Rasulullah

AZAN DAN IQAMAH: HUKUM DAN KELEBIHANNYA

Bilangan 136 Bahagian Ketiga

Sallallahu Alaihi Wasallam keluar dengan pakaian merah corak Yaman buatan Qatar."

Musa berkata: "Berkata (Abu Juhafah): "Aku telah melihat Bilal keluar ke Abthah lalu menyerukan azan, sesudah sampai kepada: (حى على الصلاة), dia memalingkan lehernya ke kanan dan ke kiri tanpa berpusing. Kemudian Bilal masuk (ke kediamannya) lalu dia mengeluarkan tongkat." (Hadis riwayat Abu Daud).

Terdapat tiga pendapat bagi cara-cara yang disunatkan ketika memalingkan muka tersebut.

- i. Pendapat pertama dan yang asah adalah cara yang disebutkan di atas.

- ii. Pendapat yang kedua ialah dengan memalingkan muka ke sebelah kanan apabila menyerukan kalimah pertama (حى على الصلاة), lalu kembali semula ke arah kiblat. Kemudian memalingkan muka sekali lagi ke sebelah kanan pada kalimah kedua (حى على الصلاة), lalu kembali semula ke arah kiblat. Demikian juga keadaannya pada kedua-dua kalimah (حى على الفلاح) hanya perbezaannya dengan memalingkan muka ke sebelah kiri.

- iii. Pendapat ketiga ialah dengan memalingkan muka ke sebelah kanan sekali bagi kalimah (حى على الصلاة) dan ke sebelah kiri sekali. Kemudian memalingkan muka ke sebelah kanan sekali bagi kalimah (حى على الفلاح) dan ke sebelah kiri sekali. (Al-Majmu': 3/115).

Hukum sunat memalingkan muka itu termasuklah juga pada azan khutbah Jumaat, azan untuk sembahyang seorang diri dan azan bagi menolak gangguan syaitan. Manakala azan bagi anak yang baru lahir tidak dituntut untuk meninggikan suara dan memalingkan muka, kerana tidak ada faedahnya. (l'ana Ath-Thalibin: 1/380-381).

5. Sunat menutup dua lubang telinga dengan dua jari telunjuk, kerana ianya boleh meninggikan lagi suara. Sebagaimana di dalam hadis daripada Abu Juhafah ketika Bilal melancarkan azan di hadapan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam

lam katanya yang maksudnya: "Aku pernah melihat Bilal azan, dia memalingkan (muka ketika hai'alatan) diikuti dengan mulutnya ke sana dan ke sana. Kedua jari telunjuknya di telinganya. Ketika itu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berada di qubba yang berwarna merah pada sangkanku (Abu Juhafah)." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Jika salah satu tangannya sakit, maka memadailah dengan sebelah tangan sahaja. Namun jika jari telunjuknya sakit, maka gunakanlah jarinya yang lain. Adapun hukum sunat menutup lubang telinga ini hanyalah pada azan sahaja dan tidak pada iqamah. Demikian juga tidak disunatkan pada azan sembahyang seorang diri dengan suara yang rendah. (Sabil Al-Muhtadin: 1/173 dan l'ana Ath-Thalibin: 1/379-380).

6. Sunat bagi orang yang melancarkan azan itu merdeka (bukan hamba) dan baligh. Kanak-kanak mumaiyiz sah azan dan iqamahnya. (Al-Majmu': 3/109). Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Hendaklah azan untuk kamu daripada orang yang terpilih di kalangan kamu dan hendaklah yang mengimamkan kamu itu orang yang ahli dalam membaca (Al-Quran)." (Hadis riwayat Abu Daud).

7. Sunat bagi orang yang azan dan iqamah itu bersifat adil. Ini kerana memberi kepercayaan orang ramai kepadanya apabila dia memperkhabarkan masuknya waktu sembahyang. Makruh bagi orang yang fasiq, akan tetapi azan dan iqamahnya itu adalah sah. (Al-Majmu': 3/109).

8. Sunat bagi orang yang azan dan iqamah itu suci (taharah) daripada hadas atau junub. Makruh jika dia melancarkan azan dalam keadaannya berhadas atau berjunub, bahkan sangat makruh lagi jika dia melancarkan iqamah dalam keadaan tersebut. Ini kerana iqamah itu lebih hampir untuk mendirikan sembahyang. Walau bagaimanapun azan dan iqamah yang dilancarkannya dalam keadaan berhadas atau berjunub itu adalah sah. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya: "Tidaklah azan melainkan orang yang berwuduk." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

9. Tartil pada azan dan idraj pada iqamah. Sunat melancarkan azan itu dengan bacaan yang tartil (bacaan yang perlahan dengan menyebut kalimah-kalimah dengan terang dan jelas). Ini bertujuan supaya dapat menyampaikan kepada orang ramai



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail: mufti@brunei.bn

Fatwa@brunei.bn

hadir berjemaah. Manakala iqamah pula, sunat dilancarkan dengan bacaan yang idraj (bacaan yang segera). Ini kerana iqamah itu dilancarkan kepada jemaah yang sudah hadir untuk bersembahyang. Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada Bilal maksudnya: "Wahai Bilal! Jika engkau azan, maka perlahan-lahan pada azanmu dan jika engkau iqamah, maka percepatkan." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Haram *talhin* (berlagu-lagu) ketika azan dan iqamah jika lagu-lagu itu mengubah makna kalimah-kalimah-nya atau menimbulkan kewahamen yang ditegah. Seperti contoh-contoh berikut:

- i. Memanjangkan huruf "hamzah" pada kalimah asy-hadu (أشهد), maka menjadilah hamzah itu sebagai istifham (tanda tanya).
- ii. Memanjangkan huruf "ba" pada kalimah akbar (أكبر), maka menjadilah ia sebagai jama' kepada kabar yang bererti gendang yang satu muka.
- iii. Mewakafkan pada kalimah La ilaha (لا إله) yang bererti "tiada Tuhan" dan memulakan bacaan pada kalimah Illallah (إلا الله) yang bererti "melainkan Allah" maka perkara ini boleh membawa kepada kufur.
- iv. Memanjangkan huruf "alif" pada kalimah Allah (الله), kerana melebihi pada huruf mad dan lin daripada kadar yang dibaca oleh orang Arab maka itu adalah salah.
- v. Menukar huruf "alif" kepada huruf "ha" pada kalimah Allah (هالله).
- vi. Memanjangkan huruf "hamzah" pada kalimah akbar (أكبر).
- vii. Tidak menyebut huruf "ha" pada kalimah as-shalah (الصلاة) maka menjadilah maksudnya seruan menuju ke neraka. (Hawasyi Tuhfat Al-Muhtaj: 1/473)

Bersambung

Lawatan sambil belajar belia, beliawanis Kg. Perpindahan Serasa



BELIA dari Masjid Kampong Perpindahan Serasa bergambar kenangan bersama Ketua Perhubungan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei, Supt. Haji Abdul Murad dan Penolong Ketua Perhubungan Awam, Inspektor Pengiran Saiful Rizal Malek Faesal.

SERAMAI 80 orang belia dan beliawanis Masjid Kg. Perpindahan Serasa, telah mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei bulan April lepas.

Semasa lawatan tersebut, mereka telah dibawa melawat ke Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas, Pasukan Polis Diraja Brunei, yang mana mereka turut ditunjukkan demonstrasi 'Speed Trap' dan 'Tyre Clamping', serta penerangan berhubung kesalahan-kesalahan lalu lintas oleh ahli-ahli daripada Cawangan Lalulintas dan Peronda.

Mereka juga telah diberikan taklimat oleh Supt. Hj. Abd. Murad bin Haji Abdul Hadi,

Ketua Perhubungan Awam Polis Diraja Brunei, berhubung sejarah dan juga struktur serta carta organisasi pasukan dan juga kesalahan-kesalahan jenayah yang sering dilakukan oleh penuntut-penuntut sekolah.

Diikuti kemudiannya dengan beberapa pameran yang telah serta oleh beberapa buah unit daripada Jabatan Siasatan Jenayah dan Pusat Latihan Polis. Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, Gadong.

Wakil belia dan beliawanis itu juga telah mengucapkan terima kasih di atas layanan yang telah diberikan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei di sepanjang lawatan diadakan.

KINI kita berada di bulan Rabiulawal atau lebih dikenali dengan sebutan 'Bulan Maulidur Rasul'. Dalam bulan inilah kita umat Islam di seluruh dunia bergembira merayakan hari kebesaran junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai Rasul (Pesuruh Allah) yang terakhir di dunia ini telah berjaya mengembangkan syiar Islam dan dapat menyelamatkan manusia daripada kejahatan serta penderitaan. Terbukti hingga kini kita umat Islam sebagai pengikut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tetap berdiri megah memperjuangkan dan memelihara keagungan serta kesucian agama Islam. Di mana saja jelas terbukti panji-panji Islam berkibar di seluruh dunia, dan kita tetap berbangga dengan adanya jumlah umat Islam semakin bertambah dari masa ke masa. Segalanya adalah dari keberkatan, kesungguhan dan kewibawaan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjalankan amanah dan perintah daripada Allah Subhanahu Wataala kepada umat manusia agar mendapat petunjuk dan benar-benar beriman kepada Allah Subhanahu Wataala.

Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diputerakan pada tanggal 12 Rabiulawal 571 Masihi. Dengan ketabahan dan keberanian serta kemuliaan akhlakannya berhasil membawa umat manusia ke alam kemanusiaan yang sejati dan lepas bebas dari kekeliruan kepercayaan sia-sia yang akhirnya menuju keimanan tauhid yang benar, dari keperibadian yang pincang dan moral yang rosak menuju akhlak yang luhur lagi mulia, dari kebodohan dan kejahilan mendapat petunjuk ke alam kenyataan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala. Bahkan banyak lagi jasa-jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terhadap umat manusia. Meskipun Baginda menghadapi berbagai-bagai rintangan dan dugaan tetapi tetap maju ke hadapan tanpa berganjak walau sedikit sekalipun demi kerana Allah Subhanahu Wataala untuk mempertahankan kebenaran agama Islam yang suci.

Sebenarnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam amat kasih dan sayang akan umatnya sehingga Baginda sanggup berkorban apa saja demi menegakkan agama

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam ingatan

منوجو كرىضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلوان قوسه دعوه اسلاميه

Islam dan kesejahteraan umatnya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merasa sedih sehingga menitis air mata apabila mengenangkan nasib umatnya bilamana kelak setelah Baginda tiada. Perilaku Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam amat luar biasa yang tidak ada terdapat pada diri kita umatnya kerana kemuliaan hati dan perasaannya begitu agung dan mulia. Walaupun Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah wafat, Baginda telah meninggalkan suatu pusaka yang berharga dan amat bererti bagi pedoman hidup umat Islam seluruhnya iaitu Al-Quran dan Sunnahnya sebagai petunjuk jalan kehidupan di dunia dan akhirat. Selagi kita berpegang teguh kepada keduanya, selama itu diri kita, keluarga, manusia seluruhnya yang beriman kepada Allah Subhanahu Wataala tetap akan selamat. Dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Malik dan Hakim yang bermaksud: "Benar-benar aku telah meninggalkan untuk kamu dua pusaka, yang kamu tidak akan sesat sama sekali selama kamu berpe-

gang kepadanya, iaitu Kitabullah (Al-Quran) dan Sunnah Nabi-Nya."

Hadis tersebut mengingatkan kita bahawa sepeninggalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, hendaklah kita berpegang teguh pada kedua pusaka tersebut iaitu Al-Quran dan Sunnahnya. Kita benar-benar diperingatkan supaya jangan meninggalkan keduanya tersebut (Al-Quran) dan Sunnahnya kerana jika ditinggalkan maka kesesatan dalam hidup ini pasti akan timbul, na'uzubillahi minzaalik Dari sebab itulah makanya apa jua yang hendak dilaksanakan kita wajib berpandukan Al-Quran dan Sunnahnya agar terselamat dari kesesatan.

Dalam segala hal perlulah kita mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dan ianya tidaklah menjadi kesalahan jika diteladani peribadinya itu. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran Surah Al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud:

"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pun menyebut

dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)."

Jelas ayat tersebut memberikan petunjuk bahawa agar kita dapat mencontohi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang begitu hebat, kerana keseluruhannya makanya Baginda sebagai pemimpin yang tidak pernah bersungut (putus asa) dan memiliki ketinggian akhlak yang agung lagi mulia. Tegasnya pada peribadinya umat Islam dapat mencontohi dengan sebaik-baiknya dan dengan itulah juga sebabnya Baginda berjaya membawa amanah dan perintah Allah Subhanahu Wataala kepada manusia seluruhnya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pembawa rahmat dan memimpin serta mengajar umat manusia ke jalan yang diredai-Nya jua. Dari itu, sesiapa yang beriman dan menurut syariat Islam yang disampaikannya, selamatlah dia di dunia dan di akhirat, dan sesiapa yang kufur ingkar, celakalah dia di dunia dan di akhirat. Ini telah dijelaskan melalui firman Allah dalam Al-Quran Surah Al-Anbiyaa ayat 102 yang bermaksud:

"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

Saudara baru berperanan menyebarkan dakwah

Oleh Haji Ahmad HS

BELAIT. - Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Adam bin Haji Ahmad berkata saudara-saudara baru tidak boleh menganggap yang mereka kurang penting atau kurang berperanan dalam menyebarkan dakwah dan perkembangan Islam, khusus di kampung-kampung dan mukim masing-masing.

Dalam sejarah Islam di zaman para sahabat jelasnya, saudara-saudara baru adalah sangat penting dan memberikan sumbangan yang besar dalam menegakkan Islam sehingga Islam tersebar, bukan sahaja di tanah Arab tetapi di luar tanah Arab termasuk ke Negara Brunei Darussalam.

Menurut beliau walaupun peranan saudara-saudara baru tidak seperti yang dilakukan di zaman para sahabat, tetapi sekurang-kurangnya berdakwah kepada kaum keluarga, sahabat handai sudah cukup baik.

"Dakwah yang paling berkesan dan baik ialah contoh teladan yang baik yang dapat mencerminkan keindahan, kehalusan agama Islam dan orang-orang Islam sendiri," katanya di Majlis Penyerahan Bantuan Kebajikan Pusat Da'wah Islamiyah kepada saudara-saudara baru bagi Daerah Belait yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kampung Sungai Mau, Ulu Belait pada 9 Mei yang lalu.

Di majlis itu beliau menjelaskan dalam empat bulan kebelakangan ini seramai 237 orang telah memeluk agama Islam, ini menunjukkan perkembangan baik yang mana setiap bulan di seluruh negara lebih kurang 39 orang telah memeluk agama Islam dan berharap jumlah tersebut akan berterusan dan bertambah dari masa ke semasa.

Katanya saudara-saudara baru di negara ini harus bersyukur, kerana kebajikan, bimbingan keagamaan mereka dan sebagainya telah dikendalikan dengan teratur dan sempurna oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan peruntukan yang telah ditentukan.

Di majlis itu beliau juga memperjelaskan bahawa bantuan-bantuan yang diberikan kepada saudara-saudara baru adalah bersifat sementara seperti generator dan tangki air, jika disalahgunakan, tegasnya bantuan tersebut boleh ditarik balik dan dianggap tidak layak lagi untuk menerima bantuan tersebut, dan akan diberikan kepada mereka yang lebih

memerlukan dengan mengikut pertimbangan jawatankuasa dari masa ke semasa.

Dalam hubungan ini ujarnya, Kementerian Hal Ehwal Ugama tidaklah mengharap apa-apa balasan dari saudara-saudara baru yang diberikan bantuan, tetapi katanya adalah menjadi harapan pihak kementerian supaya saudara-saudara baru akan terus berpegang teguh kepada ajaran Islam dan tidak terpengaruh dari anasir-anasir yang boleh memesonkan akidah kita sebagai orang Islam.

Di majlis itu seramai 10 orang saudara-saudara baru menerima bantuan dalam bentuk barang-barang keperluan harian, lima daripadanya menerima bantuan tangki air dan tujuh orang menerima bantuan generator.

Antara tujuan bantuan diberikan ialah bagi membantu saudara baru yang kurang bernasib baik, kurang berkemampuan agar dapat meringankan sedikit beban yang mereka tanggung, di samping untuk menguatkan akidah dan pegangan agama mereka, mengeratkan hubungan silaturahim dan perasaan muhibah antara pegawai Pusat Da'wah Islamiyah dan saudara-saudara baru serta merupakan strategi dakwah dan keprihatinan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiyah.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Adam bin Haji Ahmad menjelaskan, saudara baru berperanan besar dalam menegakkan Islam. - Gambar oleh Hamadi HM.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Adam bin Haji Ahmad ketika menyerahkan bantuan kebajikan Pusat Da'wah Islamiyah kepada saudara-saudara baru bagi Daerah Belait. Majlis berlangsung di Dewan Serbaguna Kampung Sungai Mau, Ulu Belait. - Gambar oleh Hamadi HM.



MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

Menyemarakkan lagi penghayatan beragama

KEDATANGAN tarikh 12 Rabiulawal pada setiap tahun memang membawa erti yang besar kepada seluruh umat Islam. Kita akan merayakan sambutan hari kelahiran junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sambutan Maulud Nabi merupakan satu langkah bagi menyemarakkan lagi penghayatan beragama di negara ini. Ia juga membayangkan kepada perlunya kita mengimbu kembali kecemerlangan umat Islam di zaman awal kemunculan Islam yang berhadapan dengan berbagai cabaran, namun dalam masa yang sama mereka mempunyai keimanan dan ketakwaan mereka terhadap agama yang suci ini.

Bagi kita di negara ini

memang sudah menjadi tradisi merayakan bulan Maulud dengan mengadakan majlis-majlis berdirikan dan ceramah di masjid-masjid dan surau-suru serta di balai-balai ibadah. Ianya dimeriahkan lagi dengan sambutan-sambutan serta peragaan-peragaan nasyid, tulisan jawi, pertandingan membaca Al-Quran dan berbagai-bagai lagi acara yang selayaknya. Ia benar-benar memberi makna yang tersendiri kepada perkembangan Islam dan juga kehidupan beragama di negara kita. Kita bukan saja dituntut sekadar mengetahui Sirah Rasul tapi adalah menjadi tuntutan kita untuk turut menjwai, mendalami dan menghayati setiap laku perjuangan Rasulullah.

Nabi Muhammad Sal-

allahu Alaihi Wasallam merupakan Pesuruh Allah untuk membimbing dan memimpin umat manusia ke jalan yang benar dan lurus serta diredai oleh Allah bukan saja bagi kehidupan dunia malahan juga akhirat.

Kita juga hendaklah berazam untuk mencontohi cara hidup Baginda sebagaimana yang difirmankan oleh Allah Subhanahu Wataala di dalam ayat Al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud:

"Sesungguhnya adalah Rasulullah menjadi ikatan yang paling baik kepada sesiapa yang berharap Allah, negeri akhirat dan ingat kepada Allah sebanyak-banyaknya."

Di negara kita sebagaimana lazimnya akan diadakan dengan berbagai-

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Tradisi Sambutan Maulud Di Negara Brunei Darussalam'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

bagai acara Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dimulai Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut di seluruh negara di masjid-masjid dan surau-suru. Kemuncak acara ialah perhimpunan dan perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan yang merupakan tradisi dalam membesarkan sejarah kelahiran junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehingga hari ini ajaran dan pimpinannya masih diteruskan dan dihayati oleh seluruh umat Islam sejagat. Hendaknya kepekaan kita kepada perjuangan yang dilalui oleh Baginda tidak terbatas se-

kadar bulan Maulud ini saja. Ibu bapa adalah seharusnya berkewajipan membiasakan membaca Sirah Rasul kepada anak-anak dan ahli keluarganya agar ia menjadi hafalan, ikutan dan melekat di dalam hati mereka.

Kita angkat hari itu sebagai hari kelepasan awam supaya semua rakyat dan penduduk dapat menghayati kehebatan intipati hari keputeraan junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Rumaizah binti Mamit,
No. 12, Simpang 32-21,
Kampung Kiarong,
BE 1318
No. k/p: 300426

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Tabiat Merokok Merugikan. Bincangkan'. Tarikh tutup 25 Mei 2002.
2. 'Bersama Membanteras Anasir-anasir Yang Cuba Gugat Kestabilan Negara'. Tarikh tutup 2 Jun 2002.
3. 'Amalkan Pemakanan Sihat dan Seimbang. Bincangkan'. Tarikh tutup 8 Jun 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,

Minda Pembaca,

Unit Pelita Brunei,

Jabatan Penerangan,

Lapangan Terbang Lama, Berakas,

Bandar Seri Begawan, BB 3510,

Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>

email: pelita@brunet.bn

Menyatupadukan umat Islam

MAULUD Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam disambut pada setiap tahun oleh semua umat Islam di seluruh dunia pada 12 Rabiulawal tahun Hijrah. 12 Rabiulawal adalah tarikh Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diputerakan dan sambutan ini diadakan sebagai memperingati akan jasa dan pengorbanan Baginda dalam menegakkan syiar Islam.

Di Negara Brunei Darussalam sendiri sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan setiap tahun. Pelbagai acara yang dirancang bagi menyemarakkan sambutan Maulud Nabi itu. Setiap tahun sambutan Maulud Nabi mempunyai tema dan maksud tersendiri.

Perhimpunan secara besar-besaran akan diadakan di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam. Perhimpunan diadakan serentak dan dihadiri oleh semua umat Islam yang ingin turut serta merayakan Maulud Nabi.

Di Bandar Seri Begawan perhimpunan dan perarakan rasaksa biasanya diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin. Ianya dihadiri oleh beribu-ribu umat Islam termasuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta kerabat-kerabat diraja dan para menteri kabinet.

Biasanya perarakan berjalan kaki bagi kaum lelaki dan berdirikan bagi kaum wanitanya akan diadakan. Selain daripada itu pelbagai acara keagamaan akan diadakan pada hari-hari berikutnya.

Perhimpunan seumpama itu melibatkan semua pihak yang beragama Islam. Penglibatan dari jabatan-jabatan kerajaan dan swasta juga memainkan peranan yang amat

penting dalam menjayakan acara sambutan Maulud Nabi. Para murid dan penuntut sekolah yang beragama Islam juga turut tidak ketinggalan untuk bersama-sama meraiikannya.

Sambutan Maulud Nabi ini telah menjadi tradisi bagi Negara Brunei Darussalam, yang mana pada setiap tahun apabila menjelang Maulud Nabi, pelbagai acara keagamaan diadakan oleh jabatan-jabatan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan, syarikat-syarikat swasta, masjid-masjid, surau-suru dan yang lainnya.

Bersempena Maulud Nabi banyak diadakan acara pertandingan seperti pertandingan berdirikan, menghafaz ayat-ayat lazim dan surah, pertandingan membaca Al-Quran, azan dan iqamah dan banyak lagi pertandingan yang dianjurkan bagi menyemarakkan lagi Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Penceramah-penceramah undangan dari dalam dan luar negeri akan dijemput hadir bagi memberikan ceramah keagamaan sebagai ingatan dan panduan umat Islam.

Maulud Nabi diadakan bagi menyatupadukan umat Islam dan di dalam perhimpunan seumpama inilah dapat menemukan umat Islam yang lainnya, di samping bersama-sama meraiikan perhimpunan agung ini sebagai peringatan kita akan jasa dan perjuangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Betapa besarnya pengorbanan Baginda dalam memperjuangkan dan menegakkan agama Islam. Jasa dan kesabaran Baginda menjadi ikutan dan kenangan bagi semua umat Islam di seluruh dunia.

Kamsiah binti Haji Kahar,
No. 60, Simpang 40, Kampong Sungai
Akar, BC 3915.
No. k/p: 252597

Menyingkap perjuangan hidup Rasulullah

SALAH satu hari-hari kebesaran Islam yang sering mengambil tempat di negara kita ialah sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sebagai hari untuk memperingati seorang pemimpin yang agung yang amat berjasa bagi seluruh alam, tradisi menyambutnya memang tidak pernah kita tinggalkan dan akan terus diadakan dalam pelbagai format dan tema mengikut perkembangan semasa. Dan pada setiap tahun, hari perhimpunan dan perarakan akan menjadi kemuncak acara sambutan, di samping aktiviti-aktiviti keagamaan yang mengambil sempena dan bertujuan bagi menyingkap perjuangan hidup Rasulullah untuk dijadikan suri teladan terbaik dalam kehidupan dan menuju keredaan Allah.

Sebagai sambutan yang cukup bermakna dan mendatangkan manfaat dalam sama-sama membesarkan sambutan Maulud ini, kita turut memuji dan memperbanyakkan selawat melalui majlis-majlis Dikir Syarafil Anam yang berkemundang di masjid-masjid dan surau-suru seluruh negara. Ianya berlangsung sepanjang dua belas malam berturut-turut dari 1 hingga 12 Rabiulawal, sebelum berlangsungnya hari perhimpunan dan perarakan.

Kemeriahan sambutan ini juga dapat dirasakan melalui promosi media massa dan kain-kain rentang yang menghiasi tempat-tempat awam. Sambutan Maulud ini tambah menarik dengan pemimpin negara kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan turut mengetahui perarakan mengelilingi bandar. Usaha serupa ini tentu saja dapat dilihat sebagai cara menanam rasa kecintaan kepada Rasulullah selain usaha untuk mengikut jejak Rasulullah dari seluruh aspek keperibadian dan akhlak Baginda yang agung.

Mengambil sukut baik hari kelahiran junjungan Rasulullah, ceramah-ceramah dan aktiviti-aktiviti keagamaan juga diadakan untuk menyemarakkan suasana sambutan. Peluang-peluang seumpama ini juga pernah dimanfaatkan dan direbut sebaik-baiknya pada suatu ketika dahulu, di mana cerita-cerita seperti cerita Nur Muhammad atau Nabi Bercukur diselitkan dalam majlis-majlis mencukur rambut anak-anak damit, berkhitan atau semasa belajar mengaji Al-Quran. Aktiviti dan pro-

gram bercorak agama yang mengambil sempena sambutan serupa ini, perlulah juga menepati tujuan dan sasaran seperti pada menambah amal salih, membina perpaduan dan kekuatan umat Islam atau sekurang-kurangnya untuk dapat menghidupkan Sunnah Rasulullah dan melibatkan pula semua lapisan masyarakat terutama para belia dan remaja Islam.

Menyingkap sambutan Maulud di negara kita, juga mengajak kita untuk merenung pendekatan-pendekatan yang telah dilakukan oleh generasi terdahulu dalam merayakan sambutan tersebut. Kesibukan dan kemeriahan menyambutnya memang tidak dapat dinafikan sama ada dari segi persiapan mahupun pada hari berlangsungnya perhimpunan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Ia sudah setentunya juga melibatkan semua lapisan masyarakat dan umat Islam, terutama mereka yang mengambil bahagian dalam perarakan siap siaga dengan cogan-cogan kata yang menjadi perangsang kepimpinan dan peribadian Rasulullah. Dan pada tahun ini kita memberi penekanan kepada tema 'Aqidah Kukuh Bangsa Perkasa' yang memerlukan kita untuk memiliki akidah dan keimanan yang mantap kepada Allah untuk dijadikan asas dan pegangan dalam melahirkan bangsa yang benar-benar berilmu, beramal, berbakti dan mampu memikul tanggungjawab demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Sambutan Maulud seumpama ini akan lebih bermakna seandainya dapat memberi kesan kesedaran dan pengajaran sama ada kepada setiap individu, kelompok masyarakat mahupun kepada umat Islam seluruhnya kerana pengakuan kita semua untuk menjadi umat Nabi Muhammad yang taat, jujur dan setia hingga ke akhir zaman. Manfaat dari sambutan Maulud ini juga perlu dilihat kesannya seperti kebaikan-kebaikan yang perlu disebarluaskan untuk menjadi ikutan dan penyubur motivasi ke arah menyemarakkan syiar Islam di muka bumi ini, sebagaimana tuntutan sabda Rasulullah yang bermaksud "Sampaikanlah daripadaku walau hanya sepotong ayat".

Awang Abdul Wahab bin Haji Abdullah,
No. 21 G, Kampong Burung Pingai Ayer,
BM 1126.
No. k/p: 058132



Kunjungan muhibah Mufti Iraq

Oleh Abu Bakar HAR

YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain, Menteri Hal Ehwal Ugama baru-baru ini telah menerima kunjungan

YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain, Menteri Hal Ehwal Ugama ketika menerima kunjungan muhibah Mufti Iraq, Dr. Abdul Razzaq A. Al Sa'adi. - Gambar ihsan Pusat Da'wah Islamiah.

muhibah daripada Mufti Iraq, Dr. Abdul Razzaq A. Al Sa'adi.

Kunjungan muhibah tersebut berlangsung di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 11 Mei lepas.

Semasa perjumpaan tersebut Mufti Iraq telah menyampaikan buku mengenai fatwa kepada Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dr. Abdul Razzaq merupakan Ketua Persatuan Perilaku Islam, Dekan Maktab Al-Maarif Baghdad Iraq dan berpejabat di Konsulat Pejabat Presiden.

Oleh Samle Haji Jait

RIMBA. - Pengarah Keselamatan Dalam Negeri, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menegaskan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri sangat peka terhadap trend jenayah di kalangan warga asing di negara ini. Menurut beliau, keadaan ini jika tidak dibasmi lebih awal akan memudaratkan negara dalam jangka panjang.

Menurut beliau, kedamaian Negara Brunei Darussalam telah menyumbang kepada keharmonian dan pembangunan negara.

Walau bagaimanapun sebagai sebuah negara yang aman dan dikenali dengan kekayaan, negara ini mudah terdedah kepada aktiviti-aktiviti jenayah dari luar yang menggunakan pelbagai kaedah dan strategi melalui sempadan negara dari darat dan perairan negara.

"Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan agensi-agensi keselamatan dan penguat kuasa berperanan menjaga keamanan dan ketenteraman negara meminta kerjasama penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung sama-sama menangani dan melaporkan kejadian yang menyalahkan undang-undang," ujarnya.

Beliau menjelaskan demikian dalam Sesi Perjumpaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Agensi-agensi Keselamatan dan Penguat Kuasa bersama para penghulu dan ketua-ketua kampung Daerah Brunei dan Muara, 27 April lalu.

Menurut beliau, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri mengenal pasti beberapa isu keselamatan yang wajar diberikan perhatian serius oleh semua golongan masyarakat tempatan.

Orang luar (penjenayah), jelas beliau akan mengaut keuntungan jika kita bersikap lalai.

Sehubungan itu, para penghulu dan ketua kampung perlu sama-sama memata-matai aktiviti warga asing yang tinggal di kawasan kawalan masing-masing dan segera melaporkan kepada pihak berwajib jika mereka berkelakuan yang mencurigakan.

Dalam masa yang sama, beliau menasihati para penghulu dan ketua kampung agar sentiasa berusaha menyedarkan anak buah mereka jika mereka melakukan kesalahan yang menyalahi undang-undang dan terlibat dengan jenayah.

Kerjasama dan bantuan para penghulu dan ketua-ketua kampung, tegas beliau, dalam membanteras apa juga jenayah dapat membantu pihak berkuasa menangani keselamatan negara.

Isu-isu kegiatan berdakwah yang menyelewengkan akidah umat Islam, kegiatan ekonomi, penyalahgunaan dadah, penyeludupan barang-barang tegahan, kemasukan pendatang haram dan penyebaran khabar angin merupakan antara kegiatan yang sangat membimbangkan.

Oleh itu, semua agensi keselamatan dan penguat kuasa akan terus bekerja keras dalam membasmikan segala aktiviti yang menyalahi undang-undang negara secara berterusan.

Seminar 'Smart Parenting'

Oleh
Bolhassan HAB

GADONG, 3 Mei. - Kira-kira 200 ibu bapa pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah (PCE) dari Sekolah Nusa Laila Puteri telah menghadiri Seminar 'Smart Parenting' di sini.

Seminar yang bertujuan untuk menimbulkan kesedaran betapa pentingnya peranan ibu bapa dalam membantu anak-anak menghadapi peperiksaan PCE itu dilangsungkan di Auditorium Maktab Juru-rawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bol-kiah.

Di seminar tersebut, kaunselor dari Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Kementerian Pendidikan, Awang Ee Ah Meng meminta para ibu bapa agar merapatkan lagi

jurang antara mereka dengan anak-anak.

Katanya, jurang tersebut jika tidak diberi perhatian akan menimbulkan masalah ketika anak-anak meningkat dewasa. Di samping itu beliau juga menasihati ibu bapa supaya tidak membezakan kemampuan anak mereka dengan orang lain kerana itu boleh menimbulkan kurang keyakinan pada anak itu sendiri.

Ibu bapa juga harus meneliti kerja rumah anak mereka dengan memberi pertolongan jika anak mereka menghadapi masalah pelajaran.

Mata-matai aktiviti warga asing yang mencurigakan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof dan ketua-ketua jabatan ketika hadir di Sesi Perjumpaan KHEDN dan Agensi-agensi Keselamatan dan Penguat Kuasa bersama para penghulu dan ketua kampung Daerah Brunei dan Muara. Majlis berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Halim HS.

RIMBA, 27 April. - Penghulu, ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang digesa memberi kerjasama kepada agensi-agensi keselamatan dan penguat kuasa dalam sama-sama memastikan keselamatan, ketenteraman dan keharmonian yang dinikmati oleh seluruh rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa terpelihara.

"Perhatian dan kewaspadaan semua pihak termasuk para penghulu, ketua kampung terhadap kejadian-kejadian yang berlaku di sekeliling khususnya di mukim-mukim dan kampung-kampung di Daerah Brunei dan Muara perlu ditangani lebih awal dengan serius sebelum menjadi parah," jelas Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Abang Haji Hepni.

Beliau menyatakan perkara itu dalam Sesi Perjumpaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Agensi-agensi Keselamatan dan Penguat Kuasa bersama para penghulu dan ketua kampung Daerah Brunei dan Muara di Institut Perkhidmatan Awam.

Beri kerjasama kepada agensi keselamatan

Menurut beliau, Jawatankuasa Kerja Pertahanan dan Keselamatan Peringkat Daerah Brunei dan Muara sangat mengambil berat mengenai isu-isu keselamatan dan sama-sama bertanggungjawab dalam mengawal dan memantau anasir-anasir yang mengganggu gugat keselamatan, ketenteraman dan keharmonian.

Selaras dengan peranan dan tanggungjawab para penghulu, ketua kampung sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan, mereka perlu mempunyai sikap proaktif dan peka dalam memantau secara berterusan kegiatan-kegiatan mencurigakan yang berlaku di kawasan mukim-mukim dan kampung-kampung dan melaporkan kepada pihak yang berkenaan.

Sesi perjumpaan julung

kali itu yang bertema 'Bersama Menangani Keselamatan Negara' memberi kesempatan kepada para ketua kampung untuk ber-

interaksi secara terbuka dengan agensi-agensi keselamatan penguat kuasa.

Semua agensi penguat kuasa dan keselamatan ha-

dir bagi memberikan makluman dan mendengar pandangan dari pemimpin-pemimpin kampung di Daerah Brunei dan Muara.



PARA penghulu dan ketua kampung Daerah Brunei dan Muara ketika hadir di Sesi Perjumpaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Agensi-agensi Keselamatan dan Penguat Kuasa. - Gambar oleh Halim HS.

Tiga keluarga terima sumbangan

Oleh Aliddin HM

TEMBURONG. - Tiga buah keluarga yang terdiri dari 13 orang penghuni rumah yang terlibat dalam kebakaran di Kampong Menengah di sini menerima sumbangan dari Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah pada hari Jumaat 10 Mei lalu.


Sumbangan keseluruhan yang berjumlah \$3,300.00 dan barang-barang berbentuk makanan harian telah disampaikan oleh Pengarah Eksekutif Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas di rumah kediaman Ketua Kampong Menengah, Awang Hamdan.

Sumbangan tersebut diharapkan akan dapat meringankan beban yang ditanggung dan selaras dengan dasar penubuhan yayasan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan khususnya bagi membantu orang-orang yang kurang bernasib baik dan sangat memerlukan.

Kebakaran yang meranapkan sebuah rumah yang mengakibatkan kehilangan tempat tinggal dan harta benda itu terjadi pada 22 April lalu kira-kira jam 11.55 malam.

Juga diselajarkan ialah penyampaian derma

MENYUSUR MUKIM DAN KAMPUNG



Oleh Aliddin Haji Moktal

sejumlah \$593.00 oleh Penolong Pengarah Urusan 2 Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani kepada ketua keluarga mangsa kebakaran, Dayang Hajah Tangang binti Haji Tassim, hasil kutipan derma penduduk kampung berkenaan.

Menurut Ketua Kampong Menengah selaku Pemangku Penghulu Mukim Bangar menjelaskan mangsa-mangsa yang terlibat dalam musibah tersebut kini ditempatkan sementara oleh Jabatan Daerah Temburong di flat-flat kerajaan dan sebahagiannya di rumah-rumah sanak saudara.

TEMBURONG. - Isu-isu keselamatan bukan hanya menjadi tanggungjawab pihak kerajaan tetapi juga perlu dipikul bersama oleh semua anggota masyarakat termasuklah para penghulu mukim, ketua kampung dan ketua rumah panjang sebagai pemimpin akar umbi di peringkat mukim dan kampung di daerah ini.

"Sesungguhnya peranan kita semua dalam memastikan keselamatan, ketenteraman dan keharmonian yang kita nikmati selama ini adalah sangat-sangat mustahak dan dituntut. Oleh itu kita haruslah prihatin serta berwaspada terhadap kejadian-kejadian yang berlaku di sekeliling kita khususnya di mukim-mukim dan kampung-kampung di daerah ini," kata Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohd. Yusop bin Abu Bakar.

Beliau berucap mempengerusikan Sesi Perjumpaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Agensi-agensi Keselamatan dan Penguat Kuasa bersama para penghulu, ketua kampung dan ketua rumah panjang di Daerah Temburong di Dewan Kemasyarakatan di sini pada 4 Mei lalu.

Beliau menjelaskan, seperti mana yang selalu kita ketahui sama ada melalui media cetak dan televisyen, kes-kes jenayah berlaku semakin meningkat dan ini perlu ditangani lebih awal sebelum ianya menjadi lebih serius.

Selaras dengan peranan serta tanggungjawab para penghulu mukim, ketua kampung dan ketua rumah

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin, ketika hadir di Sesi Perjumpaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Agensi-agensi Keselamatan dan Penguat Kuasa bersama penghulu dan ketua kampung serta ketua rumah panjang Daerah Temburong. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Tangani isu keselamatan secara bersepadu

panjang sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan, semestinya begitu komited dan peka dalam memantau secara berterusan mengenai kejadian-kejadian atau apa jua kegiatan-kegiatan yang mencurigakan berlaku di mukim-mukim dan kampung-kampung yang mereka pimpin dan seterusnya akan bertindak melaporkannya kepada pihak-pihak yang berkenaan, katanya.

Beliau juga berkata, isu kemasukan pendatang haram ke negara ini dan cuba mengambil kesempatan daripada kemakmuran dan kesejahteraan negara ini perlu diambil tindakan dengan melaporkan kepada pihak berkenaan.

Begitu juga dengan pengamal dan penyebaran ajaran-ajaran sesat sama ada melalui perbomohan dan persilatan dan kumpulan yang menjadi sasarannya adalah golongan anak-anak muda, jelasnya.

Di samping itu juga tambahnya, penyebaran khabar-khabar angin dan surat layang/fitnah yang membabitkan isu-isu kebajikan penduduk seperti penyebaran bekalan makanan habis yang mana isu-isu ini boleh menimbulkan suasana kegelisahan, panik dan kacau-bilau.

Anasir-anasir yang mendatangkan kerugian kepada negara dan seterusnya mengancam kepentingan keselamatan seperti berlakunya pembakalan haram di kawasan sempadan negara ini dan negara jiran, katanya.

Beliau menambah, kegiatan-kegiatan jenayah, perkumpulan sosial, keganasan dan sebagainya yang dilakukan oleh warga asing yang datang ke negara ini dan telah menyewa dan mendiami rumah-rumah yang kosong sudah se-

tentunya akan mengganggu kestabilan negara.

Penyalahgunaan dadah yang melibatkan golongan remaja dan belia serta kegiatan-kegiatan penyeludupan barang-barang yang ditegah dan diharamkan, lebih-lebih lagi barang-barang sedemikian itu mudah diperolehi dari negara jiran yang bersempadan dengan daerah ini, perlu dilaporkan kepada pihak berkenaan, ujarnya.

Beliau berkata, isu-isu yang dinyatakan itu setentunya akan menjadi penyumbang kepada ketidakstabilan, keharmonian dan kesejahteraan serta keamanan negara, jika ianya tidak dibendung dan diambil tindakan berdasarkan kepada undang-undang yang berkuat kuasa di negara ini.

Bagi Daerah Temburong, katanya, walaupun kadar kejadian jenayah masih di peringkat yang rendah iaitu pada empat bulan pertama hanya 14 kejadian dilaporkan akan tetapi ianya tidak seharusnya dilihat sebagai satu perkara yang tidak membahayakan dan mengancam ketenteraman dan keamanan negara.

Perjumpaan itu antara lain bertujuan untuk memastikan aspek-aspek keselamatan dan ketenteraman serta keharmonian yang dinikmati akan sentiasa terus dinikmati di masa-masa akan datang.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin, ketua-ketua dan wakil jabatan-jabatan yang mewakili agensi-agensi keselamatan dan penguat kuasa undang-undang di negara ini menghadiri perjumpaan tersebut.



PENGARAH Eksekutif Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas menyampaikan sumbangan yayasan kepada sebuah keluarga yang terlibat dalam kebakaran di Kampong Menengah, Temburong (atas). - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

PENOLONG Pengarah Urusan 2 Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani menyampaikan sumbangan hasil kutipan derma penduduk kampung kepada Dayang Hajah Tangang binti Haji Tassim. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



Jadikan ICT strategi tingkat kecekapan

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 13 Mei. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama menasihati pegawai dan kakitangan di kementerian berkenaan supaya menjadikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai alat atau strategi dalam usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan dan kepimpinan sama ada di dalam pimpinan masjid, dawah, syariah dan sebagainya.

Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Yusof menjelaskan perkara tersebut semasa merasmikan Roadshow Kesedaran dan Kefahaman ICT dan e-Kerajaan untuk semua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berlangsung di bangunan kementerian berkenaan.

Menyadari pentingnya rancangan kerajaan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 yang menjadikan ICT sebagai satu keutamaan, maka Pengiran Dato Paduka menasihati pegawai dan kakitangan di kementerian iut untuk mempersiapkan diri serta organisasi masing-masing supaya mempelajari dan menambah ilmu ICT agar dapat mengetahui cara penggunaan peralatan perkomputeran dengan lebih baik dan sempurna.

Oleh itu, jelasnya, pemimpin dan orang yang dipimpin di semua jabatan di Kementerian Hal Ehwal Ugama supaya berganding bahu memanfaatkan segala kemudahan perkomputeran yang telah disediakan dengan sebaik-baiknya serta mengambil inisiatif dan mengoptimalkan penggunaannya secara berkesan dalam mencapai matlamat kerajaan yang dihasratkan.

"Kita tidak mahu menjadi masyarakat terpinggir dan tersisih atau buta IT disebabkan kelemahan berinteraksi melalui kaedah dan teknologi moden ini, sedang-

kan kewujudan dan kecanggihan sistem telekomunikasi di negara ini menuntut kita untuk mengetahui cara-cara bagi mencapai dan mendapatkan maklumat dengan lebih cepat, tepat dan terkini yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam," jelas Pengiran Dato Paduka.

Menurutnya, bagi umat Islam di negara ini, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi merupakan suatu rahmat dan peluang, di samping menjadi cabaran baru.

Islam sebagai agama yang mendukung penggunaan dan penyebaran maklumat walau bagaimanapun menuntut kita supaya berhati-hati mendapatkan maklumat yang bernilai dan berguna sebagaimana yang diperingatkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada umatnya mengenai kepentingan meneliti datangnya sumber maklumat itu kerana tidak bertanggungjawab, tegasnya lagi.

Selain itu, jelasnya, Al-Quran juga memperingatkan supaya orang-orang Islam bersifat selektif dalam menerima sebarang maklumat.

Juga diadakan pada majlis itu ialah perunjukan berbentuk demonstrasi elektronik mengenai aplikasi pejabat, internet dan software.

Juga diselitikan di majlis tersebut ialah penjualan sebuah buku yang dihasilkan oleh anak tempatan Awang Adam bin Haji Jait yang bertajuk 'Belajar Cara Mudah' membina sistem maklumat dan pengurusan data melalui Microsoft Access 2000.

Antara tujuan roadshow itu diadakan ialah untuk menimbulkan kesedaran dan kefahaman mengenai perkembangan ICT dan e-kerajaan serta memberi pendekatan dan keyakinan secara am bagaimana projek dan program ICT dan e-kerajaan di jabatan-jabatan dapat dirancang, diurus dan dilaksanakan dengan lebih berkesan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof ketika berucap merasmikan Roadshow Kesedaran dan Kefahaman ICT dan e-Kerajaan untuk semua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Gambar oleh Masri Osman.

Jururawat perlu mengetahui kepentingan kaji selidik

Oleh
Awangku Jeffery PD

VOC TECH.

GADONG, 13 Mei. - Jururawat perlu mengambil langkah bijak dalam membuat perubahan ke atas pengamalan perawatan klinikal yang dipengaruhi oleh kaedah tradisional.

Kaedah tersebut perlu dikaji terlebih dahulu dari aspek keberkesanan dan kualiti terhadap pengurusan penggunaan masa, tenaga, sumber dan kewangan, jelas Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dato Paduka Haji Mustafa bin Abu Bakar semasa merasmikan Bengkel Analisis Data Asas dan Terjemahan Penyelidikan Jururawat di Dewan Teratai Pusat Serantau SEAMEO

Mereka perlu memikirkan dengan teliti dan memberikan keutamaan kepada isu-isu kaji selidik selain berusaha meningkatkan lagi mutu perawatan yang sedia ada dengan berfikir dinamik dalam mengimbas pemahaman lama dan tatacara bekerja yang mungkin perlu diteliti bagi menyesaikannya dengan keadaan pada hari ini," tambahnya.

Selain itu katanya, mereka juga hendaklah menguatkan sifat prihatin, berpandangan ke hadapan dalam melaksanakan tanggungjawab yang murni kepada masyarakat.

Sementara itu Pengetua Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Dayang Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah dalam ucapannya menerangkan tujuan bengkel itu diadakan bagi memberikan kefahaman mengenai proses pengendalian dan memasukkan data serta maklumat kaji selidik yang betul.

Katanya, jururawat seharusnya mengetahui akan

kepentingan kaji selidik di dalam apa jua tugas yang mereka lakukan dan menggunakan kaedah yang dipaparkan daripada hasil kaji selidik itu bagi mempertingkatkan tahap dan mutu perkhidmatan mereka kepada orang ramai.

Kajian telah membuktikan bahawa kebanyakan jururawat tidak memberikan kerjasama di dalam pengendalian proses kaji selidik kerana mereka kurang pengetahuan mengenai, ujar beliau.

Sehubungan dengan itu beliau berharap mereka akan dapat memperoleh kaedah yang berguna dan bersedia menggunakan ilmu yang diperoleh di dalam memberikan perawatan yang berkesan serta berkualiti bila-bila masa diperlukan.

Bengkel empat hari anjuran bersama Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Pusat Serantau SEAMEO VOC TECH itu dihadiri oleh 40 orang jururawat berdaftar yang pada masa ini mengikuti pelbagai Kursus Diploma Kejururawatan Lanjutan. Bengkel dikendalikan oleh Ketua Kaji Selidik dan Perunding Pusat Serantau SEAMEO VOC TECH, Dr. Hendarman.



KETUA Pengarah Pendidikan, Dato Paduka Haji Mustafa bergambar ramai bersama para peserta Bengkel Analisis Data Asas dan Terjemahan Penyelidikan Jururawat sejurus merasmikannya. - Gambar oleh Halim HS.

10 kertas kerja akan dibentangkan

Oleh Haji Ahmad HS

TUNGKU. - 'Ke Arah Pemantapan Perniagaan Islam Dalam Era Globalisasi' adalah kertas kerja dijangka menarik yang akan disampaikan dalam Seminar Antarabangsa Perniagaan Islam Dalam Era Globalisasi oleh Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman yang akan diadakan pada 18 sehingga 20 Jun akan datang, di Hotel Asma Jerudong.

Sebanyak 10 kertas kerja akan dibentangkan oleh pembentang dari dalam negeri dan luar negeri. Antara tajuk kertas kerja ialah Penggunaan ICT Dalam Perniagaan Islam Masa Kini; Kesan Perniagaan Islam Dalam Perekonomian Brunei, The Application Of Credit Cards : An Islam Perspective; Syariah

Approaches To Product Development and Enhancement In Islam Banking Finance; Ke Arah Pelaksanaan Matawang Islam : Prospek dan Cabaran dan termasuk Sesi Dialog Bersama Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) selaku penaja utama seminar tersebut.

Perkara tersebut telah dinyatakan oleh Pengerusi Bersama Seminar, Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Institut Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddin dan Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman, Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar, Universiti Brunei Darussalam dalam sidang akhbar yang diadakan di Universiti Brunei Darussalam.

Tema yang dipilih dalam seminar itu ialah 'Ke Arah Pemantapan Perniagaan Islam Dalam Era Globalisasi'. Seminar tersebut dianjurkan

bersama oleh Institut Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddin dan Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar dan ditaja sepenuhnya oleh IDBB.

Antara tujuan seminar tersebut ialah bagi menimbulkan kesedaran peri pentingnya perniagaan global berasaskan Islam; menghidupkan kembali semangat perniagaan saudagar Islam masa lampau; merumuskan kaedah pendekatan antara perniagaan Islam dengan perniagaan konvensional; mengeratkan hubungan sesama masyarakat Islam antarabangsa melalui perniagaan konvensional dan pada mengenalpasti isu-isu perniagaan moden dan berusaha menyelesaikan menurut perspektif Islam.

Menurut Pengerusi Bersama seminar, target yang dijangka menghadiri seminar tersebut ialah 200 sehingga 250 orang, yang mana penyertaan

dibuka kepada institusi, dewan-dewan perniagaan dengan dikenakan bayaran \$180.00, orang-orang perseorangan sebanyak \$150.00 dan penuntut dikenakan bayaran sebanyak \$60.00.

Pihak penganjur akan memberikan potongan sebanyak lima peratus bagi mereka yang mendaftar awal (early bird) dan 20 peratus akan diberikan kepada mereka yang mendaftar secara berkumpulan (5 orang ke atas). Tarikh tutup bagi pendaftaran ialah pada hari Isnin 10 Jun 2002.

Selain mengadakan seminar, pihak penganjur juga akan mengadakan jualan buku yang bertajuk 'Konsep Perniagaan Dalam Islam' yang merupakan hasil kertas kerja semasa Seminar Konsep Perniagaan Dalam Islam yang diadakan tahun lepas dan juga jualan buku daripada kedai-kedai buku yang dijemput oleh pihak penganjur.



PENGARAH Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Talib bin Haji Berudin ketika berucap merasmikan Bengkel Serantau Mengenal Prinsip dan Amalan Kerja Belia.

Sertai Pertunjukan Kebudayaan

KEDUTAAN Besar Negara Brunei Darussalam di Tehran, Republik Islam Iran telah menyertai Pertunjukan Kebudayaan Asia'.

Pihak Kedutaan Besar telah diketuai oleh Hajjah Mastura binti Haji Awang, isteri Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Iran bersama-sama para isteri Duta Besar dari sembilan negara Asia terdiri dari Republik Rakyat China, India, Republik Indonesia, Jepun, Republik Korea, Malaysia, Pakistan, Republik Filipina dan Thailand.

Pertunjukan amal tersebut bertujuan bagi mengutip sumbangan kepada Tabung Bantuan Afghanistan. Ianya telah diadakan di kediaman rasmi Duta Besar Republik Rakyat China di Tehran pada 12 Mac 2002 dan dipengerusikan oleh Puan Shama Hussain, isteri Duta Besar Pakistan.

Tetamu kehormatannya ialah Puan Karubi, isteri Tuan Yang Terutama Speaker Majlis (Parlimen), Republik Islam Iran. Hadir sama para isteri pembesar-pembesar Republik Islam Iran serta para tetamu dari Kedutaan-Kedutaan negara-negara Arab, Afrika dan Amerika Latin seramai 250 orang.

Di pertunjukan itu Kedutaan Besar telah mempersembahkan acara 'Majlis Berbedak' bagi pengantin perempuan, di samping persembahan pertunjukan pakaian tradisi dan adat resam dari setiap kedutaan yang ikut serta (gambar bawah).

Pertunjukan tersebut telah berjaya mengutip sejumlah R/s 36,000,000.00 (36 juta rial) atau US\$4,500.00 dan akan disumbangkan kepada Tabung Bantuan Afghanistan dalam bentuk pakaian dan sebagainya.



PERADUAN Mewarna bagi murid-murid kelas Al-Quran dan Muqaddam seluruh Temburong telah berlangsung di Masjid Utama Mohd. Salleh, Bangar, Temburong. - Gambar oleh Pengiran Raffee PDPHM.

Program Komanwel bantu wujud persaudaraan belia serantau

Oleh
HJ. Ahmad HS.

BERAKAS, 13 Mei. - Pengarah Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Talib bin Haji Berudin berkata di era milenium, Negara Brunei Darussalam percaya bengkel diadakan adalah penting, bukan sahaja dalam mengukuhkan melihat masa hadapan Komanwel khususnya hal-ehwal belia yang merupakan aset bangsa sebagai tunggak penggerak dan kemajuan serantau.

Semua belia dalam anggota Komanwel memberikan sumbangan yang penting dalam masyarakat masing-masing terutama dalam pendidikan, pekerjaan, mempelajari, kemahiran mengajar, menjalankan perniagaan dan membantu membangunkan negara mereka, tambahnya.

Dato Paduka Awang Haji Talib menyatakan perkara itu semasa merasmikan Bengkel Serantau Mengenal Prinsip dan Amalan Kerja Belia yang dikendalikan oleh Negara Brunei Darussalam Ke-2 di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menurut Dato Paduka, sepanjang tempoh Program Komanwel, telah berjaya membantu belia di rantau ini dengan berkesan

sekali dalam mewujudkan persaudaraan di kalangan belia dari negara-negara ahli.

Dalam hubungan itu, ujarnya, Program Komanwel telah berjaya membantu bagi mengenal pasti matlamat hidup mereka, dengan menerima pendidikan dan latihan, berani memulakan perniagaan sendiri, menjaga dan melibatkan diri dalam membuat sebarang keputusan.

Ke arah itu, Negara Brunei Darussalam sentiasa berusaha yang terbaik untuk memastikan para belia di negara ini menjadi aset yang berguna ke arah menegakkan kejayaan, keamanan, kestabilan dan kedaulatan negara, jelasnya.

Seramai 29 orang belia terdiri dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia, India, Republik Singapura, Sri Lanka, Bangladesh dan Maldives menghadiri bengkel lapan hari itu.

Antara matlamat bengkel tersebut bagi melatih para belia untuk memajukan pekerjaan dan memainkan fungsi mereka sebagai profesion yang bersaing dalam menggerakkan masyarakat serta mengukuhkan kewibawaan dan kemahiran dalam pertubuhan mereka.

100 kanak-kanak sertai Peraduan Mewarna

Oleh
Abu Bakar HAR

TEMBURONG, 10 Mei. - Adik Mohd. Abdul Hanis bin Haji Mohd. Salleh muncul sebagai pemenang Peraduan Mewarna bagi murid-murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam seluruh Tem-

burong yang berlangsung di Masjid Utama Mohd. Salleh, Bangar.

Adik Mohd. Hanis menjuarainya bagi kategori kanak-kanak berumur sembilan hingga 11 tahun sekali gus mewakili Masjid Utama Mohd. Salleh.

Sementara tempat kedua dimenangi oleh adik Siti Aisyah binti Haji Emran wakil dari Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kampong Bokok dan tempat ketiga mewakili Masjid Utama Mohd. Salleh dimenangi oleh adik Ampuan Nura-syikin binti Haji Sufri.

Manakala johan bagi kanak-kanak berumur lapan tahun ke bawah dimenangi oleh adik Salihah wakil dari Masjid Kampong Puni.

Tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi oleh adik Abdul Qawi dan adik Insyirah mewakili Masjid Pengiran Haji Abu Bakar.



PARA belia dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia, India, Republik Singapura, Sri Lanka, Bangladesh dan Maldives ketika menghadiri bengkel tersebut. - Gambar oleh Harun HR.

Brunei - Australia adakan latihan tentera

Oleh Bolhassan HAB

Azlan bin Haji Mohd. Saji.

BERAKAS, 11 Mei. - Malle Bull Exercise 2002 yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan pertahanan di antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Australian Defence Force telah dirasmikan pelancarannya di Berakas Garrison di sini.

Kemuncak atur cara di perasmian tersebut ialah penyerahan bendera oleh Pegawai Memerintah Kompeni B, Royal Australian Regiment, Mejar L.A. Cusack kepada Pemangku Pegawai Pemerintah Batalion Pertama, Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Mejar Haji

Malle Bull Exercise 2002 dijalankan di Daerah Temburong dengan memberi keutamaan kepada latihan peperangan hutan. Ia merupakan latihan pertukaran di mana satu kompeni dari Australian Defence Force berada di negara ini bagi menjalankan latihan dua hala dan pada masa yang sama, satu kompeni dari Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei dihantar ke Australia untuk membuat latihan peringkat kompeni.

Pada masa ini Kompeni B dari Batalion Pertama, Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei sedang berada di Australia bagi tujuan tersebut.



MALLE Bull Exercise 2002 diadakan antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Angkatan Tentera Australia (bawah). Sementara gambar atas, penyerahan bendera oleh Pegawai Memerintah Kompeni B, Royal Australian Regiment kepada Pemangku Pegawai Pemerintah Batalion Pertama Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei. - Gambar oleh Ramlee Tengah.



Sambutan Hari Kebangsaan di luar negara



TUAN Yang Terutama Dato Paduka Haji Abd. Aziz bin Mohammad, Pesuruhjaya Negara Brunei Darussalam Tinggi ke Kanada dan Datin bergambar bersama Yang Berhormat Marcel Prud'homme P.C. dan Yang Berhormat Michel Biron CM ahli senat sejeurus selepas mengahayakan ketibaan mereka di Majlis Resepsi tersebut.

Ottawa, Kanada

OTTAWA, KANADA. - Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di sini telah menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 dengan mengadakan Majlis Resepsi pada malam 7 Mac lalu bertempat di sebuah hotel yang terkemuka di Ottawa, Kanada.

Majlis telah dihadiri oleh seramai lebih dari 200 orang jemputan yang terdiri dari pegawai-pegawai kanan kerajaan, diplomat asing, ahli-ahli pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, ahli-ahli perniagaan, pertubuhan-pertubuhan awam dan lain-lain.

Antara tetamu yang hadir ialah Yang Berhormat ahli-ahli senat, Penolong Kanan Timbalan Menteri Perhubungan.

dan lain-lain orang kenamaan, termasuk bekas Datuk Bandar Ottawa yang sekarang menjadi Presiden dan CEO Canadian Tourism Commission

Pada petang 22 Februari juga di adakan sembahyang fardu Maghrib dan Isyak berjemaah serta membaca Surah Yaasiin dan doa kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 bertempat di Rumah Brunei, kediaman rasmi Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Kanada, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdul Aziz. Majlis telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kanada dan keluarga serta para jemputan yang lain. Majlis telah dipimpin oleh Awang Amin Makrup.



DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Russia TYT Dato Paduka Mahadi bin Haji Wasli dan Datin, menyambut ketibaan tetamu khas di majlis tersebut Tuan Yang Terutama Alexander Losyukov, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Russia.

Moscow, Russia

RUSSIA. - Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Moscow di sini telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18. Majlis tersebut telah berlangsung di Hotel Comosers' Hall Radisson-Slavyanskaya.

Tetamu khas di majlis itu ialah Tuan Yang Terutama Alexander Losyukov, Timbalan Menteri Luar, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Persekutuan Russia. Juga hadir di majlis itu ialah ketua-ketua perwakilan asing, para diplomat dan wakil-wakil dari agensi tempatan.

Republik Islam Pakistan



TUAN Yang Terutama Brig Jen (B) Dato Paduka Haji Ibrahim bin Haji Mohammad, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Islam Pakistan bersalaman ketika menyambut kedatangan tetamu kehormat, Tuan Yang Terutama Dr. Abdul Malik Kasi, Menteri Kesihatan, Republik Islam Pakistan.

ISLAMABAD. - Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 telah diadakan oleh Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Islamabad, Republik Islam Pakistan.

Majlis tersebut telah diadakan pada 1 Mac 2002 bertempat di Hotel Islamabad Serena dan dihadiri kira-kira 300 jemputan berserta isteri masing-masing yang terdiri daripada ketua-ketua perwakilan asing, diplomat-diplomat dan tetamu dari sektor swasta di Pakistan. Sementara itu, Tetamu Kehormat ialah Tuan Yang Terutama Dr. Abdul Malik Kasi, Menteri Kesihatan, Republik Islam Pakistan.



Canberra, Australia

AUSTRALIA. - Majlis Resepsi Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18 telah diadakan oleh Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Canberra, Australia.

Majlis tersebut telah diadakan pada 14 Mac bertempat di Bangunan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam, Canberra.

Tuan Yang Terutama Kol. (B) Dato Paduka Jocklin bin Kongpaw bergambar ramai bersama ketua-ketua perwakilan asing yang hadir di majlis tersebut (gambar atas).



Bahrain

BAHRAIN. - Majlis Resepsi Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 telah diadakan oleh Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Bahrain. Majlis berlangsung pada 11 Mac lalu bertempat di Hotel Regency Inter-Continental dan tetamu kehormat ialah Tuan Yang Terutama Nabil Al-Hamer, Menteri Penerangan Bahrain.

Tuan Yang Terutama Nabil Al-Hamer, Menteri Penerangan Bahrain dan Haji Mulok bin Haji Jumat, Kuasasah Sementara, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam ketika memotong kek sempena Hari Kebangsaan (gambar kiri).



SENJA di luar rumah Fakhruil begitu damai. Tenang. Fakhruil berdiri di ambang pintu. Panorama itu tidak memukanya, hatinya berkecamuk. Geram. Dia mengalihkan anak mata ke bibir langit. Suria sudah berse-dia untuk terbenam.

"Bila budak tu nak datang?" Fakhruil begitu geram. Dia sebenarnya membuat-buat alasan, mahu lari.

"Kamu ni Rul, mak tengok baru saja kamu berdiri dekat pintu tu. Tak sampai pun lima minit. Ah! Sudah! Tak usah merajuk lagi," bentak Hajah Nora. Akur dengan kerenah

anak manjanya itu. Walaupun sudah dewasa tetapi masih lagi bersikap keb-dak-kebudakan.

Fakhruil tidak menjawab, tidak acuh untuk menyemai kata-kata. Bibirnya hanya dimuncungkan. Masam mencuka. Matanya menjeling tajam. Dia merengus-rengus sendirian, menyesali kehen-dak ibunya.

Januari. Tiga hari lepas, Haji Hamzah, saudara mereka, ada bertandang ke rumah. Dia meminta tolong agar Nurul dapat menumpang sementara di rumah itu. Agar anaknya mendapat jagaan dan pengawasan keluarga Hajah Nora. Fakhruil disuruh berpindah ke bilik lain sebab itulah biliknya diberi kepada Nurul.

"Apa ni? Fakhruil tak setuju dipindahkan ke bilik ni. Sudahlah kecil, tiada penghawa dingin lagi," rungutnya.

Ibunya menggeleng kepala, runsing. "Dia tu tetamu kita. Biar dia meminjam bilikmu. Bukan lama, cuma setahun."

Fakhruil tunduk, terkapar lesu.

"Assalamualaikum!"

Jelas satu suara parau bergaung masuk menujuh telinga Fakhruil.

"Eh!, Pakcik... Walai-kumsalam!" Fakhruil tersentak. Fikirnya kaki itu milik Nurul. "Kenapa ni? Nampaknya dari tadi pak-cik perhatikan mulut Fakhruil mengetam-ngetam," Haji Hamzah bertanya, benaknya berce-laru dengan keanehan wajah pemuda itu.

Fakhruil tersipu-sipu malu. Rasa geramnya beransur lenyap. Dia tersenyum manis.

Melihat tingkah anaknya, Hajah Nora melemparkan senyum kambing.

Kepalanya kemudian terjengul keluar, "Mana Nurul?"

Dari pintu kereta Nissan Sunny muncul sepasang kaki. Fakhruil cuba mencuri-curi pandang. Di bawah sinar senja yang kemerah-merahan, berdiri seorang gadis langsing. Mukanya putih jernih. Bibirnya merah. Anak matanya bersinar.

Fakhruil terdiam. Kagum dengan keayuan Nurul. Sebelum ini dia belum pernah terpancang wanita yang secantik Nurul. Jantungnya berdegup kencang.

CERPEN

OLEH HUSSEIN TAHA

SENJA

Tiba-tiba kedengaran satu suara orang berdehem. Haji Hamzah berpura-pura menggosok lehernya yang berkedut. Fakhruil terpe-rangkap. Fakhruil merasakan darah panas mengalir pantas ke wajahnya.

"Bukan main lagi la-munannya orang muda ni," Haji Hamzah mengusik. Geli hatinya bercampur pilu, teringat dia pada dirinya sendiri sewaktu mula-mula bertemu dengan Allahyarham ibu Nurul.

Ingin rasanya Fakhruil menjadi halimunan ketika itu. Ya Allah! Malu! Malu! Malu! Rintih hati Fakhruil.

"Dah besar panjang pun

"NURUL dengar khabar, ada orang yang tak sudi Nurul tinggal dalam bilik ni," kata Nurul sayup-sayup kedengaran. Jiwanya berkocak apabila Hajah Nora memberitahunya tentang perilaku Fakhruil secara bergurau. Walaupun Nurul sudah membantah mengenai bilik itu, Hajah Nora tetap berkeras dengan cadangannya.

Nurul ni, sudah lebih lima tahun makcik tak jumpa." Hajah Nora terpegun. Tidak disangkanya Nurul sudah dewasa. Masa berlalu begitu pantas.

"Apa boleh buat makcik kalau dah dulu kerajaan hantar abah bekerja di United Kingdom? Manalah Nurul dapat menjenguk makcik. Sekarang ni nak

tang perilaku Fakhruil secara bergurau. Walaupun Nurul sudah membantah mengenai bilik itu, Hajah Nora tetap berkeras dengan cadangannya.

"Eh! Mana ada. Siapa pulalah yang tak hendak Nurul tinggal di bilik ni? Nurulkan tetamu. Harus diberi layanan istimewa," pujuk Fakhruil. Dia menyesal. Mak ni pun satu, adakah patut diberitahunya rahsia itu.

Mata mereka bertentangan.

"Terima kasih, Fakhruil."

"Panggil abang aje!" Fakhruil tersengih-sengih.

"Adik Fakhruil, boleh? Nurulkan lebih tua dua bulan dari Fakhruil," Nurul menjeling manja.

Fakhruil membuang pandang, memalingkan mukanya. Merajuk.

"Alah! Gurau aje. Tu pun nak marah. Abang Fakhruil." Kemesraan sudah berputik.

Februari, Mac, April, Mei dan Jun.

Fakhruil dan Nurul bertambah intim bak seki-las pandang seperti pinang dibelah dua.

"Kau tak teringinkah untuk beristeri Fakhruil?" Tanya Hajah Nora. Dita-tapnya raut wajah Fakhruil. Tiada ada jawapan yang keluar.

Isteri! Berkerut sanu-bari Fakhruil.

Fakhruil ketawa kecil. Ibunya terus dipeluknya. "Mak ni macam faham-faham pula, ni yang Fakhruil sayang ni."

Hajah Nora gembira, akhirnya cair juga hati anak tunggalnya itu untuk berumah tangga, bibirnya kumat-kamit mengucap

Alhamdulillah berulang kali.

"Tahniah bang Fakhruil," suara Nurul jelas menggeleler. "Nurul dengar abang nak kahwin. Siapa wanita bertuah itu?"

"Wanita itu teman se-kerja abang. Cantik orang-nya, membuatkan abang separuh gila."

"Hmmm!"

"Sudahlah jelita, bergaya pula, lemah lembut berbudi bahasa, jujur, suka menolong..." Berkaca-kaca mata Nurul mendengarnya.

"Eh! Kenapa Nurul men-angis?" Fakhruil memerhati. Alamatnya banjiriah rumah ni, bisik hati Fakhruil. Dia puas. Rancangan-nya berjaya.

"Nurul tak nangis. Cuma turut gembira di atas perkahwinan abang."

"Nurul boleh temankan abang pergi beli cincin perkahwinan abang tak?"

"Eh! Kenapa pula Nu-rul. Girlfriend cantik, bergaya, jujur ... tu mana?" Jerkah Nurul. Ma-rahnya meletus seperti bara api.

"Dia kat luar negeri waktu ni. Jadi tak dapat-lah."

Kerana paksaan Fakhruil, Nurul mengalah. Berat sekali kakinya untuk ke kompleks membeli-belah itu. Rimas. Lebih-lebih lagi tangannya sering dipegang erat oleh Fakhruil. Belaian mesra itu hanya mengeruhkan lagi kemelut jiwa Nurul. Apabila Nurul merenggut tangannya dari genggamannya Fakhruil, jejak itu hanya tersenyum lebar. Nurul disuruh untuk memilih cincin perkahwinan. Cincin berlian pula tu, temppek hati Nurul.

PUISI

ADA SEBALIKNYA

*Di sebalik keburukan
ada kebaikan
di samping kemanisan
racun yang berbisa.*

*Ingin dipandang
tetapi sakit dirasa
setiap yang baru
akan menjadi lama
begitu juga setiap yang muda
akan menjadi tua.*

*Yang indah itu bahasa
yang elok itu bahasa
yang elok itu budi
yang baik itu amal.*

*Tingkah laku yang sopan
yang tegun itu takwa
dan iman
yang mulia
akhlak yang baik
yang jujur itu ikhlas.*

Ami. As

DI HARI TUAMU

*Ingatlah kemewahan itu
tidak akan kekal
buat selama-lamanya
cuba renunglah segenap
masa depanmu
di hari tuamu akan mendatang.*

*Ingat
kita manusia biasa
serba serbi kekurangan
apa yang ada di sekelilingmu
hanya perhiasan saja.*

*Apa yang terjadi hari ini
adalah suratan hidup
jadikanlah ia sebagai
panduan di masa hadapan.*

Ain. Ab

KEKASIHKU

*Kaulah segalanya
kaulah sumber inspirasi
kaulah pembakar semangat
kaulah pendengar setia
kaulah tempat bermanja
kaulah teman di kala duka.*

*Kerana itulah ...
aku mengekori jejakmu
dengan hatiku
mungkinkah ilusiku tersalah menafsir
mungkinkah hanya sekadar igauan.*

*Sayangku ...
kucikirlah bibirmu
dengarkanlah bisikan kasihmu
seungguhnya ...
hati ini merindumu sejak dulu
kerana itulah aku ekorimu*

*dengan jiwaku
hanya itu yang mampu.*

*Walau pada zahirnya aku jauh
namun hakikatnya ...
aku tetap di sisimu selalu
dalam susah
dalam senang
aku kan tetap bersamamu.*

Linyanty

MENITI WAKTU

*Adikku ...
hari kian berlalu
pergi enggan menunggu
meninggalkan dirimu
sepi dan ketandusan.*

*Waktu melangkah resah
memaut hati gundah
di benak ini
kehausan melonjak rakus
ganas dan gelisah
menyambut hiba.*

*Mengapa berkhayal diri
cuma menanti hari esok
menujuh diri pada sandaran
diri tinggal kecundang
diragut mimpi
dimamah harapan.*

*Adikku ...
engkau adalah utusan
pada siapa perlu sajian
mengorak hari
melangkah zaman
belum pulang.*

*Apakah impian
bakal kau sampaikan
dari tirai-tirai waktu
yang kau jadikan kebenaran.*

*Kenyataan, suatu
kemungkinan, mengusik hati
meniti waktu.*

Ali Haziq

MEMORI PEMERGIANMU

*Ketika merabu-raba dalam kegelapan
terkial-kial mencari arah
ketika gelisah dan resah menguasai
diri.*

*Kau hadir
membawa bersama semangat yang
kental
bersama salsiah yang murni
dan bersama kewibawaan yang ampuh
ibarat berlian berkilauan cahaya nan
indah
merubah suasana malap dan resah
gelisah.*

*Kilauanmu ...
memimpin aku dalam kegelapan*

*keindahanmu, mewarnai kegiranganku
kehadiranmu, membakar semangat
juangku.*

*Kini kau pergi
pergi bersama kilauan dan pimpinan
hilang bersama keindahan dan
kegirangan
pergi bersama semangat yang kental.*

*Pergimu ...
sukar dilepaskan
hilangmu ...
payah dicari ganti
meraung jeritan halus, tertanya-tanya
di mana kucari ganti?
tercari-cari pimpinan dan
bimbinganmu.*

*Namun,aku pasrah kudrat Ilahi
reda kehendak suratan azali
kurelakan kau pergi
hanya kenangan, abadi dalam lipatan
memori
pimpinanmu, jadikan ikutan
bimbinganmu, kujadikan pegangan
perjuanganmu akan kuteruskan
hingga
titisan darah yang terakhir.*

*Di keheningan malam sunyi ini,
ketika sayu menyelubungi diri
di saat hati nurani dilanda resah
ke hadirat azzawajjala aku berserah.*

*Di hadapan Yang Maha Kuasa aku
memohon
semoga ia bahagia dan sejahtera.*

Shahri HH

AKU MISKIN

*Tidak punya apa-apa melarat papa
apa lagi harta benda tiada
hidupku sempit rasa terhempit
seakan tidak bermaya merempuhi
cabaran dan rintangan duniawi
kutabahkan hati lalu bertawakal.*

*Namun aku masih punya kesabaran
mensyukuri rahmat Ilahi
menghadapi haknya dengan hati suci
harga diri akhlak moral perasaan
ketenangan dan ketenteramaan
sentiasa mendampingi
berfikir panjang sesuatu ke hadapan.*

*Hampir setiap hari doa kupohonkan
rahmat Allah Subhanahu Wataala
bekal*

*akhirat nanti
kubersujud menghadap Baitullah
meluahkan hikmah Bismillah
berbekalkan Surah Al-Faatihah
niat suci hatiku kerana Allah
namun sekeping hati miskin kuat.*

Bung HB

Dari muka 12

"Nurul! Nurul! Kena-
palah kau tak faham-faham
langsung." Fakhru mel-
mandang Nurul dari jauh.

Fakhru duduk melunjur
di halaman rumahnya.
Angin sepoi-sepoi mener-
jah lembut di dadanya.
Tanah hitam kekuningan
itu dikais-kaisnya dengan
sebatang ranting kayu.
Sekali-sekala rumput-rum-
put hijau itu disentakny-
a hingga nampak umbinya.
Deringan telefon tidak dihi-
raukannya.

"Nurul ada panggilan
untukmu," pekik Hajah
Nora, "Lelaki!"

"Lelaki? Ini tak boleh
jadi ni!" Timbul rasa gusar
Fakhru. Dia bangkit menu-
ju ke pintu.

Fakhru cuba mencuri-
curi dengar perbualan Nu-
rul. Nurul asyik bergayut di
gagang telefon itu. Suar-
nya dan perkataan yang
terkeluar dari bibirnya di-
sertakan dengan senyuman.

"Abang Sham ..." Nurul
memanggil dengan mesra.

Fakhru naik berang
mendengar panggilan
'abang' itu. Baginya, pang-
gilan itu hanya sesuai
untuknya.

"Nurul rindu abang ...
sayang ..." Nurul menyam-
bung perbualannya.

Apa? Rindu? Sayang?
Kemarahan sudah tidak da-
pat dibendung. Dia lantas
menerpa ke arah Nurul.
Gagang telefon itu lekas di-
rampasnya dan dihen-
taknya.

"Kenapa Fakhru ni?"

Fakhru? Ke mana pula
hilangnya panggilan Abang
Fakhru? tanya Fakhru
dalam hatinya. Ini tak
boleh jadi ni!

Amboi! Bukan main
mesra lagi berbual tu!
Siapa budak Sham tu?"
Meluat Fakhru menyebut
nama itu.

"Oh Hisham, Kenapa?
Fakhru cemburu?"

"Cemburu?" Sorrylah
kalau pasal cemburu-cem-
buru ni, jauh panggang dari
api." Fakhru berpura-pura.

**FAKHRUL turut ketawa.
Tidak disangka ibunya telah
membocorkan rahsianya.
Fakhru bulat-bulat percaya
lelaki yang bernama Hisham
itu adalah kekasih Nurul.
Rupa-rupanya semua itu tipu
muslihat Nurul untuk
menduganya kembali.**

Nurul hanya tersenyum
sambil melangkah pergi.

"Mama ... tengoklah
Nurul tu. Ada lelaki lain.
Sanggup dia buat Fakhru
begini. Fakhru bakal
suaminya.

"Itulah kau Fakhru.
Ibu sudah bilang, beritahu
Nurul yang dia tu bakal
isteri kau. Ini tidak. Kau
permainkan pula dia. Hah!
Lihatlah, dia sudah cari
penggantinya. Melepaslah
kau," bentak Hajah Nora.

Fakhru tiak menyang-
ka itu boleh terjadi. Per-
kara itu tidak berhenti di
situ. Dua hari kemudian,
di pusat membeli-belah,
Fakhru melihat Nurul
bersama seorang pemuda
kakak. Kedua-duanya be-
gitu mesra. Sering ber-
kepit-kepit, tidak mahu
berenggang.

"Siapa pemuda ni,
Nurul?" tanya Fakhru.
Jari telunjuknya dihalakan
ke arah pemuda berse-
belahan Nurul. Menyam-
pah bukan kepalang.
Nurul adalah miliknya.
Dia tidak mahu orang lain
merampas hak miliknya.

"Apa ni bang?
Malulah! Orang ramai ten-
gok ni." Nurul cuba mene-
nangkan Fakhru yang
sudah mulai cemburu tak
keruan.

"Siapa dia ni?" Tempik
Fakhru.

"Teman lelaki Nurul,"
jawab Nurul selamba.

Fakhru ketawa sen-
dirian apabila terkenang
kembali peristiwa yang
menggelikan hatinya itu.
Walaupun sudah tiga
bulan: September, Ok-
tober dan November ke-
suaian itu berlalu tetapi
memori itu masih juga
membuatnya tertawa sen-
dirian semalaman. Semua
itu salahnya. Kedengaran
pintu bilik diketuk. Jan-
tung Fakhru berdenyut
pantas.

Dub, dap, dub, dap,
dub, dap, dub, dap, dup,
dap ...

"Assalamualaikum,"
jelas satu suara merdu
memberinya salam.

"Waalaikumussalam,"
sahut Fakhru sambil ter-
senyum malu memandang
isterinya.

"Itulah abang, pandai-
pandai nak permainkan
orang akhirnya diri sendiri
yang dipermainkan," is-
terinya tertawa kecil sam-
bil melabuhkan pung-
gungnya ke tepi katil.

Fakhru turut ketawa.
Tidak disangka ibunya te-
lah membocorkan rahsia-
nya. Fakhru bulat-bulat
percaya lelaki yang berna-
ma Hisham itu adalah ke-
kasih Nurul. Rupa-rupa-
nya semua itu tipu musli-
hat Nurul untuk men-
duganya kembali.

"Kau ni nakallah,"
kata Fakhru manja.

DIHANTAR DALAM BENTUK DISKET

Sukacita dimaklumkan, penulis-penulis
cerpen yang menghantar karya
mereka untuk dimuatkan dalam
PELITA BRUNEI supaya dapat meng-
hantar ke Unit Produksi PELITA
BRUNEI dalam bentuk disket.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيلييشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menukar mana-mana
jua rancangan

R A B U 22 MEI	PAGI		PETANG	6.45	DIKIR MAULUD		'Pintu'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU				9.25	SEMINAR EKSPLO ISLAM
		KEBANGSAAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN			ANTARABANGSA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.02	MUTIARA FIRMAN		10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	7.00	10.30	DRAMA STV 12 - 'Phua Chu Kang'
	9.00	BERITA	4.15	JIM BUTTON	7.25	10.55	LET'S PLAY WITH NATIONAL COACH MIKE LYONS
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	5.00	JUARA - Siaran Langsung	7.42	11.15	SCIENCE IN SIGHT
	10.00	SIARAN TAMAT	5.35	MOVIES, GAMES AND VIDEOS	8.00	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
			5.45	BERITA	8.50		
			6.28	AZAN MAGHRIB			
K H A M I S 23 MEI	PAGI		10.00	SIARAN TAMAT			
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU				7.42	AZAN ISYAK
		KEBANGSAAN			5.15		BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.45	8.00	AN NUUR - Siaran Langsung
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.27	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	10.30	DRAMA: NUR'AIN
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN		11.00	WAYANG PILIHAN - 'Young Guns II'
			4.15	ANIMATION HOUR: 'Little Mouse On The Prairie'	7.00	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
					7.25		
J U M A A T 24 MEI	PAGI		11.15	TAMAN SARI	2.30		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.30	BERITA	3.00	DINAMIK - Siaran Langsung	MALAM
		KEBANGSAAN	11.40	JEJAK RASUL SIRI 6 - Ulangan		7.00	LIPUTAN SEMASA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.15	DISCOVER ISLAM	3.42	7.20	DEKOR
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.30	SEMBAHYANG FARDU	3.48	7.42	AZAN ISYAK
	9.00	BERITA		JUMAAT- Siaran Langsung		8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG		5.45	9.00	MAJLIS PENUTUP DIKIR MAULUD - Siaran Langsung
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.30	VISI SUCI	6.00	10.00	NEWS AT 10
	10.15	SESAME STREET	2.00	SUKAN ANTARABANGSA - Memori Piala Dunia 1998	6.28	10.40	KHUTBAH JUMAAT
					6.45	10.55	TELEDrama - 'Minggu Yang Hilang'
						12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT
S A B T U 25 MEI	PAGI		11.15	SUSUNAN RANCANGAN	5.00		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.30	BERITA		7.25	KLINIK KITA
		KEBANGSAAN	11.40	DRAMA KHAS - 'Pundul'		7.43	AZAN ISYAK
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.18	AZAN ZUHUR	5.45	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	PETANG		5.55	8.50	BERSAMA MUFTI
	7.30	SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM - Siaran Langsung	1.25	TAYANGAN GAMBAR MELAYU	6.28	9.35	TAYANGAN GAMBAR - 'Blind Sided'
			2.50	NASYID	6.45	10.00	NEWS AT 10
			3.42	AZAN ASAR		10.30	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan
			4.15	ABOVE AND BEYOND	MALAM	12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT
					7.00		
A H A D 26 MEI	PAGI		11.40	SUNDAY MATINEE - 'The Gate'	4.15		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	12.18	AZAN ZUHUR		7.43	AZAN ISYAK
		KEBANGSAAN	12.25	SUNDAY MATINEE - Sambungan	5.00	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.35	8.50	TIRAI KELUARGA - 'Redha'
	6.10	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	1.25	ON THE BALL	5.45	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	1.55	ROSEWELL	6.00	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	2.50	PERTUKARAN RANCANGAN	6.28	11.00	SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM DAERAH- DAERAH - 'Brunei Muara'
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	3.42	AZAN ASAR	6.45	12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT
	10.10	SESAME STREET					
	11.15	KLIK! KLIK! KLIK!					
	11.30	BERITA					
I S N I N 27 MEI	PAGI		PETANG	5.55	CUTTING EDGE		Mutiara
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.29		KU CARI BINTANG
		KEBANGSAAN	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	9.25	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.12	SUSUNAN RANCANGAN		10.00	BIZARRE
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.15	ANIMATION HOUR: 'Hulk Hogan's Rock 'N' Wrestling/Restrol The Special Rescue Squad	MALAM	11.00	SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM DAERAH- DAERAH - 'Tutong'
	9.00	BERITA	5.15	SUKAN GLOBAL	7.00	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	5.45	BERITA	7.25		
	10.00	SIARAN TAMAT			7.41		
					8.00		
					8.50		
S E L A S A 28 MEI	PAGI		PETANG	6.29	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.45	10.30	LET'S PLAY FOOTBALL WITH NATIONAL COACH - MIKE LYONS
		KEBANGSAAN	4.02	MUTIARA FIRMAN		11.00	SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM DAERAH- DAERAH - 'Belait'
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	7.00	11.30	LIGA MALAYSIA PERDANA DUA - 'Brunei Darussalam Iwn Polis Diraja Malaysia'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.15	ANIMATION HOUR - Dragon Tales	7.25	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
	9.00	BERITA	4.35	FILLER			
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.50	NATURAL HISTORY - 'Amazing Earth'	7.44		
	10.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	8.00		
			6.05	DRAMA CO PRODUCTION: 'Manis Berpesan' - Ulangan	8.50		
					9.25		

PERADUAN MELUKIS POSTER ANTIDADAH SEMPENA HARI ANTARABANGSA MENENTANG PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH HARAM 2002

DALAM usahanya untuk menbanteras penyalahgunaan dadah di negara ini, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri sedang menganjurkan Peraduan Melukis Poster Antidadah. Peraduan ini dianjurkan bersempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram bagi tahun 2002.

Peraduan ini diberikan tema : **KELUARGA BERGERAK KE ARAH KEHIDUPAN HARMONI.**

Penyertaan adalah dibukakan kepada murid-murid sekolah rendah hingga penuntut-penuntut sekolah menengah, maktab-maktab dan institut pengajian tinggi serta orang ramai yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap negara ini.

Peraduan ini adalah dibahagikan kepada empat kategori :

1) Murid-murid sekolah rendah,

2) Penuntut-penuntut sekolah menengah rendah,

3) Penuntut-penuntut sekolah menengah atas/maktab-maktab/institusi pengajian tinggi dan

4) Orang ramai (dewasa).

Hadiah-hadiah akan diberikan kepada enam buah penyertaan poster terbaik bagi setiap kategori. Hadiah-hadiah adalah hadiah pertama, hadiah kedua, hadiah ketiga dan tiga hadiah sugu hati.

Semua penyertaan poster hendaklah berpandukan kepada tema yang diberikan.

Peraduan ini adalah sedang dibukakan sehingga penutupnya pada **11 Jun 2002.**

Keterangan lanjut seperti borang dan syarat-syarat penyertaan boleh didapati dari :

Pondok Kawalan,
Ibu Pejabat, Biro Kawalan Narkotik,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Tungku, Gadong,
Daerah Brunei dan Muara.

Pondok Kawalan,
Biro Kawalan Narkotik,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Maulana, Kuala Belait,
Daerah Belait.

Jabatan Penerangan,
Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan,
Daerah Temburong.

Jabatan Penerangan,
Daerah Tutong.

Oleh
Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pusat Pembangunan Kanak-Kanak khusus bagi kanak-kanak kurang upaya yang terletak di Kampong Kiarong baru-baru ini telah menerima sumbangan daripada Kumpulan Bank Baiduri.

Sumbangan tersebut hasil Kejohanan Golf Amal Kumpulan Bank Baiduri pada 8 Mei lalu yang telah diserahkan oleh Pengurus Besar Bank Baiduri, Luc Rousselet.

Antara bentuk sumbangan termasuklah alat bantu bagi kanak-kanak di pusat berkenaan seperti kerusi roda, alat-alat pendidikan, permainan dan buku-buku rujukan serta peralatan pejabat pusat tersebut.

Kejohanan amal itu telah berlangsung sejak tahun 1997 dan sering menyumbang kepada pusat tersebut setiap tahun. Pada tahun ini ianya telah berlangsung pada 18 dan 19 Mei lalu di Kelab Golf Mentiri.

Antara yang hadir menyaksikan penyampaian tersebut ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan.

PENGURUS Besar Bank Baiduri, Luc Rousselet menyampaikan sumbangan Kumpulan Bank Baiduri iaitu kerusi roda dan lain-lain peralatan permainan kepada Pusat Pembangunan Kanak-Kanak Kampong Kiarong. - Gambar oleh Masri Osman.

Bank tempatan sumbang peralatan permainan



PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah berangkat melawat Pejabat Peguam Negara dan Mahkamah Besar. Di manakah letaknya Pejabat Peguam Negara dan Mahkamah Besar itu?

- Batu Satu Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan.
- Jalan Tutong, Daerah Tutong.
- Jalan Tutong, Batu Satu, Daerah Brunei dan Muara.

2. Pasukan manakah yang menjuarai Kejohanan Bola Jaring Wanita merebut Piala Kurnia Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam?

- Pasukan BAKANITA
- Pasukan PEKERTI
- Kelab IWC

3. Apakah tajuk cerpen PELITA BRUNEI keluaran 27 Mac 2002?

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
Jawapan Alai Pintar keluaran 1 Mei 2002.
1. B 2. C 3. Peritnya perhubungan dahulu.

PEMENANG RUANGAN ALAI PINTAR KELUARAN 1 Mei 2002.

NORNASYIRAH BINTI NORDIN,
NO. 75 E, KAMPONG BOLKIAH 'A',
JETI 5, BANDAR SERI BEGAWAN.
UMUR : 10 TAHUN
SEKOLAH RENDAH SOAS MUARA

MOHD. LUKMAN HAKIM BIN DAUD,
NO. 1, KAMPONG SUNGAI LAMPAI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
UMUR : 9 TAHUN
SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM

DK. SITI ALIZAH BINTI PG. HAJI JENUUDIN
NO. 8, SIMPANG 501,
KAMPONG PELAMBAIAN,
JALAN KOTA BATU.
UMUR : 11 TAHUN
SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 530

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 530,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

**ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN**

Mesyuarat pertama sambutan Hari Kebangsaan Ke-19

Oleh Bolhassan HAB

JALAN KEBANGSAAN, 4 Mei. - Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19 Tahun 2003 berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain telah mempengerusi mesyuarat yang antara lain membincangkan mengenai tema dan format sambutan itu nanti.

Selain itu mesyuarat berkenaan juga membincangkan laporan Post-Mortem Jawatankuasa Kerja Sambutan Ulang

Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 Tahun 2002.


Menyentuh mengenai tema, Yang Berhormat menegaskan bahawa ia hendaklah bersesuaian dengan keadaan di samping menepati visi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Antara tema yang dicadangkan untuk sambutan Hari Kebangsaan Ke-19 ialah Bangsa Bermaklumat Negara Berdaulat, Kesederhanaan Asas Kesempurnaan dan Bangsa Berilmu Brunei Maju.

Hadir di mesyuarat tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Dipertua Adat Istiadat Negara serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika mempengerusi Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19 Tahun 2003 (atas dan bawah). - Gambar oleh Halim HS.



Latihan ketenteraan Brunei - Amerika Syarikat

Oleh Bolhassan HAB

TEMBURONG, 12 Mei. - Latihan ketenteraan di antara Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei dan Marine Corps Amerika Syarikat yang diberi nama Green Canopy Exercise 2002 berakhir dengan serangan batalion ke atas satu kedudukan musuh.

Latihan yang bermula pada 5 Mei lalu berlangsung di hutan Daerah Temburong yang melibatkan anggota dari Batalion

Batalion, Third Marine Division, United States Marine Corps.

Green Canopy Exercise 2002 adalah sebahagian dari CARAT (Cooperation Afloat Readiness and Training) yang bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan ketenteraan di antara kedua belah pihak.

Hadir menyaksikan serangan akhir itu ialah Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Kolonel Haji Awang Halbi dan para pegawai kanan dari Kementerian

MUSHAF - TASBIH - TONGKAT

KOLEKSI SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH



HARGA

Buku Berkotak
B\$50.00 senaskhah

Buku Tanpa Kotak
B\$45.00 senaskhah

Buku Mushaf, Tasbih dan Tongkat Koleksi Sultan Haji Hassanalkhalid Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ini boleh didapati di:-

Bahagian Maklumat,
Kompleks Bangunan Yayasan Sultan
Haji Hassanalkhalid Bolkiah,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji
Hassanalkhalid Bolkiah,
Jalan Kumbang Pasang,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

dan

Ejen-ejen penjual buku:

Paul & Elizabeth
Booker International
Bismi Trading
Pustaka Remaja

Buku Syair Payung Mahkota menambah khazanah sastera

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Mei - Penerbitan buku Syair Payung Mahkota Pancir Satria antara lain dihasilkan untuk menambahkan lagi khazanah sastera, bahan bacaan dan kajian sastera

Oleh
Samle Haji Jait

tanah air.

Buku hasil tulisan Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Dato Paduka Haji Mohamad (PSB) itu

merupakan sebuah syair yang menterjemahkan sejarah pembangunan Negara Brunei Darussalam di zaman pemerintahan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin dan Sultan Haji Hassanalkhalid Bolkiah Mu'izzaddin Wad-

daulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, sejumlah 80 buah naskhah lagi telah diserahkan kepada Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang dihasilkan sebagai bahan rujukan sastera, di samping untuk menjadi bahan perbincangan sastera di universiti berkenaan.

Naib Canselor UBD, Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Haji Mahmud Saedon menerima sumbangan buku berkenaan di Majlis Penyerahan, berlangsung di UBD.

Penerbitan sastera itu diungkayahkan bersama oleh Jawatankuasa Majlis Perundangan Mukim Kianggeh bersempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Bolkiah





**JABATAN
KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran : JKP/19/2002

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas III, IV, V dan VI sahaja kategori 1 bagi :

PROJEK : PROPOSED REPAIR OF EXISTING COLLAPSED CONCRETE DRAIN AT ROAD 3 RIMBA HOUSING SCHEME, GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Projek No : JKP/19/2002.

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 2.30 petang hari Khamis 30 Mei 2002.

Tawaran buka : 22 Mei 2002 (Rabu). Tarikh tutup: **Hari Isnin, 3 Jun 2002** tidak lewat jam 2.00 petang. Tempat tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, BS 8710, Negara Brunei Darussalam. Yuran Tawaran: \$25.00 (tidak dikembalikan) Yuran Dokumen (Dokumen Tawaran dan Lukisan) : \$25.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran : UBD/E8/09/2002 dan UBD/E8/10/2002

Bilangan Tawaran	Keterangan	Bayaran Tawaran
UBD/E8/09/2002	MEMBEKAL, MENGHANTAR & MEMASANG TESTING EQUIPMENT FOR TENSION AND COMPRESSION	Bayaran dokumen dan Pentadbiran \$50.00 (tidak dikembalikan)
UBD/E8/10/2002	MEMBEKAL, MENGHANTAR & MEMASANG STAGE MICROSCOPE & ZOOM DISSECTING MICROSCOPE	Bayaran dokumen dan Pentadbiran \$50.00 (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada **hari Isnin 27 Mei 2002**.

Bilangan Tawaran : UBD/E8/11/2002

Bilangan Tawaran	Keterangan	Bayaran Tawaran
UBD/E8/11/2002	SUPPLY, DELIVERY & INSTALLATION OF DIGITALLY NETWORKED LANGUAGE LABORATORY	Bayaran dokumen dan Pentadbiran \$50.00 (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada **hari Isnin 3 Jun 2002**.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk dan Bilangan Projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam.
5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
8. Tawaran akan dikira sah laku tempoh 90 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.
9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dari garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan : LTN/4 (39/1997).
10. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
7. Bayaran dokumen dan pentadbiran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai. Waktu menerima bayaran tawaran adalah seperti berikut : Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.00 pagi dan 1.30 petang - 2.30 petang. Hari Sabtu : 8.00 pagi - 10.00 pagi.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

ISTERI MENUNTUT CERAI FASAKH

KEPADA : AWANG SAFAR @ MOHD. JAFAR BIN HAJI TIMBANG K.P NO : 101405 (Merah) penduduk tetap Negara Brunei Darussalam beralamat No : 1B Kampong Tamoi Ujong, Bandar Seri Begawan.

Adalah isteri kamu DAYANG HAJAH ZAITON BINTI ABDULLAH @ ASIAH K.P NO : 005162 (K) ada menuntut dalam Mahkamah ini mengenai perkara di atas. Maka kamu adalah dikehendaki hadir ke hadapan Mahkamah ini atau dengan peguam yang mewakili kamu (Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara Kementerian Hal EHWal Ugama, Negara Brunei Darussalam) pada **hari Rabu 29 Mei 2002 jam 9.00 pagi** untuk menjawab segala tuntutan ke atas kamu dan apa jua surat keterangan pada hari itu dan hendaklah kamu mengambil tahu bahawa sekiranya kamu ingkar menghadapi Mahkamah pada hari itu maka tuntutan ini akan dibicarakan dan diputuskan semasa ketiadaan kamu.



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran : BBSB/LTN/09/2002

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis bilangan tawaran serta tarikh tutup tawaran itu tanpa menunjukkan identiti pengirim. Dengan menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terdapat di Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710 dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
3. Nama Tawaran : PENYEWAAN BILIK SEJUK BERTEMPAT DI PASAR GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN.
4. Bilangan Tawaran : BBSB/LTN/09/2002. Tarikh tutup Tawaran : **Hari Isnin, 3 Jun 2002** jam 2.00 petang. Bayaran memasuki tawaran ialah sebanyak \$100.00 dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran hendaklah dibayar di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Bahagian Kewangan, Jabatan Bandaran, Tingkat 5, Bangunan Komersil dan Perdagangan Bumiputera, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Syarat-syarat tawaran adalah seperti berikut :
 - a) Pemborong-pemborong yang berjaya dikehendaki mengubahsuai dan membaiki kerosakan-kerosakan Bilik Sejuk yang dicadangkan iaitu di Pasar Gadong dengan perbelanjaan sendiri.
 - b) Pemborong mestilah mempunyai Kilang Ais.
 - c) Pemborong yang berjaya adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjelaskan segala tuntutan (bil) api elektrik yang digunakan.
 - d) Pemborong-pemborong mestilah menyatakan kadar sewa bulanan kerana menggunakan Bilik Sejuk berkenaan.
 - e) Pemborong-pemborong yang berminat bolehlah melihat ke dalam Bilik Sejuk berkenaan.
 - f) Pemborong yang berjaya akan mentadbir dan mengurus Bilik Sejuk bagi tempoh tiga (3) tahun mulai tarikh perjanjian ditandatangani.
6. Spesifikasi dan dokumen tawaran bolehlah didapati dari Bahagian Projek Tingkat 5, Bangunan Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputera, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan semasa waktu pejabat dibuka.
7. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran yang disebutkan tidak akan dilayan.
8. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.
9. **Perhatian :** Pemborong-pemborong yang menghantar tawaran hendaklah menyertakan bersama Salinan Sijil Perniagaan (Business Names Of Enactment Section 16 & 17) atau List Of Directors.



**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : JTB/NE/NNF/03/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF FIXED LINE PREPAID SYSTEM ON A FULL TURNKEY BASIS".
2. Tiga salinan dari tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan TAWARAN BAGI "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION AND COMMISSIONING OF FIXED LINE PREPAID SYSTEM ON A FULL TURNKEY BASIS" - (BILANGAN TAWARAN : JTB/NE/NNF/03/2002) tanpa menunjukkan identiti pembekal / pemborong dan ditujukan kepada: Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada **hari Isnin, 17 Jun, 2002**.
3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pendaftaran Kontraktor dan Pengeluaran Tawaran, Tingkat Dua (2), Bangunan Ibu Pejabat Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam BB 3510 dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah B\$200.00 (tidak dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
6. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang Tunai atau dengan Cek Tempatan berserta dengan Bank Guarantee.



DI DALAM MAHKAMAH MAJISTRET BANDAR SERI BEGAWAN

SAMAN BIL : 58/2002
DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ...
Plaintif

DAN

PG KAMARUDDIN BIN PG HJ SAMLI ... Defendan

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : Pg. Kamaruddin bin Pg. Hj. Samli, alamatnya yang terakhir diketahui ialah di No. 5, Simpang 78, Kampong Anggerek Desa, Jalan Berakas BB 3713, Negara Brunei Darussalam.

Sila ambil perhatian bahawa satu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang disebutkan di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran sewa bandaran seperti berikut: 1). sebanyak \$22,631.21 2). Faedah pada kadar 6 peratus setahun mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh; 3). Kos dan 4). Sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

Dan bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian sama dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan melalui pemberitahuan ini di PELITA

BRUNEI dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan, pada 11 Jun 2002 jam 9.00 pagi pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Bertarikh pada 29 April 2002.

Muhammed Faisal PDJLD DSP Hj Kefli - Majistret

SAMAN BIL : 625/1998
DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ...
Plaintif

DAN

1. LEE KHENG HUA Defendan Pertama

2. HAN JEE KWONG (Berniaga di bawah nama dan gelaran EVERLEE & Company)... Defendan Kedua

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

KEPADA : Defendan Kedua Han Jee Kwong alamat diketahui ialah di No. 8, Simpang 232, Kampong Sungai Akar, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam.

Sila ambil perhatian bahawa satu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang disebutkan di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Plaintiff, di mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan

No. 78/2002

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Abd. Aziz bin Haji Badar** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Haji Badar bin Rabaha** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 21 Mei 2002 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 6 Mei 2002.

No. 79/2002

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Haji Abd. Halim bin Abdullah** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Hajah Normah binti Haji Jumat** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 21 Mei 2002 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 6 Mei 2002.

No. 80/2002

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Muhammad bin Jaafar** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Abd. Aziz bin Muhammad** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah bapa kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 21 Mei 2002 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 6 Mei 2002.

No. 130/2001

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Dayang Norsiah binti Haji Awang Layeh** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Haji Awang Layeh bin Ludin** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 21 Mei 2002 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 6 Mei 2002.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan percakapan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesialah yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 20 April 2002.

LIM SIEW YEN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
KEBANKRAPAN NO. 192/2000

THE HONGKONG & SHANGHAI BANKING CORP. LTDPemiutang
Penghakiman/ Pemetisyan

LAWAN

LIWAT TERADI (RBAF NO. 002603).....Penghutang/Penentang
NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 1 Februari 2001.

Nama dan alamat terakhir diketahui : Liwat Teradi No. 16, Simpang 550, Jalan Berakas Km 13, Kampong Lambak Kanan BB 1214, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Pemetisyan : 19 Disember 2000.

b) Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 30 April 2002.

FATHAN HAJI ANUAR - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

dengan bayaran sewa gudang yang belum dijelaskan seperti berikut: 1). sebanyak \$9,900.00 2). Faedah pada kadar 6 peratus setahun mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh; 3). Kos dan 4). Sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

Dan bahawa telah diperintahkan supaya penyampaian sama dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan melalui pemberitahuan ini di PELITA BRUNEI dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan, pada 28 Mei 2002 jam 9.00 pagi yang pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah tersebut akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Bertarikh pada 29 April 2002.

Muhammed Faisal PDJLD DSP Hj Kefli - Majistret

Notis Pemberitahuan Menurut Perintah Penyampaian Ganti ini dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff yang tersebut di atas, alamat penyampaiannya di Jabatan Peguam Negara, Bangunan Jabatan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan BA 1910, Negara Brunei Darussalam.



DI DALAM MAHKAMAH BESAR BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 192/2000

THE HONGKONG & SHANGHAI BANKING CORP. LTDPemiutang
Penghakiman/ Pemetisyan

LAWAN

LIWAT TERADI (RBAF NO. 002603)Penghutang
Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 1 Februari 2001.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-Pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada 21 Mei 2002 jam 9.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 21 Mei 2002 jam 9.00 pagi.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyuar penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang mengenai dengan hal-halinya dan juga sebagai keagalannya. Bertarikh 20 April 2002.

FATHAN HAJI ANUAR - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi



JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

NO. PROJEK : JTB/SO/PP/POW/01/2002

PERUNTUKAN : SN7-03-006-001 KERJA-KERJA PEMBEKALAN MEMASANG KABEL DAN JUGA ALAT-ALAT TENAGA ELEKTRIK BAGI TELEFON AWAM.

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan yang didaftarkan dengan Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi JTB/SO/PP/POW/01/2002 TENDER FOR TURNKEY PROJECT TO SUPPLY, INSTALLATION AND COMMISSIONING POWER SUPPLY TO PUBLIC PHONE BOOTH FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI.
3. Tawaran-tawaran mestilah dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertanda tanpa menunjukkan nama pemborong dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin, 10 Jun 2002, jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran yang terperinci bolehlah didapati dari Unit Pendaftaran Pemborong, Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 2, Bahagian Unit Pentadbiran Sumber Tenaga, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB 3510, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$100.00/dokumen tawaran (tidak dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang temurah atau terendah.
6. Hanya pembekal-pembekal yang berkelakuan yang mempunyai lesen yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik sahaja yang dibenarkan dan hendaklah menunjukkan salinan pendaftaran mereka yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Darat, Negara Brunei Darussalam.
7. Sehubungan dengan tawaran tersebut satu taklimat/perjumpaan bagi menerangkan dengan tawaran ini akan diadakan pada 29 Mei 2002 jam 9.00 pagi hari Rabu, bertempat di Sukma Indera (Kecil) Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas. Kehadiran penender-pender adalah diwajibkan dan adalah satu syarat yang mesti dipenuhi.
8. Sekiranya pembekal-pembekal gagal menyelesaikan projek yang berkenaan pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda 0.1 peratus daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan setiap hari bagi kesemuanya tidak melebihi 10 peratus.
9. Kerja-kerja yang dimaksudkan hendaklah siap dilaksanakan dalam tempoh 8 minggu dari tarikh ia ditawarkan dan tawaran yang ditawarkan hendaklah sah untuk 3 bulan.



DI DALAM MAHKAMAH TINGGI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 57/2001

HSBC FINANCE (BRUNEI) BERHADPemiutang/ Pemetisyan
LAWAN

ZABDAIDAH BINTI YAKUB (K.P. BRUNEI NO. 046257 - KUNING).....Penghutang/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 4 April 2002.

Nama dan alamat : Zabaidah binti Yakub, No. 7, Simpang 188-20, Kampong Perlipdahan Mentiri BU 2129, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Pemetisyan : 19 April 2002.

b) Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima



**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 10/1999

MORTGAGE & FINANCE BERHADPemiutang/Pemetyisyen
LAWAN
KONG WAI YEE (K.P. BRUNEI NO. 820331 - HIJAU).....Peng-
hutang/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

- Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 2 Mei 2002.
Nama dan alamat Bankrap : Kong Wai Yee, No. 37A, Kampong Selayun A, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Pemohonan : 7 Februari 2002.
- Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.
- Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 6 Mei 2002.

LIM SIEW YEN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 73/1997

SYARIKAT MOTOR TANG CHING YING SDN BHDPemiutang
Pengkakiman/ Pemetyisyen

LAWAN

- PG. NOORAIN BINTI PG. IDRIS (BYIC NO. 048427)
- AMIRU AND NAZ TRADING COMPANYPenghutang
Pengkakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 30 Oktober 1997.
Nama dan alamat terakhir diketahui : (1) Pg. Noorain binti Pg. Idris; (2) Amiru And Naz Trading Company, No. 10, Simpang 413-58-35, Kampong Pengkalen Sibabau, Mentiri, Muara, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petyisyen : 11 September 1997.
- Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.
- Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 1 Mei 2002.

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 81/2001

MORTGAGE AND FINANCE BERHADPemiutang Penghakiman/Pe-
metisyen

LAWAN

BUJANG BIN ALI (BYIC NO. 040455)Penghutang
Pengkakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 30 Oktober 1997.
Nama dan alamat terakhir diketahui : Bujang bin Ali, Lot 4061, No. 4, Simpang 1241, Kampong Tunggalan, Sungai Liang, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petyisyen : 20 Ogos 2001.
- Semua si piutang-si piutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.
- Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 30 April 2002.

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 168/1999

HSBC FINANCE (B) BERHAD Pemiutang/Pemetyisyen
LAWAN
SUPARTI BINTI KATOMI (K.P. BRUNEI NO. 040212 - KUNING)Peng-
hutang/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

- Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 2 Mei 2002.
Nama dan alamat Bankrap terakhir diketahui : Suparti binti Katomi, No. 88H, Kampong Sungai Pandan BM 1926, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Pemohonan : 7 Januari 2002.
- Semua si piutang-si piutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa segera yang boleh.
- Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 6 Mei 2002.

LIM SIEW YEN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi



**DI DALAM
MAHKAMAH BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 81/2001

MORTGAGE AND FINANCE BERHADPemiutang Penghakiman/Pe-
metisyen

LAWAN

BUJANG BIN ALI (BYIC NO. 040455)Penghutang
Pengkakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghakiman bertarikh 3 November 2001.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-Pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada **22 Mei 2002** jam 3.00 petang.
Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 22 Mei 2002 jam 3.00 petang.
Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyuar penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang mengenai dengan hal-hal yang juga sebab kegagalannya. Bertarikh 30 April 2002.

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 73/1997

SYARIKAT MOTOR TANG CHING YING SDN BHDPemiutang
Pengkakiman/ Pemetyisyen

LAWAN

- PG. NOORAIN BINTI PG. IDRIS (BYIC NO. 048427)
- AMIRU AND NAZ TRADING COMPANYPenghutang
Pengkakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 Oktober 1997.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-Pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar, pada **30 Mei 2002** jam 2.30 petang.
Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 30 Mei 2002 jam 2.00 petang.
Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyuar penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang mengenai dengan hal-hal yang juga sebab kegagalannya. Bertarikh 1 Mei 2002.

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi



**JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Bilangan Tawaran : DA/K/SSP/73/2002 dan DA/K/SSP/74/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar.
- Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan atau syarikat-syarikat swasta yang ada hubung kaitnya dengan kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airline (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.
- Bayaran dokumen dan pentadbiran (tidak dikembalikan) untuk setiap dokumen adalah seperti berikut : - \$20.00 bagi DA/K/SSP/73/2002; \$40.00 bagi DA/K/SSP/74/2002. Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Kewangan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Tingkat Satu (1), Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
- Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Unit Sebutarga Stor dan Perbekalan, di Blok A, Tingkat Satu (1), Kementerian Pendidikan setelah membuat pembayaran.
- Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
- Bayaran dokumen tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai.
- Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Resit Bayaran Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul tersebut hendaklah ditulis bilangan tawaran dan tajuk sepertimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada **hari Isnin 10 Jun 2002** jam 2.00 petang.
- Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Bilangan Tawaran	Keterangan	Bayaran Dokumen	Tarikh Tutup dan waktu penerimaan
DA/K/SSP/73/2002	To Supply, Install, Test, Commissioning And Training Of 1 Unit TM 104, Gyroscope C/W Accessories For Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam.	\$20.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	10 Jun 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)
DA/K/SSP/74/2002	To Supply, Install, Test, Commissioning And Training of 1 Unit Lathe Machine For Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam.	\$40.00 (Bayaran Dokumen dan Pentadbiran tidak dikembalikan)	10 Jun 2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)

Waktu-waktu penerimaan wang bayaran dokumen dan pentadbiran Isnin hingga Khamis 8.00 pagi - 11.30 pagi, 1.30 petang hingga 2.30 petang. Sabtu 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

PEMBETULAN

MERUJUK Bilangan Tawaran DA/K/SSP/56/2002 hingga DA/K/SSP/65/2002 di ruangan iklan muka surat 3, keluaran PELITA BRUNEI bertarikh 15 Mei 2002 adalah dibetulkan iaitu tarikh tutup sebenar ialah pada **hari Isnin, 27 Mei 2002** dan BUKANNYA pada 20 Mei 2002 seperti yang dimaklumkan di no. 9 syarat tawaran berkenaan.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

JUALAN LELONG LIMA (5) BUAH KENDERAAN

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa jualan lelong kenderaan-kenderaan yang tersebut di bawah akan diadakan pada **4 Jun 2002 hari Selasa jam 9.00 pagi** bertempat di Bengkel Airport Lama berdekatan Padang JKR.

Bil	Jenis Kenderaan	No. Pendaftaran
1.	BUS TOYOTA	BG 4319
2.	BUS DAIHATSU	BG 4813
3.	BUS DAIHATSU	BG 4816
4.	PICK UP DAIHATSU	BG 5152
5.	PICK UP MAZDA	BG 3282



**DI DALAM
MAHKAMAH MAJISTRET
KUALA BELAIT**

SAMAN BIL : 18/2000

DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ...
Plaintiff

DAN

DAYANG ROKAYAH BINTI MAT ... Defendant

**NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH
PENYAMPAIAN GANTI**

KEPADA : Penghutang Penghakiman yang dinamakan di atas Dayang Rokayah binti Mat, alamatnya yang terakhir diketahui ialah di No. 6, Simpang 363-73-13, Rancangan Perumahan Negara, Kampong Pandan, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Sila ambil perhatian bahawa saman penghutang Penghakiman telah difailkan terhadap kamu dalam Mahkamah yang tersebut di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang menghendaki kamu

supaya hadir di Mahkamah Majistret di Kuala Belait, pada 8 Jun 2002 jam 2.15 petang, untuk memberi sebab mengapa penghakiman yang dijatuhkan dalam kes yang tersebut di atas tidak patut dilaksanakan dengan menahan dan menjual harta alih kamu dan/atau dengan menahan kamu di dalam penjara banduan sivil.

Dan adalah diperintahkan bahawa penyampaian saman tersebut dilakukan ke atas kamu dengan menyerahkan satu salinan Notis Pemberitahuan Menurut Perintah Penyampaian Ganti ini dalam satu keluaran akhbar PELITA BRUNEI dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi ke atas kamu.

Dan sila ambil perhatian selanjutnya bahawa jika kamu tidak hadir, waran tangkap atau sesuatu perintah boleh dibuat terhadap kamu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Kehadiran kamu boleh diketepikan dengan syarat wang penghakiman yang terhutang kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu \$698.40 berserta dengan faedah 6 peratus setahun mulai dari 28 Februari 2001 hingga tarikh ia dijelaskan sepenuhnya dan kos, dibayar secepatnya. Bertarikh pada 12 Januari 2002.

Radin Saiflee Radin Mas Basiuni - Majistret

Notis Pemberitahuan Menurut Perintah Penyampaian Ganti ini dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff yang tersebut di atas, alamat penyampaiannya di Jabatan Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan BA 1910, Negara Brunei Darussalam.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. TEKNISIYEN KAPAL TINGKAT II [BILANGAN KOD: 104 03 594]

[DI KEMENTERIAN PERTAHANAN]

TANGGAGAJI: E3 EB 4 \$ 660 - \$ 875 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC3 dalam bidang teknikal. ATAU
- i) Lulus Penilaian Menengah Bawah [PMB].
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- ii) Mempunyai pengalaman dalam bidang kerja teknisyen kapal sekurang-kurangnya 3 tahun atau merupakan satu kelebihan.

2. PENGAWAS SASARAN [BILANGAN KOD: 104 59 995]

[DI KEMENTERIAN PERTAHANAN]

TANGGAGAJI: E3 EB 4 \$ 660 - \$ 875 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- i) Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC3 dalam bidang teknikal. ATAU
- ii) Lulus Penilaian Menengah Bawah [PMB].
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- iii) Mempunyai pengetahuan dalam penggunaan alat-alat mekanikal/elektrik.
- iv) Mempunyai lesen memandu jentera berat serta pernah menjalani latihan pengawasan shelduck adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Membantu Ketua Pelancar dalam pengarah sistem sasaran 'shelduck' (shelduck target system). Ini termasuk pemeriksaan awala sebelum terbang, menghidupkan enjin dan memulihkan sasaran.
- Membantu dalam pemeliharaan dan rawatan kesemua kenderaan dan peralatan sasaran.
- Memandu dan mengendalikan kenderaan HIAB seberat 4 ton dan 'landrover'.
- Mengemaskan payung terjun.

3. PENJALAN JENTERA BERAT [BILANGAN KOD: 004 97 480]

[DI JABATAN PERTANIAN, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN]

DAN SUMBER-SUMBER UTAMA]

TANGGAGAJI: E2-3 EB 4 \$ 590 - \$ 875 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- i) Lulus Penilaian Menengah Bawah [PMB].
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja menggunakan jentera berat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
- iii) Mempunyai lesen memandu kelas 5 dan 11 serta mempunyai rekod memandu yang selamat.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab menjalankan jentera-jentera pertanian dan menjaga keselamatan jentera-jentera tersebut.
- Membbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

4. KETUA TUKANG MASAK [BILANGAN KOD: 104 53 120]

[DI KEMENTERIAN PERTAHANAN]

TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- i) Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC3 dalam bidang Basic Cookery, Basic Food dan Beverage Services. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Tukang Masak sekurang-kurangnya 3 tahun.

5. TUKANG KAYU [BILANGAN KOD: 055 95 413]

[DI JABATAN PERHUTANAN, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN]

DAN SUMBER-SUMBER UTAMA]

TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- i) Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC3 dalam Carpentry and Joinery/Furniture & Cabinet Making.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang yang berkaitan dalam tanggagaji F1 sekurang-kurangnya 5 tahun.

6. PEMBACA METER [BILANGAN KOD: 084 39 962]

[DI JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN]

TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- i) Lulus Penilaian Menengah Bawah [PMB].
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang yang berkaitan dengan kerja-kerja pemeteran dalam tanggagaji F1 sekurang-kurangnya 5 tahun.

7. TRADESMAN KUMPULAN I TINGKAT I [BILANGAN KOD: 030 03 961]

[DI JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,]

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN]

TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- i) Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC3 dalam bidang yang bersesuaian.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam sebagai Juruelektrik/Wireman/Fitter Mekanik atau Buruh dalam tanggagaji F1 dalam bidang kerja-kerja teknikal sekurang-kurangnya 5 tahun.

- Tamat dan lulus kursus Jabatan Perkhidmatan Elektrik jangka pendek di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal peringkat pertama dan kedua atau kursus pendawaian dan pemasangan yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan bagi calon syarat a (i) dan (ii) adalah diberi keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Memasang dan memelihara talian-talian overhead yang berupaya sehingga 11KV. Memasang dan mengawasi pendawaian dan pemasangan di rumah-rumah dan bangunan-bangunan Kerajaan. Menjadi Fitter Mekanik di Stesen Janakusa. Bekerjasama dengan seorang Tradesman Kumpulan I Tingkat Khas dan Tradesman Kumpulan II Tingkat Khas atau bersendirian di bawah pengawasan seorang mandur.

8. MEKANIK [BILANGAN KOD: 016 84 321]

[DI JABATAN PENERBANGAN AWAM,]

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN]

TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- i) Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC 3 dalam Motor Vehicle Mechanic.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Tradesman Tingkat II atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya sekurang-kurangnya 3 tahun.
- iii) Mempunyai lesen memandu kelas 3
- iv) Berpengalaman dalam bidang kerja penyelenggaraan dan pemeliharaan kenderaan atau jentera berat dan ringan adalah merupakan satu kelebihan.
- v) Berpengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan dan pernah mengendalikan tugas-tugas sebagai Mekanik adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN B:

- Melaporkan kepada Mekanik Tingkat Khas hal-hal kerja penyelenggaraan dan pemeliharaan kenderaan dan jentera berat dan ringan.
- Mengendalikan kerja-kerja pemeliharaan kenderaan sama ada ber jentera berat atau ringan.
- Membuat pemeriksaan perkhidmatan (Servicing) ke atas kenderaan dan jentera.
- Mengendalikan kerja-kerja 'welding'.
- Membuat laporan kerosakan kenderaan dan menghadapkan permohonan bagi mendapatkan alat ganti.
- Bertanggungjawab kepada Tradesman Tingkat II.

9. PEMBERI ISYARAT TINGKAT I [BILANGAN KOD: 060 98 946]

[DI JABATAN LAUT, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN]

TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- i) Lulus Penilaian Menengah Bawah [PMB].
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji F1 sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang yang berkaitan.
- iii) Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- iv) Lulus ujian penglihatan dan pendengaran dari hospital kerajaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Memberikan perkhidmatan perhubungan secara penglihatan dan pendengaran di antara kapal-kapal yang menggunakan pelabuhan atau yang melalui perairan Brunei dan Stesen Isyarat.

10. TUKANG ELEKTRIK [BILANGAN KOD: 086 85 553]

[DI JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI,]

JABATAN PERDANA MENTERI]

TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- i) Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC3 dalam bidang elektrik.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Lulus Penilaian Menengah Bawah [PMB] serta mempunyai pengalaman dalam pemasangan elektrik dan kerja-kerja membaiki peralatan elektrik.
- iii) Calon-calon akan dikehendaki untuk menjalani satu ujian kemahiran praktikal.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Menjalankan kerja-kerja rawatan am di bangunan-bangunan Radio Televisyen Brunei atau menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan kegiatan operasi RTB dan bekerja di luar pejabat, menurut keperluan perkhidmatannya.

11. A) TRADESMAN TINGKAT I [BILANGAN KOD: 112 03 955]

[DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA]

B) TRADESMAN TINGKAT I [BILANGAN KOD: 060 03 955]

[DI JABATAN LAUT, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN]

C) TRADESMAN TINGKAT I [BILANGAN KOD: 113 03 955]

[DI KEMENTERIAN KESIHATAN]

TANGGAGAJI JAWATAN A, B DAN C:

E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN A:

- i) Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC3 dalam salah satu bidang berikut:-
 - Pertukangan kayu.
 - Pemasangan paip air
 - Pemasangan wire elektrik
 - Hal ehwal konkrit dan plaster
 Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Tradesman Tingkat II sekurang-

kurangnya 3 tahun.

- iii) Tahu membaca dan menulis jawi adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Tugas dan tanggungjawab akan ditentukan menurut keperluan di antara salah satu kemahiran-kemahiran yang dinyatakan di para a(i).

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN B:

- i) Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC3 dalam bidang teknikal.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Tradesman Tingkat II dalam bidang yang berkaitan sekurang-kurangnya 3 tahun.
- iii) Mempunyai pengetahuan dalam menggunakan perkakas-perkakas dan lain-lain alat-alat kejuruteraan yang digunakan di dalam sebuah woksypok kejuruteraan adalah merupakan satu kelebihan.
- iv) Berpengalaman dalam kerja-kerja membaiki enjin disel marine yang bertenaga sehingga 500 Brake Horse Power adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Merawat, memelihara dan membaiki pemasangan-pemasangan teknikal di atas kapal-kapal dan juga enjin-enjin yang memberi kuasa kepada alat-alat pelayaran.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN C:

- i) Mempunyai kelulusan BDTVEC NTC3 dalam salah satu bidang berikut:-
 - Hal ehwal hawa dingin dan penyejuk.
 - Pemasangan paip air
 - Pemasangan wire elektrik
 - Hal ehwal konkrit dan plaster
 Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Tradesman Tingkat II dalam bidang yang berkaitan sekurang-kurangnya 3 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Menyelenggara kerja-kerja pemasangan, pemeliharaan, pembaikan dan kerja-kerja berkaitan dalam bidang yang berkenaan dengan kelayakan dan pengalaman yang diperolehi. Di samping itu, mestilah juga bersedia melakukan kerja-kerja dalam bidang-bidang lain apabila dikehendaki dan difikirkan perlu.
- Menggunakan alat-alat penguji dan perkakas tertentu dan diperlukan dalam menyelenggarakan kerja-kerja.
- Melakukan kerja-kerja tanpa banyak pengawasan.
- Mengamalkan kerja-kerja mengikut tata tertib dan peraturan kerja yang betul dan selamat.
- Bersedia bertugas di luar waktu bekerja biasa termasuk secara bergilir.
- Bersedia menjalankan tugas-tugas dan arahan-arahan di mana-mana sahaja bahagian Kementerian Kesihatan, apabila dikehendaki, umpamanya di hospital daerah dan klinik-klinik kesihatan.

12. PENGHANTAR SAMAN [BILANGAN KOD: 112 37 051]

[DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA]

TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- i) Lulus Penilaian Menengah Bawah [PMB].
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pelayan atau Posmen sekurang-kurangnya 5 tahun.
- iii) Mempunyai pengalaman dalam kerja menghantar saman adalah merupakan satu kelebihan.
- iv) Berkebolehan menulis dan membaca jawi adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Menghantar surat-surat saman dan yang bersangkutan paut dengan Mahkamah Syariah.

13. PELATIH TEKNIKAL [BILANGAN KOD: 078 84 370]

[DI JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN,]

JABATAN PERDANA MENTERI]

TANGGAGAJI: E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- i) Lulus Penilaian Menengah Bawah [PMB].
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- ii) Mempunyai pengalaman dalam bidang percetakan adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Calon-calon yang berjaya adalah dikehendaki mengikut satu perjanjian dengan Jabatan Percetakan Kerajaan bagi mengikuti kursus latihan itu hingga tamat dan akan berkhidmat tidak kurang 3 tahun selepas tamat mengikuti latihan.
- Dikehendaki menjalani skim latihan selama 2 tahun dan jika tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, jangka masa latihan akan dilanjutkan kepada 3 tahun. Jika masih tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang diperlukan selepas jangka waktu lanjutan ini, maka perkhidmatan mungkin akan ditamatkan.
- Tidak dibenarkan memohon jawatan lain dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta semasa menjalani kursus latihan (apprenticeship). Jika didapati melanggar peraturan-peraturan ini, perkhidmatan akan ditamatkan dan dikenakan membayar balik kepada kerajaan jumlah perbelanjaan yang sama.
- Adalah ditegah daripada berkahwin semasa menjalani kursus latihan. Jika didapati melanggar peraturan ini, perkhidmatan akan ditamatkan dengan serta merta tanpa notis dan dikenakan membayar balik kepada kerajaan jumlah perbelanjaan yang sama.
- Hendaklah mematuhi semua peraturan yang dibuat oleh Jabatan Percetakan Kerajaan berkaitan dengan skim latihan ini.

Dari muka 4

14. A) PENGAWAS KECIL [BILANGAN KOD: 068 70 108]

[DI JABATAN MUZIUM-MUZIU, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN]

B) PENGAWAS KECIL [BILANGAN KOD: 112 70 108]

[DI KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA]

C) PENGAWAS KECIL [BILANGAN KOD: 016 70 108]

[DI JABATAN PENERBANGAN AWAM, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN]

D) PENGAWAS KECIL [BILANGAN KOD: 027 70 108]

[DI JABATAN DAERAH TEMBURONG, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI]

E) PENGAWAS KECIL [BILANGAN KOD: 104 70 108]

[DI KEMENTERIAN PERTAHANAN]

TANGGAGAJI BAGI JAWATAN A HINGGA E:

E1-2-3 EB 4 \$ 515 - \$ 875 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

a) i) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB).

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah

merupakan satu kelebihan. ATAU

ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam sebagai Mandur sekurang-kurangnya 3 tahun.

b) Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan

Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

SYARAT TAMBAHAN JAWATAN [B]:

b) Tahu membaca dan menulis jawi adalah merupakan satu kelebihan.

SYARAT TAMBAHAN JAWATAN [C]:

a) Mempunyai pengalaman dalam bidang kerja pemeliharaan infrastruk-

tur dan landskap adalah merupakan satu kelebihan.

b) Mempunyai pengalaman dalam hal kerja-kerja yang berkaitan seperti

mengawas pekerja adalah merupakan satu kelebihan.

SYARAT TAMBAHAN JAWATAN [D]:

b) Mempunyai pengalaman mengawas dan mengawal pekerja-pekerja

buruh jalan kecil di kampung-kampung pedalaman Daerah

Temburong adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN [A]:

1. Bertanggungjawab kepada pegawai atasanannya.

2. Mengawas buruh-buruh atau tukang-tukang kebun dalam men-

jalankan kerja-kerja harian serta mengawas kebersihan kawasan ban-

gunan Muzium.

3. Melawat serta memelihara kawasan-kawasan Muzium.

4. Memastikan semua kebun-kebun bunga subur dan bersih serta

berusaha untuk meningkatkan kecantikan taman di kawasan Muzium.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN [C]:

1. Melaporkan diri kepada Pengawas Tingkat II dalam hal-hal kerja

sehari-hari mengenai infrastruktur/landskap di unit masing-masing.

2. Mengawas dan memastikan setiap kerja yang diataskan dikehendaki

seperti yang diarahkan dan dirangkaikan.

3. Membuat laporan harian mengenai kerja-kerja yang dikendalikan dan

menghadapkan laporan hal-ehwal pekerja.

4. Bertanggungjawab kepada mandur di unit masing-masing dalam

memberikan arahan kerja.

15. MANDUR [BILANGAN KOD: 104 70 103]

[DI KEMENTERIAN PERTAHANAN]

TANGGAGAJI: F2-3-4 EB 5 \$ 495 - \$ 700 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

a) i) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB)

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah

merupakan satu kelebihan. ATAU

ii) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam sebagai Buruh atau jawatan-jawatan yang sebanding

dengannya dan mempunyai pengalaman serta pengetahuan yang

luas dalam kerja-kerja mandur dan pengawasan buruh sekurang-

kurangnya 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menentukan kedatangan pekerja-pekerja buruh di bawah jagaannya.

2. Menentukan dan memberikan arahan-arahan kepada pekerja-pekerja

buruh di tempat masing-masing.

3. Mengawasi dan menentukan kebersihan dan kawasan dalam dan luar

perkhidmatan.

4. Mestilah sentiasa berada di tempat pekerja-pekerjanya.

5. Membuat Time Sheet pekerja-pekerja buruh yang bergaji hari.

6. Membuat laporan dan lain-lain.

NOTA:

1. Semua kelulusan, sijil-sijil kecik, peperiksaan yang dikendalikan

oleh badan-badan yang dinyatakan di atas hendaklah yang diiktiraf

oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai laporan

penilaian prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebe-

lakangan.

AM:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila

masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-

gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk beru-

gas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERINGATAN:

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam

perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan melalui

Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-

sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod

Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan

serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipo-

hankan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa

catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang yang boleh dida-

pati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei

Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama

dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Satu, Bangunan Suruhanjaya

Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei

Darussalam.

TARIKH TUTUP: 29 JUN 2002

BILANGAN PENDAFTARAN: 06/2002

RUJUKAN: JPA/3.2/1295/81



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

TAWARAN BAGI PEMELIHARAAN BANGUNAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN TAHUN 2002 HINGGA 2005

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pem-
borong tempatan yang berdaftar dalam Kelas II dan III kategori 1, 2, 3,
4a, b, c, d, 5 e, f dan h untuk membersihkan Pejabat Kementerian
Pembangunan Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang ter-
tutup dan ditulis dengan nama dan tajuk iaitu 'TAWARAN BAGI PEMELI-
HARAAN BANGUNAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN TAHUN 2002
HINGGA 2005' tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dihadapkan
terus kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian
Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Bandar Seri Begawan BS 8710,

Negara Brunei Darussalam tidak lewat hari Khamis 30 Mei 2002 jam
2.00 petang.

3. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari masa dan tarikh yang ditetap-
kan tidak akan dilayan.
4. Bayaran Yuran Tawaran adalah seperti Surat Pemberitahuan Jabatan
Kerja Raya, Kementerian Pembangunan Bilangan 36/2001 iaitu bagi
kelas II dan III sebanyak \$25.00 dan tidak akan dikembalikan.
5. Tawaran ini adalah untuk tempoh tiga tahun atau mana-mana tempoh
yang bersesuaian (mulai tarikh perjanjian ditandatangani).
6. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki
membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan pembekal yang menunjukkan
bahawa pemborong adalah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan
dan masih sah dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar
dokumen itu seperti kadar yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat
menerima sebarang tawaran yang rendah atau apa-apa jua bentuk
tawaran.

7. Pemborong hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran yang
menyinaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, Nombor
Kad Pengenal atau Nombor Pasport Pemilik.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya
menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JPA/APM. 2002/09

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan
untuk menjalankan perniagaan berikut : TAWARAN BAGI : 'CONCES-
SION AS AGENT FOR THE RENTAL OF ADVERTISING SPACE, TER-
MINAL COMPLEX, AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM'.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup
ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan
hendaklah ditulis dengan TAWARAN BAGI : 'CONCESSION AS AGENT
FOR THE RENTAL OF ADVERTISING SPACE, TERMINAL COMPLEX,
AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, NEGARA BRUNEI DARUS-
SALAM' - Bilangan Tawaran : JPA/APM.2002/09 kepada Pengerusi
Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8,
Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Peman-
cha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Pengerusi
Tawaran Negara tidak lewat jam 2.00 petang, hari Isnin, 24 Jun 2002.
Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetap-
kan tidak akan dilayan.
4. Lawatan bagi maksud melihat kawasan berkenaan akan dibuat pada hari
Sabtu 22 Jun 2002, jam 9.00 pagi. Semua wakil syarikat diminta
berkumpul di Pejabat Bahagian Pengurusan Lapangan Terbang, Tingkat
2, Jabatan Penerbangan Awam pada tarikh dan waktu yang ditetapkan.
5. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan,
Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam,
Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam
semasa waktu pejabat (Isnin - Khamis dan Sabtu) dengan cagaran
sebanyak \$B25.00 tidak akan dikembalikan.
6. Penerangan-penerangan yang lebih lanjut boleh didapati dari Pejabat
Pengurus Lapangan Terbang, Kompleks Bangunan Terminal, Lapangan
Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas, Negara Brunei Darussalam
melalui telefon 02-330142 atau 332337 sambungan 1334, 1353 atau
melalui faks : 02-331772.

JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

NO. PROJEK : JTB/NE/NNF/NMTE/02/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi THE SUPPLY, DELIVERY
& INSTALLATION OF LIGHTNING PROTECTION SYSTEM AND AC
SURGE PROTECTION SYSTEM FOR TELECOMMUNICATION BUILD-
INGS AND TOWERS.
2. Tiga salinan dari tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam
sampul surat yang tertutup, ditulis dengan TAWARAN BAGI 'THE SUP-
PLY, DELIVERY & INSTALLATION OF LIGHTNING PROTECTION SYSTEM
AND AC SURGE PROTECTION SYSTEM FOR TELECOMMUNI-
CATION BUILDINGS AND TOWERS'. - Bilangan Tawaran :
JTB/NE/NNF/NMTE/02/2002 tanpa menunjukkan identiti
pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga
Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB,
Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat
jam 2.00 petang pada hari Isnin 27 Mei 2002.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut
boleh didapati dari Pejabat Pendaftaran Kontraktor dan
Pengeluaran Tawaran, Tingkat Dua (2), Bangunan Ibu Pejabat Telekom
Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam
BB 3510 setelah menyetorkan pembayaran yuran tawaran berjumlah
\$200.00 (tidak dikembalikan).
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya
menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
5. Pembayaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau de-
ngan cek tempatan berserta dengan bank guarantee.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran Biasa : KK/53/2002 dan KK/54/2002

Bilangan Tawaran Kecil : KK/TK/76/2002 dan KK/TK/77/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

- 1) Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh dida-
pati daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan,
Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan,
semasa waktu-waktu bekerja.
- 2) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah
dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama
tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepa-
da :- Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bahagian Lembaga Tawaran
Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Peman-
cha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
- a) Tawaran yang mempunyai rujukan KK/53/2002 hingga KK/54/2002
hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Isnin
10 Jun 2002.
- b) Tawaran yang mempunyai rujukan KK/TK/76/2002 hingga
KK/TK/77/2002 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00
petang, hari Isnin 10 Jun 2002.
- 3) Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetap-
kan tidak akan dilayan.
- 4) Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti di-
nyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja
(wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh
dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi
